


Jilid III  
Bil. 3



Hari Khamis  
24hb Mac, 1977

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEEMPAT**

*Fourth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**

*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 253]**

**USUL:**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang  
di-Pertuan Agong [Ruangan 300]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan  
Mesyuarat [Ruangan 326]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATUK HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., J.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG, (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat,  
TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK  
UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN  
HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN  
(Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING  
(Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,  
TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., S.P.M.J., S.I.M.P.,  
S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P.  
(Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tauran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

- Yang Berhormat TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.P.M.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGGU ZAID AL-HAJ BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 24hb Mac, 1977

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAANPERDAGANGAN "PREFERENTIAL"  
NEGARA-NEGARA ASEAN

1. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandangkan kenyataan yang dibuat oleh beliau baru-baru ini bahawa Kerajaan kita tidak bersetuju dengan cara potongan 10 peratus terbuka bagi perdagangan "preferential" (preferential trade) meliputi ahli-ahli ASEAN tetapi sebaliknya lebih suka dengan cara memperkurangkan garisan berkesan (effective margin) bagi perdagangan ASEAN berasaskan kepada hasil demi hasil, adakah cadangan-cadangan beliau telah dipersetujui oleh lain-lain ahli ASEAN. Jika tidak, apakah langkah-langkah beliau bercadang hendak ambil.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, cadangan mengurangkan tarif cara berkesan berasaskan kepada barang demi barang adalah satu keputusan yang telah diambil di dalam mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN yang diadakan dalam bulan November, 1975.

Dalam perkara ini, saya sebagai wakil Kerajaan Malaysia di dalam persidangan ini telah mengambil pendirian yang sama dengan negara-negara sebagai Indonesia bahawa kita tidak dapat memersetujui cadangan supaya diadakan potongan 10% terbuka bagi perdagangan "preferential" (preferential

trade) meliputi semua negara ASEAN. Ini adalah dengan tujuan supaya kita dapat memberi perlindungan kepada kilang-kilang yang bergerak di negara-negara yang agak kurang maju di dalam bidang perkilangan seperti Indonesia kerana kalau sekiranya dibuka pintu negara semacam itu dengan dipotong 10% cukai kepada barang-barang yang diimpot yang dikeluarkan oleh negara yang berkenaan, ini sudah tentu akan menjejaskan perkilangan perindustrian di dalam negeri yang berkenaan memandangkan bahawa negara Indonesia umpamanya adalah jauh ke belakang dari segi kemajuan dalam bidang perindustrian. Sungguhpun ada di antara negara-negara ASEAN mencadangkan potongan 10% supaya terbuka, ianya di persidangan ini tidak dipersetujui.

Saya ingin menegaskan di sini iaitu segala keputusan yang dibuat di dalam ASEAN adalah berasaskan kepada persetujuan mutlak (unanimous decision). Walau bagaimanapun, ini tidak melarang negara-negara ASEAN dari membuat perjanjian ataupun peraturan-peraturan secara dua hala (bilateral) ataupun mengeluarkan statement, communique menyatakan dia bersetuju mengadakan potongan 10% sebagaimana yang telah dilakukan.

PENCEMARAN DAN KESELAMATAN  
DI SELAT MELAKA

2. Raja Naron bin Raja Ishak minta Menteri Perhubungan menerangkan samada beliau ada menerima laporan persidangan di antara International Oil Tanker Owners, Syarikat-syarikat Perkapalan (the I.C.S. atau International Chamber of Shipping) dan O.C.I.M.F. (atau the International Oil Companies Marine Forum) bersabit dengan pencemaran (Pollution) dan keselamatan di Selat Melaka. Jika ada, harap beri penerangan bersabit dengan cadangan dan pendapat-pendapat mereka.

**Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya belum lagi menerima apa-apa laporan mengenai persidangan di antara International Oil Tanker Owners, Syarikat-syarikat Perkapalan (the I.C.S. atau International Chamber of Shipping) dan O.C.I.M.F. (atau the International Oil Companies Marine Forum) bersabit dengan pencemaran (Pollution) dan keselamatan di Selat Melaka. Oleh itu, saya tidak dapat memberi apa-apa penerangan bersabit dengan cadangan dan pendapat-pendapat mereka.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan di sini untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa perbincangan telah diadakan secara berterusan di antara pihak-pihak tersebut dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab ke atas masalah-masalah alam sekitar dan perkapalan. Perbincangan-perbincangan ini telah diselaraskan oleh Kementerian Perhubungan. Dalam hubungan ini masalah alam sekitar adalah merupakan sebahagian daripada issue-issue yang telah dibangkitkan. Lain-lain perkara yang dibincangkan meliputi masalah-masalah keselamatan pelayaran, sekim pemisahan lalulintas dan alat-alat pelayaran.

Setakat ini perbincangan-perbincangan adalah umum dan meliputi bidang yang luas berhubung dengan keselamatan pelayaran dan masalah-masalah alam sekitar di Selat Melaka.

### PERJANJIAN PERATURAN PERDAGANGAN ISTIMEWA ASEAN

**3. Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah usaha bersama yang telah dijalankan oleh negara-negara ASEAN bagi memperbaiki ekonomi negara-negara ahlinya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah yang konkrit telah diambil oleh ASEAN bagi memperbaiki ekonomi negara-negara ahlinya. Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa baru-baru ini, iaitu pada 24hb Februari, 1977, negara-negara ASEAN telah menandatangani Perjanjian Mengenai Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN.

Melalui peraturan-peraturan yang dipersetujui dalam perjanjian tersebut, negara-negara ASEAN akan memberi keutamaan atau keistimewaan kepada barang-barang dagangan keluaran negara-negara ahlinya yang dipersetujui antara mereka. Perjanjian ini akan memberi faedah bersama kepada negara-negara ASEAN sendiri.

Dalam bidang perindustrian pula, negara-negara ASEAN telah bersetuju untuk menubuhkan kilang-kilang perindustrian seperti berikut:

Indonesia	...	Pengeluaran urea
Malaysia	...	Pengeluaran urea
Filipina	...	Pengeluaran phosphates
Singapura	...	jentera-jentera diesel
Thailand	...	pengeluaran soda ash

Langkah-langkah untuk menubuhkan kilang-kilang perindustrian tersebut sedang diuruskan. Rancangan-rancangan ini adalah bertujuan untuk memberi keutamaan kepada usaha-usaha bersendirian ASEAN terhadap pengeluaran barang-barang keperluannya dengan menggunakan dengan penuh bahan-bahan yang terdapat di negara-negara itu sendiri. Rancangan-rancangan ini juga akan menambahkan lagi peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat negara-negara ASEAN itu sendiri.

Di samping melaksanakan rancangan-rancangan kerjasama antara satu sama lain dalam usaha memperbaiki kedudukan ekonominya, negara-negara ahli ASEAN juga menjalankan usaha bersama bagi memperbaiki kedudukan pasaran barang-barang keluarannya mereka di pasaran-pasaran antarabangsa. Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa ASEAN telahpun mengadakan hubungan kerjasama dengan pertubuhan E.E.C., dan hasil hubungan ini beberapa barang-barang keluaran negara-negara ASEAN seperti kelapa sawit, nenas, minyak kelapa, lada hitam dan papan kayu lapisan, telah mendapat kemudahan memasuki pasaran negara-negara E.E.C. ASEAN juga berusaha merapatkan hubungan kerjasama dengan negara-negara lain yang maju seperti Australia, New Zealand, Jepun dan Kanada untuk faedah bersama terutama sekali kepada negara-negara ASEAN sendiri.

ASEAN akan terus menjalankan usaha-usaha seumpama itu untuk memperbaiki ekonomi negara-negara ahlinya.

**Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Soalan tambahan. Oleh kerana negara-negara ASEAN ini telah mencapai taraf ekonomi yang agak berlainan, (walaupun perjanjian telah dibuat) adakah kemungkinan bahawa perjanjian usahasama ini akan memberi lebih faedah kepada sesuatu ahli dan jikalau ada apakah jaminan bahawa perkara ini tidak berlaku?

**Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha mengadakan kilang-kilang perindustrian sebagaimana yang dicadangkan bagi ke lima-lima buah negara ini sebagaimana saya terangkan tadi sedang dirancang dengan teliti, dan pada hari semalam Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telahpun menjawab soalan berhubung dengan ini apabila menjawab soalan Yang Berhormat dari Alor Star.

#### DAGING-DAGING DIIMPOT HALAL

**4. Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, memandangkan bahawa Islam ialah agama rasmi negara kita, apakah usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk menentukan bahawa semua daging-daging yang diimpot yang boleh dimakan oleh orang Islam akan disembeleh di negara-negara asalnya menurut amalan Islam.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah mengarahkan Kementerian Pertanian dan jabatan-jabatan berkenaan seperti Jabatan Haiwan—MAJUTERNAK untuk memastikan bahawa semua daging-daging yang diimpot yang dimakan oleh orang-orang Islam adalah halal. Pada masa ini daging yang diimpot oleh MAJUTERNAK adalah ditanggung halal. Jadi, dalam perkara pengawasan kita ada dua cara dalam mana pengawasan yang rapi dibuat untuk menjamin supaya daging-daging yang kita impot daripada luar negeri adalah daging-daging yang betul-betul disembeleh cara agama kita dan didapati diakui halal. Jadi, pengawasan di dalam negeri dilakukan dengan kawalan penjualan daging halal dalam negeri, Kementerian ini melalui Bahagian Penguatkuasa sentiasa menjalankan pemeriksaan dan pengawasan terhadap peniaga-peniaga yang menggunakan penandaan halal sebagaimana

yang dikehendaki dalam Undang-undang yang saya nyatakan tadi ke atas daging-daging jualan mereka, Undang-undang di atas perkara ini telah saya sebutkan tadi dan sentiasa dijalankan kuatkuasanya, umpamanya, baharu-baharu ini sebuah firma perniagaan, yang tidak perlu saya sebutkan namanya di sini, yang menjual daging yang diperihalkan sebagai daging halal, tetapi pada sebenarnya daging-daging tersebut bukanlah daripada daging halal telah dihukum dengan hukuman denda maksima \$5,000 kerana melakukan kesalahan. Pengawasan dari segi kawalan terhadap jangan berlaku perkara ini di luar negeri, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa MAJUTERNAK adalah menghantar pegawai kepada tempat-tempat ataupun syarikat-syarikat di negeri luar, khususnya negara Australia di mana banyak daging impot ke negeri ini daripada negeri yang berkenaan supaya pegawai ini menyiasat dengan teliti dan dengan mendalamnya bahawa cara-cara yang digunakan oleh syarikat-syarikat yang berkenaan mengimpot daging di sini telah menyembeleh binatang—yang kita impot itu dengan secara yang halal. Bila dia berpuas hati pegawai ini adalah melapurkan perkara yang berkenaan itu kepada kita dan apabila daging ini dimasukkan ke dalam negara kita, kita kenakan syarat bahawa daging ini hanya boleh diimpot oleh MAJUTERNAK dan tidak pihak lain. Untuk mengawasi terlebih rapi lagi perkara ini supaya jangan berlaku, kita memerlukan satu sijil (certificate) daripada pihak yang menyembeleh ataupun kilang yang menyembeleh binatang-binatang ini mengakui bahawa daging itu adalah disembeleh dengan halal dan daging ini hanya boleh dijual dengan adanya certificate semacam itu. Inilah tindakan-tindakan kita ambil mengawasi perkara ini di dalam dan juga di luar negeri.

**Tuan Haji Embong bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah pernah dilihat cara kilang itu memproses daging itu selain daripada disembeleh; kerana waktu kita tenguk lembu itu disembeleh, tetapi apabila daging itu dikupas boleh jadi daging yang tidak disembeleh itu dicampur sekali dengan daging yang disembeleh itu, dan diimpot sekali ke sini. Perkara yang semacam itu mendatangkan syak kepada orang Islam cara daging itu dibawa ke mari. Adakah

pegawai kita memerhati ataupun tidakkah boleh Kerajaan kita meletakkan beberapa orang pegawai yang bekerja dalam kilang yang memproses daging itu sendiri.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Saya percaya apabila pegawai itu dihantar oleh MAJUTERNAK diberi tugas untuk mengawasi ataupun menyiasat samada daging itu disembeleh, disediakan dengan halal, ini termasuk bukan sahaja perkara mereka menyembelih, saya percaya juga termasuk penyiasatan mereka memproses supaya daging itu apabila keluar daripada kilang itu untuk dihantar di sini adalah tidak bercampur dengan daging-daging yang dianggap sebagai haram.

Dalam perkara ini suka juga saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu, tempat dia bekerja di mana sebuah kilang yang mengeluarkan banyak daging, orang yang diberi tugas bukan orang kita, tetapi orang di sana diberi tugas mengawasi perkara ini, namanya pun Halal daripada Pakistan (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Namanya pun Halal. Jadi, dua kali halal. (*Ketawa*).

## HAD LAJU LORI-LORI

**5. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa had laju yang dipamirkan di belakang lori-lori biasanya tidak dipatuhi oleh pemandu-pemandunya; jika ya, apakah tindakan yang beliau hendak ambil ke atas perkara ini; dan
- (b) bilakah beliau bercadang meminda undang-undang yang ada mengenai pengeluaran asap hitam yang berlebihan, memandangkan bahawa terdapat banyak kenderaan yang masih mengeluarkan asap hitam yang tebal daripada saluran asap kenderaan mereka.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Kementerian saya sedar bahawa had laju yang dipamirkan di belakang lori-lori biasanya tidak dipatuhi oleh pemandu-pemandunya.

Selain daripada tindakan-tindakan yang biasa diambil oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis, Kerajaan telah mengarahkan Pegawai-pegawai Kerajaan di dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas (Bahagian I) melapurkan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan, pemandu-pemandu yang tidak mengikut had laju yang ditetapkan supaya tindakan dapat diambil terhadap pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan itu.

- (b) Undang-undang untuk mengawal kenderaan-kenderaan daripada mengeluarkan asap berlebihan sedang diselenggarakan oleh Kementerian saya. Sementara itu pesanan untuk mendapatkan meter asap yang berkenaan telahpun dibuat oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa Kementerianya telah mengarahkan Pegawai-pegawai Division I dan lain-lain jawatan untuk melapurkan jika ada kesalahan-kesalahan dibuat oleh pemandu-pemandu lori dan sebagainya. Tidakkah pada pendapat Yang Berhormat Menteri ini adalah satu cara di mana pegawai-pegawai itu sahaja diberi arahan, mengapa tidak Public Transport Operators ini diberitahu bahawa pegawai-pegawai itu sentiasa mengawasi gerak-geri mereka. Dengan diberitahu kepada Public Transport Operators tentu sahaja mereka sentiasa berwaspada apabila mereka memandu lori-lori dan bas-bas mereka.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu saya akan pertimbangkan.

**Tuan S. Samy Vellu:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar banyak bas-bas di kawasan Wilayah Persekutuan mengeluarkan asap hitam yang tebal dan ini menjadikan satu masalah pollution di kawasan bandaraya. Oleh sebab itu, saya minta Yang Berhormat Menteri mengambil tindakan atas perkara ini bagi pihak pegawai-pegawai penguatkuasa dalam Kementerian beliau.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sudahpun dijawab dan dalam jawapan saya tadi pun saya katakan pesanan sudah dibuat untuk membeli meter pengesan asap, jadi kita sedang ambil tindakan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Soalan tambahan. Setahu saya kuasa yang diberi kepada Pegawai Division I untuk melapurkan kesalahan-kesalahan yang dibuat oleh pemandu-pemandu lori dan bas ini bukan baru diberi tetapi sudah beberapa tahun yang silam. Saya suka mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri bagaimanakah sambutan atau kerjasama daripada Pegawai-pegawai Division I terhadap tugas yang diberikan kepada mereka ini.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Sambutan yang diberi oleh Pegawai-pegawai Division I adalah baik tetapi boleh diperbaiki lagi kalau mereka itu akan bekerjasama dengan kita lebih rapat.

**Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Soalan tambahan. Saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri jikalau seseorang Pegawai Division I memberitahu bahawa lori nombor sekian-sekian berjalan lebih laju daripada 35 b.s.j. dan melapurkan kepada pihak berkenaan dan pihak berkenaan kemudian mengambil tindakan. Jadi adakah pihak yang melapurkan ini akan dipanggil menjadi saksi di dalam mahkamah dan jikalau mereka ini akan dipanggil saya percaya tindakan seperti ini tidak akan memberi apa-apa kesan kerana tidak ada siapa yang suka masuk dalam mahkamah menjadi saksi. Adakah tindakan lain daripada tindakan mahkamah dan orang ini dipanggil menjadi saksi.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Kalau perkara itu bawa ke dalam mahkamah tentulah siapa juga yang menjadi saksi itu hendaklah dipanggil.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak adakah tindakan yang lain daripada mahkamah?

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tindakan yang lain yang kita buat ialah kalau dreber itu betul didapati bersalah kita akan beri amaran ataupun kita gantung lesennya.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri juga mengatakan bahawa kuasa yang diberi kepada pegawai-pegawai itu tidak mempunyai beberapa kesan yang baik ataupun tidak memuaskan. Dari itu tidakkah terfikir oleh Yang Berhormat Menteri bahawa kami Ahli-ahli Parlimen bukan sahaja "Ahli Yang Berhormat", tetapi juga "Ahli Yang Berkhidmat". Dari itu mengapa tidak kuasa ini diberi kepada kami kerana saya berpendapat bahawa dengan kuasa ini diberi kepada kami bukan sahaja boleh kami mengawasi perkara-perkara ini tetapi dengan tidak ragu-ragu kami sanggup memberi keterangan-keterangan di mahkamah-mahkamah.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Pada waktu ini kuasa ini belum lagi diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi perkara ini saya akan bawa dalam Jemaah Menteri nanti.

**Tuan Ariffin bin Haji Daud:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa arahan telah dikeluarkan kepada Pegawai-pegawai Division I untuk mengambil tindakan tetapi apa yang saya tahu setengah-setengah Pegawai Division I, apa kesalahan yang tertentu pun dia tidak tahu, apa bentuk borang pun dia tidak tahu. Soal yang saya hendak tanya ini ialah apabila Yang Berhormat Menteri menjawab tadi bahawa sambutannya baik, berdasarkan kepada apakah Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa sambutan ini baik. Adakah ini daripada laporan yang dihantar oleh Pendaftar-pendaftar Kenderaan tiap-tiap Negeri ataupun lain-lain perkara.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Bila saya katakan sambutan adalah baik, memang ada Division I Officer yang memberi laporan kepada kita tetapi apa yang saya katakan tadi kalau kita dapat kerjasama yang lebih menyeluruh daripada semua pegawai-pegawai Division I, saya percaya ianya lebih berkesan lagi. Pada waktu ini sudah ada kerjasama tetapi kita harap lebih banyak kerjasama lagi dimasa hadapan dan apatah lagi bila cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor tadi supaya kita beri kuasa kepada mereka dan mereka akan membantu kita, maka kita harap akan lebih banyak kerjasama lagi kita dapat daripada mereka.

**Tuan S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya dapat tahu daripada Kementerian dan juga pegawai-pegawai Kementerian juga pegawai-pegawai yang menjaga atas penguatkuasaan atas masalah-masalah ini tetapi pegawai-pegawai itu tidak membuat kerja atau tidak menjalankan tugas-tugasnya, dia duduk dipejabat sahaja, sebab itu semua lori-lori mengeluarkan asap hitam. Bukan itu sahaja, saya ada berjumpa dengan seorang pegawai dan katanya jikalau kita jalankan tugas dengan keras barangkali dreber lori-lori akan pukul kita, sebab itu kita tidak buat kerja. Saya minta Yang Berhormat Menteri ambil satu tindakan yang keras ke atas pegawai dan juga ke atas dreber-dreber lori itu.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tiap-tiap pegawai yang kita ambil untuk bertugas dengan Kerajaan untuk menjalankan sesuatu kerja itu memanglah kita anggap mereka menjalankan tugasnya dengan betul. Kalau dia didapati tidak menjalankan tugasnya harus pegawai itu dibuang kerja ataupun diberi amaran keras bagi kesalahan yang pertama, tetapi payahlah kita mengambil tindakan kepada seorang pegawai itu kalau tidak ada bukti. Kalau Ahli Yang Berhormat itu dapat memberi bukti ada seseorang pegawai yang tertentu tidak menjalankan tugasnya seperti yang dikehendaki maka bolehlah kita siasat perkara itu samada benar ataupun tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nampaknya minat Ahli-ahli Yang Berhormat dalam soal ini cukup laju, kena tahan berek sedikitlah. Ahli Yang Berhormat dari Maran yang akhir sekali.

**Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya kurang puas hati di atas jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Yang Berhormat Menteri mengatakan kalau kes itu dibawa ke mahkamah maka tentulah orang yang melapurkan ini kena *sub poena*—itu memang betul, tetapi masalahnya siapa yang hendak mencari penyakit. Dia dapat *sub poena*, kemudian pergi ke mahkamah, tinggalkan kerjanya dan sebagainya. Dengan itu tidak banyak pegawai ataupun mungkin tidak ada pegawai yang mahu melapurkan lori-lori yang melanggar peraturan ini. Soalan saya, oleh kerana perkara ini tidak berkesan dan kalau berkesan harap Yang Berhormat Menteri beritahu berapa orang yang telah

melapurkan semenjak kuasa ini diberi, saya percaya perkara ini tidak ada kesan dan kalau tidak ada kesan apakah tindakan lain yang Yang Berhormat Menteri bercadang hendak ambil.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Saya katakan sudah ada kesan, sudah ada kerjasama dan mana-mana kes yang perlu kita bawa dalam mahkamah itu memang yang merepot itu dipanggil menjadi saksi—terpaksalah, walaupun samada dia suka ataupun tidak dia terkena dipanggil dalam mahkamah. Di dalam segi ini tidak ada jalan lain yang kita boleh ambil. Dan jalan yang lain untuk kita mencegah masalah ini sebagaimana yang saya sudah terangkan tadi ada banyak lagi dan pada hari-hari yang lepas pun saya sudah terangkan banyak kali cara-cara untuk kita mencegah. Saya ingat tidak payahlah saya beri penerangan lagi dengan lanjut di sini tetapi kalau Ahli Yang Berhormat itu ada cadangan yang lebih baik maka bukan sahaja di sini tetapi di Kementerian saya pun saya bersedia menerima cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, termasuklah Ahli Yang Berhormat tadi itu.

## LAPURAN GAJI KABINET

**6. Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar ramai pegawai dan kakitangan Jabatan Kerajaan yang menjalankan tugas tidak sepenuh hati kerana kehampaan mereka terhadap Laporan Gaji Kabinet, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil terhadap perkara ini.

**Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, adalah diperhatikan bahawa dari maklumat-maklumat yang diterima, perakuan Jawatan-kuasa Kabinet pada keseluruhannya mendapat sambutan baik dari pegawai-pegawai serta kakitangan Jabatan Kerajaan. Dengan demikian soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak timbul.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa akibat daripada tawaran gaji baru ini ada beberapa orang doktor di Trengganu itu memberi notis meletakkan jawatan kerana tidak puas hati dengan tawaran gaji yang ditawarkan oleh Kerajaan.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, samada doktor-doktor ini memberi notis akibat lapuran gaji ini, saya tidak pasti, tetapi pada keseluruhannya seperti yang saya katakan lapuran ini telah disambut baik dari kakitangan.

### PEMBEKALAN LETRIK DI DAERAH KUALA KANGSAR

**7. Tuan S. Samy Vellu** minta Menteri Kerja-Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan, samada beliau sedar bahawa lebih dari 22 buah projek-projek pembekalan letrik (electrification projects) luarbandar yang diluluskan untuk pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kedua di dalam Daerah Kuala Kangsar telah diamatkan begitu sahaja, kerana kekurangan wang. Dapatkah Menteri yang berkenaan menentukan bilakah projek-projek itu akan dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada terdapat beberapa projek bekalan letrik luarbandar di Daerah Kuala Kangsar yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua telah dapat dilaksanakan dalam tempoh Rancangan tersebut.

Saya ingin menjelaskan bahawa sebenarnya terdapat enam projek bekalan letrik luarbandar di Daerah Kuala Kangsar yang terlibat dan bukannya 22 projek seperti yang dinyatakan dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu. Projek-projek tersebut yang terdiri dari projek-projek:

1. Kampung Raja, Sadang Estate, Tg. Belanja Kanan,
2. Kampung Ekor Bota Kiri,
3. Kampung Lallang "A",
4. Kampung Talang Hulu,
5. Kampung Lawin dan
6. Kampung Gapis.

Semua projek ini adalah projek-projek di dalam Kawasan Syarikat Pengeluaran Letrik Kinta Bhd. (K.E.D.).

Adalah benar bahawa masalah kewangan yang dihadapi oleh Syarikat tersebut telah menyebabkan projek-projek di atas terlambat tetapi masalah ini telahpun diatasi sekarang.

Oleh yang demikian projek-projek yang tersebut itu adalah dimasukkan di bawah

Rancangan Malaysia Ketiga dan diberi keutamaan dari segi pelaksanaan supaya dapat disiapkan segera. Pihak Syarikat sekarang ini telah mengambil segala tindakan untuk melaksanakan projek-projek tersebut.

**Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri samada beliau sedar bahawa keadaan sebagaimana terdapat di Sungai Siput ini adalah terdapat di lain-lain daerah seperti Seberang Prai dan lain-lain di mana juga pembangunan rancangan yang sudah disah dan diterima oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah dan juga Negeri yang sudah disenarai untuk dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Kedua sehingga hari ini belum dijalankan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa layanan sebagaimana yang telah diberi oleh beliau berkait dengan Sungai Siput ini akan juga diberi kepada lain-lain daerah di seluruh Semenanjung ini.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya terangkan tadi berkenaan dengan enam projek yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput ini adalah dalam kawasan Syarikat Pengeluaran Letrik Kinta Bhd. Jadi, di sini tidaklah dapat saya menentukan adakah masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kepala Batas itu termasuk dalam kawasan syarikat ini. Walau bagaimanapun, saya akan periksa perkara itu dan kalau termasuk dalam perkara ini, projek itu juga akan dilaksanakan seperti yang termasuk dalam kawasan yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput.

**Tuan S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar kawasan saya dan daerah Kuala Kangsar termasuk di dalam kuasa satu Syarikat K.E.D. (Kinta Electrical Distribution Co.) tetapi saya dapat tahu dalam tahun 1976 kontrek dengan syarikat itu dan Kerajaan telah tamat. Kerajaan sudah tahu kontrek ini tamat, mengapakah Kerajaan tidak mengambil tindakan untuk mengambil syarikat itu dan juga rancangan-rancangan baru. Apa yang saya dapat tahu oleh sebab syarikat itu sudah tamat kontreknya maka dia tidak peduli. Ini saya dapat tahu bukan daripada luar tetapi daripada pegawai-pegawai di syarikat itu. Nombor yang saya timbulkan tadi 22 projek itu bukan saya

sendiri timbulkan tetapi itu daripada Syarikat K.E.D. Saya juga ada mendapat banyak keterangan daripada syarikat itu. Saya meminta Yang Berhormat Menteri, bolehkah beliau menyasiat dalam perkara ini. Saya sebagai Wakil Rakyat cuba memberitahu kepada Dewan ini susah menjawab kepada pengundi-pengundi saya di dalam kawasan saya. Ada juga pengundi-pengundi saya bertanya jikalau projek ini tidak dijalankan di dalam Rancangan Malaysia Kedua, mereka bertanya bilakah projek ini hendak dijalankan samada dalam Rancangan Malaysia Ketiga atau Rancangan Malaysia Keempat. Saya sendiri tidak dapat menjawab dan saya meminta Yang Berhormat Menteri berilah satu masa yang boleh memberi penentuan kepada pengundi-pengundi di kawasan saya.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya katakan tadi masalah ini adalah timbul kerana dahulu peraturan kita memberi letrik di luar bandar ini adalah  $\frac{1}{3}$  diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat,  $\frac{1}{3}$  diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri dan  $\frac{1}{3}$  diperuntukkan oleh L.L.N. (oleh Syarikat K.E.D. dalam projek ini). Tetapi disebabkan K.E.D. tidak mengadakan peruntukkan ini maka kita telah menjumpai masalah tidak dapat melaksanakan projek ini. Jadi, disebabkan K.E.D. sekarang sudah diambilalih oleh Kerajaan Pusat maka masalah ini dapatlah kita atasi. Dengan sebab itu, sebagaimana yang saya terangkan kepada Ahli Yang Berhormat tadi, projek-projek yang kita tidak dapat laksanakan dalam Rancangan Malaysia Kedua ini dapatlah kita laksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Tuan Yang di-Pertua, menyambung apa yang dikatakan oleh rakan saya dari Sungai Siput tadi kami diberi faham iaitu pada masa ini Syarikat K.E.D. ini melaksanakan projek-projek yang diberi peruntukan wang oleh Kementerian. Kalau betul begitu, bila K.E.D. melaksanakan projek-projek yang ada wang, dapatkah pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu L.L.N. dan Kementerian akan mengawasi kerja-kerja yang dibuat oleh K.E.D.

Yang kedua, oleh sebab ini berupa hanya satu basic kemudahan yang ditunggu lama oleh rakyat di luar bandar, bolehkah dapat pengesahan daripada Yang Berhormat

Menteri bahawa setinggi-tinggi keutamaan akan diberi kepada perkara ini mulai daripada sekarang dan tidak menunggu tahun 1978, 1979 hingga 1980.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini pada keseluruhannya ingin saya menjelaskan di sini disebabkan Kerajaan menitikberatkan projek letrik luar bandar ini begitu berat, maka Kerajaan telah menguntukkan lebih kurang \$158 juta dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Jadi, dengan peruntukan ini maka nyatakan yang Kerajaan akan bersungguh-sungguh melaksanakan seberapa banyak rancangan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini yang kita boleh. Tetapi memang ada kalanya juga kita mengalami masalah-masalah. Walaupun kita bersungguh-sungguh melaksanakan projek ini tetapi tidaklah dapat kita menjamin 100% yang kita dapat memenuhi semua kehendak rakyat ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat dalam negeri ini kerana ada kalanya sesuatu masalah itu tidak dapat kita atasi. Umpamanya, kalau di dalam tempat itu tidak ada kontraktor ataupun kurang kontraktor yang tidak dapat menyiapkan projek itu dalam tahun yang ditentukan ataupun kurang bahan atau yang empunya tanah yang kita lintasi tidak memberi izin lalu kepada kita, jadi inilah masalah yang kita hadapi. Tetapi setakat mana yang kita boleh, mana-mana juga rancangan yang sudah ditentukan oleh Kerajaan Negeri yang tidak ada halangan kita untuk menjalankannya kita akan jalankan dengan bersungguh-sungguh.

#### MALAYSIA/THAILAND—PAGAR PERBATASAN

**8. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah dibuat berhubung dengan cadangan Kerajaan hendak memagar perbatasan Malaysia/Thailand sebagai langkah mencegah penyeludupan dan penyusupan.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, pekerjaan untuk membina pagar di sempadan itu sudah dimulakan dan insya Allah akan siap pada awal tahun 1978.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri menyatakan pembinaan pagar itu akan siap pada tahun 1978. Bolehkah beliau menyatakan apakah bentuk dan rupa pagar itu, samada pagar itu diperbuat daripada Bulldog fencing atau dawai berduri ataupun seperti yang dibuat oleh tentera.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini terkeluar daripada soalan asal. Kalau hendak jawab boleh, tetapi tak bersangkut dengan soalan asal kerana pertanyaan asalnya bila akan siap.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, pagar itu adalah direka oleh mereka yang betul-betul mengetahui dalam hal ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hal pagar?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Ya, hal pagar.

#### PERNIAGAAN ANAK SYARIKAT BADAN-BADAN BERKANUN

**9. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sejak ditubuhkan pasukan petugas bagi mengkaji perusahaan dan anak-anak syarikat di bawah Badan-badan Berkanun yang mengalami kerugian:

- (a) nama-nama syarikat mengikut negeri dan jumlah kerugian yang dialami; dan
- (b) samada tindakan diambil ke atas orang-orang yang bertanggungjawab di dalam syarikat-syarikat tersebut, jika ya, apakah tindakannya.

**Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini tidak ada pasukan petugas khas bagi mengkaji anak-anak syarikat yang mengalami kerugian. Bagaimanapun bagi syarikat tertentu, di mana diperlukan, saya telah mengarahkan supaya kajian-kajian dibuat khusus bagi mengetahui di mana jua masalah-masalah yang telah menimbulkan atau menyebabkan kerugian perniagaan syarikat-syarikat itu. Kajian-kajian atau penyiasatan-penyiasatan seperti itu diharap akan dapat memperbaiki strategi-strategi serta cara-cara memperbaiki perjalanan perniagaan syarikat-syarikat, dan mengesyorkan usaha-usaha pembedulan.

Syarikat dan anak-anak syarikat yang dipunyai oleh Badan-badan Berkanun ini adalah ditubuh dan didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965. Untung rugi syarikat-syarikat tersebut ada di dalam pengetahuan Pendaftar syarikat (Registrar of Companies) dan bolehlah Ahli Yang Berhormat mendapati daripadanya.

Setakat ini apabila kerugian yang dialami oleh syarikat-syarikat tertentu didapati telah berpunca dari pengurusan yang cuai atau tidak cekap, tindakan-tindakan telahpun diambil ke atas pegawai-pegawai yang terlibat mengikut tata tertib syarikat-syarikat tersebut.

**Tuan Abu Bakar bin Arshad:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bila dirasakan oleh pegawai itu sesuatu keadaan kerugian, pegawai berkenaan meletakkan jawatan dan bekerja di swasta yang lain.

**Datuk Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada satu-dua kes semacam itu tetapi ini adalah di luar jangkaan, jadi kita tak dapat mengesan lebih awal. Tetapi apabila siasatan dapat memberi kenyataan bahawa ada kes bukan kecuaiian biasa tetapi ada terlibat berkenaan dengan pecah amanah, maka lapuran kepada Polis akan dibuat sungguhpun pegawai itu telah berhenti bekerja.

#### BANK BURUH—SIASATAN

**10. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan samada benar Bank Negara telah campurtangan dalam pengurusan dan pentadbiran Bank Buruh dan nyatakan mengapa ini dibuat dan akibatnya.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, semua Bank-bank Perdagangan yang menjalankan kegiatannya di Malaysia adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan dalam Akta Bank, 1973. Salah satu daripada peruntukan itu memberi kuasa kepada Bank Negara sebagai badan pengawas untuk menyiasat buku-buku, kira-kira dan urusan Bank-bank Perdagangan di bawah peruntukan rahsia Akta tersebut. Bank Buruh sebagai sebuah Bank Perdagangan yang diberi lesen di bawah Akta Bank, 1973 juga tertakluk kepada pemeriksaan yang dijalankan dari masa ke semasa oleh Pegawai-pegawai Pemeriksa Bank Negara Malaysia. Pemeriksaan ke

atas Bank-bank Perdagangan adalah bertujuan bagi menentukan yang kegiatan-kegiatan bank berjalan dengan memuaskan bagi menjaga kepentingan penyimpan-penyimpan dan selaras dengan kehendak-kehendak negara. Hasil daripada pemeriksaan-pemeriksaan itu, Bank Negara akan mengemukakan laporan-laporan kepada Lembaga Pengarah bank berkenaan. Dalam masalah Bank Buruh, Bank Negara mendapati beberapa kelemahan di dalam pengurusanannya. Setelah berbincang dengan pengerusi bank tersebut, persetujuan-persetujuan telah dicapai supaya bank tersebut memperkemas lagi pengurusanannya.

### KASINO GENTING HIGHLANDS

**11. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar Kasino Genting Highlands dikunjungi lebih oleh rakyat kita dari pelancung-pelancung asing, bahawa ramai di antara pengunjung-pengunjung terdiri dari pekerja-pekerja dan penoreh-penoreh getah yang telah menjimatkan wang untuk mencuba nasib mereka di Kasino tersebut dan nyatakan langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk menasihatkan rakyat tempatan dari berjudi di Kasino tersebut.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa rakyat negeri ini lebih ramai jumlahnya yang berkunjung ke Kasino Genting Highlands daripada pelancung-pelancung asing. Dari jumlah bilangan yang mengunjungi Kasino itu jumlah pengunjung-pengunjung dalam negeri adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah	Dalam Negeri	Luar Negeri
1974	332,081	245,362	86,719
1975	388,461	273,876	114,585
1976	447,336	316,165	131,171

Tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa ramai di antara rakyat negeri yang mengunjungi Kasino itu terdiri dari pekerja-pekerja dan penoreh-penoreh getah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mereka yang hendak pergi berjudi di Kasino itu terpaksa menyediakan wang yang banyak iaitu selain dari mengadakan \$200 sebagai wang cagaran masuk, mereka hendaklah menyediakan wang untuk tambang pergi balik ke Kasino, belanja makan dan kadangkala sewa hotel

juga kalau hendak bermalam. Pada pendapat saya jumlah tersebut adalah sukar disediakan oleh pekerja-pekerja berpendapatan kecil dan penoreh-penoreh getah. Dengan ini jelaslah bahawa hanya mereka yang mampu dan benar-benar ingin berjudi sahaja yang akan berkunjung ke Kasino, Genting Highlands itu.

Saya tidak dapat merangkakan langkah-langkah yang berkesan bagi menasihatkan rakyat tempatan supaya tidak berjudi di Kasino tersebut oleh kerana larangan berjudi tidak dapat dipakai untuk semua rakyat di negeri ini. Lagi pun tindakan ini bertentangan dengan kebebasan seseorang melakukan sesuatu yang tidak bertentangan dengan undang-undang.

**Tuan S. Samy Vellu:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar banyak kematian berlaku sebab rakyat biasa dari golongan pekerja mencurahkan wang di Kasino tersebut. Sebab itu bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbang mengadakan satu penjelasan atau penerangan kepada rakyat biasa, memberitahu apakah bahaya di Kasino itu.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, saya berasa terperanjat sedikit apabila mendengar banyak kematian akibat bermain judi di Kasino, Genting Highlands. Saya ingin menjelaskan di sini, selagi permainan itu diamalkan sebagai satu hiburan sahaja secara sederhana tidaklah akan mendatangkan akibat yang serius. Perkara ini patutlah dipulangkan kepada kebijaksanaan pekerja dan penoreh getah berkenaan itu sendiri. Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja dan penoreh-penoreh getah kita itu yang ingin berjudi mempunyai akal fikiran waras yang boleh menghadkan berjudi mereka itu supaya jangan terlampau sehingga menjadi satu penagihan.

### PEJABAT TANAH

**12. Tuan Hashim bin Ghazali** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau sedar pentadbiran Pejabat-pejabat Tanah pada masa ini tidak memuaskan rakyat; jika sedar, adakah beliau bercadang akan mengubah satu pentadbiran lain yang lebih baik dari sekarang, jika ya, apakah cara pentadbiran tersebut dan adakah satu daripada caranya ialah dengan menambah pegawai-pegawai Pejabat Tanah.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda):** Kementerian ini sangat sedar bahawa ada beberapa Pejabat Tanah di dalam beberapa negeri yang belum dapat memberikan perkhidmatan kepada rakyat dengan memuaskan. Langkah-langkah untuk memperbaiki pentadbiran yang ada sedang dijalankan sekarang termasuklah masaalah kekurangan pegawai dan kakitangan.

### DOKTOR PAKAR—PERLETAKAN JAWATAN

**13. Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Kesihatan menyatakan sebabnya banyak pakar-pakar perubatan telah meletakkan jawatan mereka dengan Perkhidmatan Kerajaan dan pergi berkhidmat dengan pihak swasta atau berhijrah ke seberang laut; dan langkah-langkah perlu yang telah dan sedang diambil untuk menggalak mereka berkhidmat dengan Kerajaan.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya akan membuat kajian yang mendalam tentang sebab-sebab perletakan jawatan doktor-doktor pakar dari Perkhidmatan Kerajaan. Tentang langkah-langkah yang telah dan akan diambil, saya telahpun memberi jawapan kepada soalan mengenai perkara yang sama itu juga kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka di Dewan ini pada hari semalam.

### GERAKAN KOMINIS DI MALAYSIA

**14. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin (di bawah S.O. 24 (2))** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah benarnya Gerakan Kominis di Malaysia dikawal melalui Singapura seperti yang dicadangkan oleh setengah-setengah golongan tertentu sekarang ini.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, tidak benar kalau kita katakan bahawa gerakan pengganas di Malaysia ini dikawal melalui Singapura. Mengikut pengetahuan kita P.K.M. yang berpangkalan di kawasan sempadan Malaysia/Thailand yang telah lari ke sana setelah kalah dalam tahun 1948 dahulu memang ada mengeluarkan arahan, tetapi arahan-

arahan ini adalah secara umum sebagai panduan sahaja baik dari segi taktik atau teknik. Tetapi tindakan ini apabila dilakukan adalah dilakukan oleh badan atau kumpulan masing-masing. Umpamanya, kalau dari kumpulan atau dari gerombolan pengganas dia buat cara dia, dari kumpulan talibarut kominis itu tadi iaitu underground movement dia buat cara dia, dan juga daripada barisan pelemah dia buat cara dia dengan tidak ada satu cohesive tactical atau strategic-pertalian cohesion iaitu tali-menali dengan satu command. Jadi, Parti Kominis Malaysia menganggap, yang kita tahu bahawa tidak ada dikatakan negara Malaysia ini iaitu dia menganggap satu negeri sahaja iaitu Malaya, itu sebab dia kata partinya Parti Kominis Malaya. Jadi kalau adapun kawalan yang asalnya itu iaitu dari Sempadan Siam dahulu.

### RUBBER PRODUCERS COUNCIL DI KUALA LUMPUR

**15. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bahawa memandangkan Malaysia sebagai pengeluar getah asli yang terulung di dunia sejak tahun 1960 dan sehingga tahun 1975 dan oleh kerana Rubber Producers Council yang berpusat di London akan dipindahkan di Kuala Lumpur, samada usah-usaha yang lebih giat dan berkesan dapat diadakan dengan menggunakan sepenuhnya pelabuhan-pelabuhan Kelang, Pulau Pinang, Pasir Gudang, supaya semua eksport getah Malaysia tidak dihantar ke negara lain yang telah mendapat keuntungan yang besar sebagai pusat perdagangan bebas dan sekatan yang berat hendaklah dikenakan kepada pengeksport-pengeksport menggunakan kemudahan pelabuhan asing supaya semua hasil utama kita betul-betul memberi keuntungan kepada negara. Samada larangan dan sekatan keras ada dikenakan kepada pengeksport yang ada hubungan sejak dari dahulu lagi hingga sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Lew Sip Hon):** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menatap soalan ini tetapi dukacita menyatakan bahawa saya kurang tepat memahami.

Walau bagaimanapun, sukalah saya jelaskan bahawa yang pertama Malaysia adalah pengeluar getah asli yang terbesar dalam dunia mulai sebelum tahun 1960, sebenarnya

sejak tahun 1955 hingga pada masa sekarang dan akan menduduki tempat ini pada masa-masa yang akan datang dan bukan sehingga tahun yang kedua, Rubber Producers Council sudahpun berada di Kuala Lumpur begitu lama dan dengan itu soal pemindahannya dari London ke Kuala Lumpur tidak timbul. Yang ketiga, semua eksport getah kita sudahpun lama menggunakan pelabuhan-pelabuhan negara kita sendiri melainkan sebahagian yang tertentu yang masih melalui Singapura disebabkan bahawa pelabuhan-pelabuhan kita belum lengkap untuk mengendalikan 100% bahan ini. Yang keempat, Kementerian saya melalui Lembaga Pasaran dan Pelesen Getah Malaysia sentiasa mengawasi pengeksport-pengeksport getah asli negara kita supaya mereka ini dapat menjalankan tugas mereka dengan penuh bertanggungjawab untuk menjaga imej Malaysia sebagai pengeluar utama bahan yang tersebut itu.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa masih ada lagi bahan-bahan getah disalurkan menerusi Singapura, kerana kata beliau masih ada juga masalah di pelabuhan kita dan alat-alat yang tidak lengkap dan sebagainya. Bolehkah beliau menerangkan apakah kekurangan yang dimaksudkan oleh beliau itu?

**Tuan Lew Sip Hon:** Pada masa sekarang kemampuan atau capacity pelabuhan-pelabuhan kita ini masih belum mencukupi lagi, khususnya eksport getah daripada selatan Semenanjung Malaysia terpaksa menerusi jalanraya pergi ke Singapura. Dan kalau kita boleh mengatasi semua masalah berkenaan pelabuhan-pelabuhan, (ini sebenarnya dalam jagaan Kementerian Perhubungan) tetapi bagaimana pun Kementerian saya ini berhubung dengan Kementerian Perhubungan sentiasa untuk mengatasi semua masalah seperti kurang kapal singgah di pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang juga berkenaan dengan kelengkapan seperti container dan sebagainya yang masih dihadapi oleh pengeksport-pengeksport yang menggunakan pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang.

## MINYAK TANAH

**16. Tuan Latip bin Haji Dris** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, memandangkan kepada kekurangan minyak tanah (minyak gas) sekarang sebagai satu bahan penting bagi keperluan rakyat luar

bandar terutama di Sarawak, adakah pihak yang bertanggungjawab mengambil sebarang langkah untuk menambah minyak tanah untuk mencukupi kepentingan rakyat.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar masalah berkenaan dengan kekurangan bekalan minyak tanah yang berlaku baharu-baharu ini di beberapa kawasan tertentu termasuk kawasan Sarawak telah mendatangkan kesulitan kepada pengguna-pengguna. Walau bagaimanapun, langkah-langkah telah diambil oleh Kementerian saya, yang pertama memanggil syarikat-syarikat minyak yang mengeluarkan dan mengedar minyak gas ini meminta penentuan daripada mereka tentang bilangan peruntukan yang perlu dikeluarkan oleh syarikat ini untuk kawasan-kawasan tertentu supaya pembekalan minyak gas ini dapat diawasi mencukupi bagi keperluan rakyat. Syarikat-syarikat minyak itu telah juga diminta menambahkan bekalan-bekalan memandangkan kepada adanya kenyataan bahawa keseluruhannya keperluan penggunaan minyak tanah adalah bertambah dengan kadar sebanyak kira-kira 9.05% ataupun 10% setahun. Syarikat minyak yang telah dipanggil berunding telah memberi jaminan untuk menambah bekalan minyak tanah di kawasan-kawasan yang mengalami bukan sahaja yang memerlukan bekalan minyak gas bahkan juga yang mengalami kekurangan bekalan dan daripada butir-butir yang diterima daripada syarikat-syarikat minyak bekalan tambahan telah diedarkan di kawasan-kawasan itu dan bekalan minyak tanah di kawasan tersebut telah dapat pulih seperti biasa. Walau bagaimanapun, jika ada lagi aduan-aduan kekurangan bekalan minyak tanah di kawasan-kawasan tertentu, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan dapat memberi laporan tentang perkara kekurangan ini kepada saya atau kepada Kementerian saya supaya dapat Kementerian saya mengambil tindakan untuk mengatasi kekurangan tersebut.

## KONTREKTOR FELDA RANCANGAN AIR TAWAR

**17. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sebab-sebabnya FELDA telah memaksa seorang kontrektor Bumiputra bernama Zainal Abidin bin Jawi

yang mengambil kontrak menebang dan membersihkan tanah di rancangan FELDA Air Tawar V seluas 6,677 ekar mematuhi arahan FELDA yang luar dari syarat Surat Perjanjian yang telah ditandatangani di antara kedua-dua belah pihak dan kemudian memaksanya pula menurunkan harga kontrak yang juga bertentangan dengan syarat Surat Perjanjian tersebut, menyebabkan kontraktor tersebut terpaksa berhenti dan kerugian beratus ribu ringgit menyebabkan perniagaannya kandas sama sekali.

**Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, Haji Zainal Abidin bin Haji Jawi ialah Kontraktor Felda bagi Rancangan Air Tawar 5 yang telah diberikan kontrak pada 30hb September, 1971. Pemborong ini telah meninggalkan kerjanya pada 14hb Jun, 1974 sebelum menyiapkan semua kerja yang dikehendaki dibuat olehnya. Berikutan dengan itu dan mengikut syarat-syarat Kontraktor Felda telah menamatkan kontraknya dan mengambilalih kerja-kerja pemulihan dan menyiapkan kerjanya yang belum disiapkannya itu. Kontraktor ini telah membuat tuntutan dan Felda telah menolaknya. Maka pada masa ini perkara ini telahpun ada dalam penyelenggaraan pihak Perantaraan (arbitration) oleh kerana perkara itu tidak ada di pihak Perantaraan maka tidak dapat saya memberikan penjelasan lebih lanjut kerana kami menganggap perkara itu sudah menjadi sebagai "sub-judice".

**Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kontraktor ini meninggalkan kerja pada 14hb Jun, 1974. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kontraktor ini meninggalkan kerja oleh kerana beliau telah dipaksa mematuhi syarat-syarat yang luar daripada surat perjanjian?

**Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak suka melayan sebarang pertanyaan oleh kerana perkara ini sedang berada dalam tangan arbitration.

### JALAN-JALAN DI KAMPUNG

**18. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Perdana Menteri menyatakan samada, untuk membawa perubahan di kawasan-kawasan luar bandar, beliau akan beri perhatian yang wajarnya kepada semua jalan di kampung-kampung disaluti dengan minyak tar.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memanglah sentiasa memberi perhatian yang penuh dalam usahanya membawa perubahan di kawasan-kawasan luarbandar termasuklah penyediaan kemudahan-kemudahan jalan di kampung-kampung. Pada ketika ini, oleh kerana masih terdapat banyak lagi keperluan untuk membina kemudahan-kemudahan jalan-jalan luarbandar di seluruh negara adalah tidak mungkin bagi Kerajaan menentukan supaya kesemua jalan-jalan kampung diturapkan dengan minyak tar.

Walau bagaimanapun, memandangkan beberapa aspek sosial yang terlibat, Kerajaan telahpun bersetuju supaya bagi jalan-jalan luarbandar dari jenis "laterite", bahagian jalan itu yang melalui kampung atau kawasan pendudukan bolehlah diturapkan dengan tar.

Bagi bahagian jalan-jalan luarbandar yang tidak melalui kampung memadailah dahulu dibina dari jenis "laterite" sahaja sehingga didapati sesuai untuk diturapkan dengan minyak tar di masa lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tempoh sudah cukup. Kalau ada Ahli Yang Berhormat hendak bertanya, bolehlah berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri di Kementeriannya.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 19 hingga 40 adalah diberi di bawah ini).*

### PENYELUDUPAN MOTOSIKAL DI SEMPADAN MALAYSIA/THAI

**19. Tuan Haji Embong bin Yahya** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa sindiket curi motosikal untuk diseludup ke Thailand menjadi-jadi;
- (b) apakah hasil tangkapan yang telah dibuat; dan
- (c) apakah langkah yang telah diambil untuk mengawal kejadian ini.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):**

Penyeludupan motosikal ini memang diketahui berlaku di sempadan Malaysia/Thai. Di sempadan Kelantan/Thai tidak begitu banyak. Di Kedah-Perlis kehilangan motosikal bilangannya 1,150 dalam tahun

1976 dan 80 daripada kejadian ini adalah kejadian yang melibatkan rompak-samun. Bilangan motosikal yang dapat balik ialah 120 dan seramai 50 orang dibawa ke Mahkamah.

Di dalam tindakan Polis seramai 4 orang perompak motosikal ini terbunuh dan ketua "gang-gang" yang besar yang dapat ditangkap sekarang ditahan di Pulau Jerejak.

Dengan tindakan yang diambil umpamanya sekatan jalanraya, rondaan dan dengan adanya Unit Kawalan Keselamatan Sempadan kes curi motosikal di Kedah dan Perlis sudah berkurangan sebanyak 75%. Ini adalah juga disebabkan dengan adanya kerjasama yang lebih rapi dan rapat di antara pihak Kerajaan kita dan Kerajaan Thai baru-baru ini. Dan dengan adanya pagar keselamatan yang sedang dibina, RELA dan Unit Keselamatan Kawasan (ASU) untuk membantu sekatan jalanraya dan rondaan maka diharapkan kegiatan ini akan berkurangan lagi.

## BIRO BANTUAN GUAMAN

**20. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar** minta Menteri Undang-undang menyatakannya:

- (a) bilakah Biro Bantuan Guaman akan menubuhkan pejabatnya di Sabah dan cawangan-cawangannya di Residensi-residensi lain dan berapa perbelanjaan yang dicadangkan untuk penubuhan ini; dan
- (b) sehingga hari ini, berapa banyakkah cawangan Biro Bantuan Guaman telah ditubuhkan dan berapa kes telah dapat diselesaikan pada tiap-tiap tahun; dan sepanjang tahun 1976 berapa kes telah dapat diselesaikan.

**Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof):**

- (a) Perkhidmatan Bantuan Guaman sedang menyusun dan mengambil langkah-langkah tegas untuk menambah cawangan-cawangannya di Sabah, kalau boleh pada pertengahan tahun 1977 ini. Dengan sebab Negeri Sabah adalah amat luas dan besar maka di peringkat permulaan ini 2 cawangan akan diadakan iaitu (1) di Kota Kinabalu dan (1) lagi di Sandakan yang akan meliputi Lahat Datu dan Tawau.

Untuk melaksanakan penubuhan 2 cawangan Biro di Negeri Sabah ini satu jumlah wang sebanyak \$150,000 dikehendaki pada tiap-tiap tahun untuk perbelanjaan-perbelanjaan mengurusnya. Jumlah tersebut telah dimasukkan ke dalam cadangan Anggaran Belanjawan Perkhidmatan Bantuan Guaman 1978.

- (b) Sehingga hari ini 10 cawangan Biro Bantuan Guaman di peringkat negeri dan 1 cawangan kecil di peringkat daerah telah ditubuhkan di Semenanjung Malaysia. Negeri-negeri itu dengan Ibupejabatnya bertempat di Kepala Negeri masing-masing dan dengan tarikh penubuhan berikut ini ialah—

- (1) Selangor/Wilayah Persekutuan (September 1970)
- (2) Kedah (Julai 1972)
- (3) Trengganu (Januari 1973)
- (4) Kelantan (Januari 1973)
- (5) Johor (Februari 1974)
- (6) Pahang (Julai 1975)
- (7) Melaka (Julai 1975)
- (8) Negeri Sembilan (Julai 1975)
- (9) Perak (Oktober 1976).

Cawangan Negeri Pulau Pinang akan dibuka dalam bulan Mei, 1977.

Berikut ialah bilangan kes-kes yang dikenali dan diselesaikan oleh Biro Bantuan Guaman pada tiap-tiap tahun:

Tahun	Kes dikendalikan		
1970	...	...	150
1971	...	...	396
1972	...	...	788
1973	...	...	1,485
1974	...	...	1,862
1975	...	...	2,818, dan

Sepanjang Tahun 1976, sebanyak 3,759 kes dapat diselesaikan.

Jumlah besar 1970-1976 ialah 11,258.

## LEMBAGA PERANCANG KELUARGA KEBANGSAAN

**21. Tuan Lukman bin Abdul Kadir** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak mengkaji semula

Undang-undang Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan dengan menentukan bahawa keluarga-keluarga yang diharuskan oleh Islam sahaja dapat menerima perancangan ini dan tidak berleluasa seperti sekarang ini.

**Perdana Menteri:** Adalah ditegaskan bahawa perkhidmatan perancang keluarga diberikan secara sukarela kepada sesiapa yang memerlukannya tanpa sebarang paksaan. Maka jelaslah bahawa tidak ada undang-undang yang memaksa seseorang rakyat (sesuatu keluarga) untuk menyertai rancangan keluarga.

Oleh yang demikian terpulanglah kepada seseorang itu samada ingin menolak atau menerima untuk memilih salah satu dari beberapa cara merancang yang paling sesuai baginya supaya tidak bertentangan dengan ugama dan kepercayaan masing-masing, (selaras dengan cara-cara yang diharuskan oleh Islam).

Pihak Kerajaan tidaklah bercadang untuk mengkaji semula undang-undang mengenai rancangan keluarga ini.

## **OPEC—MENAIKKAN HARGA MINYAK**

**22. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah syor-syor dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan kepada Kabinet berhubung dengan soal permintaan 5 buah syarikat minyak iaitu (Shell, Esso, Mobil, Caltex dan BP.), berikutan tindakan negara-negara pengeluar minyak (Opec) menaikkan harga minyak dan nyatakan keputusan yang dibuat oleh Kabinet dan perkembangan selanjutnya.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menerima permohonan-permohonan dari 5 buah syarikat minyak iaitu Shell, Esso, Mobil, Caltex dan BP untuk menaikkan harga minyak premium petrol, regular petrol, diesel dan minyak tanah berikutan dengan kenaikan harga minyak mentah yang diluluskan oleh negara-negara O.P.E.C. pada 1hb Januari, 1977. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah membuat kajian terhadap permohonan-permohonan tersebut dan beberapa syor-syor

dan cadangan-cadangan telah dikemukakan kepada Kabinet untuk mendapat garis panduan di dalam menimbangkan permohonan-permohonan itu.

Kabinet telah menimbangkan syor-syor dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian itu. Tetapi oleh kerana masalah kenaikan harga bahan-bahan tersebut akan melibatkan terutamanya kepentingan rakyat jelata dan juga perkembangan pelaburan dan perusahaan serta perkembangan ekonomi negara seterusnya, Kabinet telah mengarahkan supaya kajian lanjut dibuat di atas perkara tersebut untuk menentukan supaya sebarang keputusan yang diambil tidak akan menjejaskan kepentingan rakyat jelata dan negara. Pada masa ini kajian secara mendalam itu sedang dibuat oleh satu Jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Sementara Mengenai Harga Barang-barang Petroleum yang terdiri dari wakil-wakil dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian; Perbendaharaan; Unit Perancang Am dan Bahagian Kemajuan Petroleum, Jabatan Perdana Menteri; Jabatan Kastam dan Eksais Diraja; Bank Negara dan lain-lain jabatan yang berkenaan.

## **HOSPITAL BESAR MELAKA— KEMATIAN BAYI**

**23. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah terdapat kelambatan panjang dalam penyiapan kerja Suruhanjaya Siasatan di Raja ke atas kematian secara besar-besaran bayi pada bulan November, 1974 dan nyatakan bilakah Lapuran Suruhanjaya Siasatan di Raja itu akan siap dan diumumkan.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Saya tidak mengetahui tentang sebab kelambatan, jika ada, dalam penyiapan kerja Suruhanjaya Siasatan di Raja ke atas kematian bayi-bayi dalam bulan November 1974 di Hospital Besar Melaka. Sepanjang yang saya tahu, Suruhanjaya di Raja itu mempunyai banyak maklumat-maklumat dan kenyataan-kenyataan yang telah diperolehi dan perlu diteliti sebelum laporannya boleh disiapkan. Sekiranya Ahli Yang Berhormat

ingin tahu tentang hasil penyiasatan tersebut, sukacita saya menasihatkan beliau berhubung terus dengan Suruhanjaya di Raja itu. Saya percaya laporan Suruhanjaya di Raja itu akan siap tidak lama lagi.

### BUAH-BUAH BERACUN DARI THAILAND

**24. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa pada masa sekarang banyak penduduk-penduduk di sempadan Malaysia/Thai khususnya di Kelantan banyak termakan buah-buah yang beracun daripada Negeri Thai termasuk juga beras sehingga ada yang membawa maut; jika ya, samada Kementerian beliau bercadang hendak menubuhkan satu badan yang mengawasi buah-buah dan barang makanan yang diimport ke negara ini supaya tidak mengandungi racun ataupun memabukkan; dan
- (b) samada ini satu-satunya tipu helah Komunis atau secara kebetulan sahaja.

**Tan Sri Lee Siok Yew:**

- (a) Beberapa pengumuman telah diistiharkan di dalam akhbar baru-baru ini berhubung dengan kejadian penyakit memakan bahan-bahan makan yang disyaki mengandungi racun di setengah-tengah kalangan rakyat di sepanjang sempadan Malaysia. Saya ingin menyatakan di sini bahawa Kementerian saya telah menghantar contoh-contoh makanan dan buah-buahan ke Jabatan Kimia dan juga ke Instituit Penyelidikan Perubatan untuk disiasat. Keputusan siasatan menunjukkan bahawa tidak ada apa-apa racun di dalam makanan dan buah-buahan yang telah diperiksa itu. Saya juga ingin menegaskan di sini bahawa tidak ada kematian yang disebabkan makanan-makanan dan buah-buahan yang telah diimport ke Kelantan dari negeri jiran.

Buat masa ini Kementerian saya tidak ada cadangan untuk menubuhkan satu badan khas bagi memeriksa semua makanan dan buah-buahan yang diimport ke Malaysia. Walau bagaimanapun,

Kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan mengawal mutu makanan yang diimport dan dieksport dari Malaysia.

- (b) Oleh kerana tidak ada apa-apa kejadian penyakit racun berhubung dengan makanan dan buah-buahan yang diimport dari Thailand, soalan Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang tidaklah timbul.

### MAS KE JOHOR BAHRU

**25. Tuan Ja'afar bin Hamzah** minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah rancangan Kementerian yang berkenaan untuk menambahkan lagi perkhidmatan penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa, Senai, Johor Bahru terutama sekali untuk membawa penumpang-penumpang yang hendak ke Sabah dan Sarawak.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Perkhidmatan MAS Kuala Lumpur/Johor Bahru ialah sebanyak 10 penerbangan seminggu iaitu 3 menggunakan B737 dan 7 F-27. Mengikut keupayaan perkhidmatan-perkhidmatan ini, seramai 32,904 orang penumpang boleh dibawa ke Johor Bahru setahun dan juga sebaliknya dari Johor Bahru. Dalam tahun 1976 jumlah penumpang-penumpang dari Johor Bahru ialah 14,344 orang penumpang sementara 15,408 penumpang yang turun di Johor Bahru. Perangkaan ini menunjukkan bahawa perkhidmatan yang ada sekarang ini adalah mencukupi.

Walaupun bagaimanapun perkhidmatan ke Sabah dan Sarawak melalui Johor Bahru belum dapat diadakan, tetapi kemungkinan keperluan menggunakan Johor Bahru masih lagi dalam kajian pihak MAS. Perkhidmatan ini boleh diadakan sekiranya didapati perlu dari segi "Viability" perdagangan dan juga kemudahan-kemudahan yang lain disediakan.

### UNDANG-UNDANG BURUH

**26. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sebab-sebab yang melambatkan pengkajian semula undang-undang buruh oleh Kementerian beliau, pihak M.T.U.C. dan wakil-wakil pihak majikan dan bilakah beliau berharap dapat mengemukakan pindaan-pindaan kepada undang-undang buruh di Parlimen

supaya membuat undang-undang buruh Malaysia lebih bersimpati terhadap kepentingan pekerja-pekerja dan kesatuan-kesatuan sekerja.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon):** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam tempoh lima tahun yang lepas pihak Kerajaan telah membentangkan di Dewan ini berbagai-bagai pindaan kepada Undang-undang Buruh. Pindaan-pindaan yang terakhir sekali telah dibuat untuk meminda Ordinan Pekerjaan, 1955, dan Ordinan Pampasan Pekerja, 1952 pada persidangan Dewan ini dalam bulan Julai tahun lepas. Sementara itu cadangan-cadangan untuk meminda peruntukan-peruntukan yang tertentu di dalam Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 dan Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959 sedang dalam kajian.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Undang-undang Buruh bukan sahaja melibatkan pihak pekerja dan majikan tetapi juga orang-orang awam dan yang demikian apa juga pindaan atau kajian semula haruslah dibuat dengan teliti. Tambahan pula mengikut amalan yang biasa diikuti, pindaan-pindaan tersebut akan juga dibincangkan di dalam Majlis Bersama Penasihat Buruh Kebangsaan (N.J.L.A.C.) sebelum ianya dibawa ke Dewan ini. Proses ini tidak syak lagi akan memakan masa yang lama tetapi hakikat ini perlu dihadapi kerana ianya tidak boleh dibuat secara tergesa-gesa.

Oleh yang demikian, ingin saya memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat kelambatan ini tidak dapat dielakkan, dan cadangan-cadangan pindaan ini akan dikemukakan di Dewan yang mulia ini sebaik sahaja ianya disiapkan kelak.

### **GAS MASAK SEBAGAI BARANG TERKAWAL**

**27. Tuan Farn Seong Than** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau akan menjadikan gas untuk memasak sebagai barang yang terkawal dengan tujuan mengelakkan kenaikan harga barang keperluan dapur ini.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, gas memasak (cooking gas) telah dijadikan barang terkawal sejak 31hb

Oktober, 1974. Walau bagaimanapun Kementerian saya tidak mengawasi harganya kerana pasaran gas memasak pada masa itu kecil iaitu kurang daripada 1% daripada keseluruhan barang-barang petrolium di Malaysia. Sungguhpun demikian memandangkan kepada keperluan gas memasak pada masa ini menjadi begitu mustahak, Kementerian saya memang bercadang untuk mengawasi harganya.

### **JALANRAYA TAWAU-SEMPORNA DAN LAHAD DATU**

**28. Tuan Alex Pang Sui Chee** bertanya kepada Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam:

- (a) adakah Kerajaan sedar bahawa kemajuan mengetar jalan Tawau-Semporna dan Tawau Lahad Datu adalah kurang daripada memuaskan sungguhpun telah ada jaminan di Dewan ini iaitu kerja-kerja itu akan dijalankan dengan lebih giat lagi dan apakah tindakan Kerajaan supaya kerja-kerja ini dapat digiatkan lagi dan bilakah akan dijangka disiapkan seluruh jalanraya-jalanraya ini; dan
- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa kerja mengetar kepada jalan-jalan yang sekarang inipun telah tidak diawasi dengan cermat dan betul dan mengakibatkan jalan-jalan yang telah diperbaiki itu rosak semula.

### **Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:**

- (a) Kerajaan sedar yang kemajuan pengetaran jalanraya di antara Tawau-Semporna dan Lahad Datu adalah tidak begitu memuaskan. Ini oleh kerana kerja-kerja pembinaan jalanraya tersebut telah ditunda buat sementara sebab suatu kajian kemungkinan yang mendalam perlu dijalankan sebelum kita dapat bantuan daripada Bank Dunia. Kajian dan rekabentuk jalanraya tersebut telahpun siap dan tawaran telahpun dipanggil Kontrek akan ditawarkan kepada kontrektor yan berjaya dalam sedikit masa lagi. Kerja-kerja pembinaan dijangka dapat bermula dalam bulan Jun ini. Jalan ini dijangka akan siap pada tahun 1980.

- (b) Adalah tidak benar yang pengawasan pembinaan jalanraya tersebut tidak dijalankan dengan sempurna. Apa yang sebenarnya berlaku ialah sebab jalanraya di antara Batu 1 dan Batu 8 (Tawau-Balung) adalah sub-standard. Oleh hal yang demikian beberapa tempat sentiasa mengalami kerosakan. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat peruntukan untuk membaiki jalan ini telah diadakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan kerja-kerja membaiki jalan tersebut akan dimulakan pada tahun hadapan.

### KEMATIAN KEMALANGAN JALANRAYA

**29. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah** bertanya kepada Menteri Kerja-kerja dan Kemudahan-kemudahan Awam:

- (a) bilangan kematian akibat kemalangan jalanraya dalam tahun 1976 apakah tindakan yang telah diambil terhadap pemandu-pemandu yang cuai menyebabkan kemalangan jalanraya ini; dan
- (b) jumlah perbelanjaan untuk mengadakan kempen keselamatan jalanraya dalam tahun 1976 dan adakah benar bahawa kemalangan jalanraya ini banyak sekali berlaku pada masa kempen keselamatan jalanraya itu dijalankan.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:**

- (a) Bilangan kematian akibat kemalangan jalanraya dalam tahun 1976 ialah sebanyak 2,405 orang.

Sebagaimana yang telah saya jelaskan di dalam Dewan ini di dalam persidangan-persidangan Parlimen yang lepas segala ikhtiar adalah dikaji dan dijalankan untuk mengatasi masalah kemalangan jalanraya yang sentiasa berlaku di dalam negara ini.

Kempen Keselamatan Jalanraya telah dilancarkan tiap-tiap tahun oleh Majlis Keselamatan Jalanraya dan akan terus diperhebatkan dengan tujuan memberikan kesedaran kepada orangramai tentang tanggungjawab mereka di atas jalanraya.

Langkah-langkah lain juga diambil untuk mengurangkan bahaya kemalangan jalanraya seperti penguatkuasaan undang-undang pemakaian topi keledar kepada semua penunggang-penunggang motosikal. Kementerian saya juga sedang mengkaji kemungkinan mewajibkan pemakaian tali-pinggang keledar kepada pemandu-pemandu kereta. Tindakan juga diambil untuk memperbaiki jalan-jalan yang merbahaya.

Dari segi tindakan kuatkuasa, pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan adalah sentiasa mempergiatkan tindakan-tindakan kuatkuasa mereka di jalanraya. Selain daripada berusaha mengambil lebih ramai lagi kakitangan, tindakan juga diambil untuk menambah alat-alat penguatkuasaan seperti kereta ronda, alat penimbang berat lori yang lebih besar, radar perangkap lari deras dan sebagainya. Sebagai langkah memperketatkan penguatkuasaan ini Kerajaan telah mengarahkan kakitangan Kerajaan dalam Bahagian I untuk bekerjasama memberikan lapuran kepada Jabatan Pengangkutan Jalan tentang pemandu-pemandu kenderaan perdagangan yang tidak mengikut peraturan-peraturan dan tatasusila jalanraya. Jabatan Pengangkutan Jalan tidak akan teragak-agak menghukum mereka yang telah dilaporkan melakukan kesalahan-kesalahan di jalanraya.

- (b) Jumlah perbelanjaan bagi Majlis Keselamatan Jalanraya Pusat di Kementerian saya yang telah diperolehi untuk mengadakan kempen keselamatan jalanraya pada tahun 1976 ialah sebanyak \$104,500. Dengan peruntukan tersebut, Majlis Keselamatan Jalanraya Malaysia telah mengeluarkan bahan-bahan kempen seperti poster, risalah-risalah, filem, pelekat kereta dan lain-lain bahan seranta dan kegiatan untuk diedarkan kepada orangramai setakat mana yang mencukupi. Pihak swasta juga ada memainkan peranan dengan memberi sumbangan melalui pencetakan risalah dan lain-lain kegiatan.

Di samping itu jua, Majlis Keselamatan Jalanraya di negeri juga mendapat perbelanjaan dari Kerajaan negeri masing-masing bagi melaksanakan kempen di negeri-negeri tersebut.

Saya tidak dapat memastikan samada kemalangan jalanraya itu lebih banyak sekali berlaku pada masa kempen keselamatan jalanraya dijalankan. Tetapi saya mengakui bahawa kesah peristiwa kemalangan jalanraya memang sengaja banyak disiarkan secara besaran di akhbar-akhbar dan mass media yang lain pada masa-masa kempen tersebut. Ini diadakan bertujuan dengan secara langsung supaya ianya memberi lebih publicity terhadap bahaya kemalangan jalanraya itu dan diharap dapat menginsafkan orang-ramai sekalian.

### TV DI NABAWAN

**30. Tuan Stephen Robert Evans** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa penduduk-penduduk di Nabawan (Daerah Pensiangan) yang mempunyai TV beberapa kali mendakwa mereka tidak dapat menggunakan peti-peti TV mereka dengan sepenuh-penuhnya, walaupun mereka menggunakan booster, disebabkan "Snowing" selalu berlaku di peti-peti TV mereka (boleh jadi kerana tidak ada aerial TV yang tertentu di kawasan Nabawan) dan dengan itu, penduduk-penduduk di Nabawan langsung tidak dapat mengikuti acara RTM; dan
- (b) apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk menyelesaikan perkara tersebut.

**Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Nabawan pada masa ini memang luar dari kawasan liputan perkhidmatan TV dari Layang-layang. Buat masa ini belum ada rancangan untuk mengadakan perkhidmatan TV ke kawasan ini.

Mengikut pengetahuan Kementerian ini Nabawan mempunyai sebanyak 746 penduduk sahaja. Kajian-kajian telah dibuat yang mana didapati memerlukan perbelanjaan yang banyak bagi mengadakan satu pemancar khas untuk kawasan ini sahaja. Walaupun demikian perkara ini akan diberi perhatian untuk masa hadapan.

### PEGAWAI PERUBATAN

**31. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menyekat kehilangan cerdik pandai di dalam perkhidmatan perubatan Kerajaan; dan
- (b) samada Kementerian beliau akan menubuhkan suatu Suruhanjaya Perkhidmatan Perubatan untuk memutuskan perlantikan kenaikan pangkat dan lain-lain hal mengenai pegawai-pegawai perubatan di dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai suatu langkah menyekat kehilangan cerdik pandai perubatan jika tidak, mengapa.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Saya telahpun memberikan jawapan kepada soalan yang sama yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka di Dewan ini pada 23hb Mac, 1977.

### MINYAK TANAH—KEKURANGAN BEKALAN

**32. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar sejak awal tahun 1977 hingga sekarang di merata-merata tempat khususnya di luar bandar di Semenanjung Malaysia minyak tanah susah didapati, jika ya mengapa.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Saya sedar masalah kekurangan bekalan minyak tanah yang berlaku baru-baru ini di beberapa kawasan tertentu telah mendatangkan kesulitan kepada pengguna-pengguna terutamanya yang berada di luar bandar. Dari kajian yang dibuat oleh Kementerian saya telah didapati bahawa keadaan bekalan tersebut telah timbul oleh kerana adanya sistem dua harga bagi minyak tanah iaitu 82c. segelen bagi minyak tanah biru untuk kegunaan pengguna-pengguna (domestic kerosene) dan \$1.30c. hingga \$1.35c. segelen bagi minyak tanah berwarna putih untuk kegunaan perusahaan (white industrial kerosene). Sungguhpun syarikat-syarikat minyak tempatan telah diberi "cross subsidy" sebanyak 30c. segelen bagi jualan minyak tanah domestic, ianya adalah tidak mencukupi untuk menampung kerugian yang dialami dalam jualan-nya.

Berikutan dengan keadaan ini beberapa syarikat minyak tempatan telah mengambil langkah seperti mengurangkan bayaran komisyen kepada pemborong-pemborong mereka dan juga menaikkan kadar pengangkutan ke atas bekalan mereka kepada pemborong-pemborong dengan tujuan untuk menghadkan jumlah penambahan jualan minyak tanah domestic di pasaran tempatan. Dari butir-butir yang ada di Kementerian saya telah didapati bahawa jumlah tambahan jualan minyak tanah bagi tahun 1976 telah bertambah sebanyak 10% jika dibandingkan dengan penambahan tahunan biasanya sebanyak 5 hingga 6% sahaja. Oleh itu kekurangan yang berlaku itu adalah juga disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti penyelewengan bekalan minyak tanah domestic yang berharga murah kepada sektor perusahaan yang berharga tinggi oleh setengah-setengah penjual minyak tanah yang tidak bertanggungjawab.

Di samping itu keadaan kekurangan bekalan itu mungkin juga disebabkan oleh perbuatan penyorokan oleh setengah penjual-penjual yang ingin mendapat keuntungan yang lebih memandangkan kepada kenaikan-kenaikan harga minyak mentah oleh negara OPEC. Kementerian ini sentiasa mengawasi keadaan ini dengan mengadakan pemeriksaan-pemeriksaan di peringkat pemborong-pemborong dan peruncit-peruncit dan mengambil contoh-contoh minyak petrol daripada stesen-stesen minyak untuk dianalisisakan oleh Jabatan Kimia. Hasil daripada tindakan-tindakan ini beberapa pekedai telah didakwa kerana tidak menyimpan buku-buku setok minyak tanah seperti yang dikehendaki, dan baru-baru ini, atas maklumat orangramai, Bahagian Penguatkuasa Kementerian ini berjaya merampas beratus-ratus gelen minyak tanah yang didapati tersimpan dalam rumah kediaman dan dalam setor yang tidak dilesenkan.

Sebanyak 43 contoh-contoh minyak petrol telah diambil selama ini dan tidak ada satu kes pun yang membuktikan minyak campuran atau penyelewengan. Keadaan bekalan juga telah menjadi bertambah rumit dengan adanya pembelian yang lebih daripada biasa oleh pengguna-pengguna. Dalam pada itu adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan harga di negeri-negeri jiran (harga di negeri-negeri ini adalah lebih daripada \$1.20 sen segelen), ada kemungkinan minyak tanah di negeri ini diseludupkan ke negeri-negeri itu.

Bagi mengatasi masaalah kekurangan bekalan yang dikatakan itu Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah supaya bekalan tambahan dihantar oleh syarikat-syarikat minyak ke kawasan-kawasan yang terlibat dengan segera. Syarikat-syarikat minyak telah memberi jaminan untuk menghantar bekalan tambahan ke kawasan-kawasan tersebut dan dari laporan-laporan yang diterima, bekalan-bekalan tambahan itu telahpun dihantar dan masaalah kekurangan bekalan telahpun dapat dipulihkan. Syarikat-syarikat minyak juga telah bersetuju untuk mengkaji semula tindakan mereka mengurangkan komisyen dan menaikkan kadar pengangkutan kepada pemborong-pemborong mereka. Di samping itu pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian saya telah melipat-gandakan pemeriksaan mereka ke atas pemborong-pemborong dan penjual-penjual runcit minyak tanah untuk mencegah perbuatan penyelewengan jualan dan juga penyorokan oleh mereka.

#### PEMOHON RANCANGAN FELDA

**33. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) samada benar rakyat Malaysia tidak dapat memohon untuk menyertai rancangan FELDA sekurang-kurangnya 1½ tahun akan datang;
- (b) mengapa beliau tidak mengeneipkan 30% tempat untuk orang-orang Malaysia keturunan China dan India; dan
- (c) matlamat Kementerian beliau terhadap penyertaan orang-orang Malaysia keturunan China dan India dalam rancangan tersebut.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda):**

- (a) Memang benar pada dasarnya setakat hari ini FELDA belum dapat membuka permohonan-permohonan baru kecuali di Negeri Pahang. Jumlah pemohon yang berjaya dan masih menunggu untuk memasuki rancangan-rancangan

FELDA pada 15-3-1977 ialah seramai 13,933. Pecahannya mengikut kaum ialah seperti berikut:

Melayu	...	...	...	11,467
China	...	...	...	1,040
India	...	...	...	1,426
Jumlah	...	...	...	<u>13,933</u>

Pecahan mengikut negeri pula ialah seperti berikut:

Perlis	...	...	...	1
Pulau Pinang	...	...	...	25
Kedah	...	...	...	1,200
Perak	...	...	...	3,304
Selangor	...	...	...	992
Negeri Sembilan	...	...	...	783
Melaka	...	...	...	358
Johor	...	...	...	4,311
Pahang	...	...	...	72
Kelantan	...	...	...	1,305
Trengganu	...	...	...	1,582

Oleh kerana Kerajaan Negeri Pahang menetapkan bahawa 50% daripada tempat-tempat dalam rancangan yang terletak dalam Negeri Pahang mestilah diuntukkan kepada rakyat Negeri Pahang, maka rakyat Negeri Pahang yang berhajat hendak menyertai rancangan-rancangan FELDA bolehlah memohon pada bila-bila masa.

Bagi negeri-negeri lain pula, permohonan-pemohon baru akan dipelawa setelah semua mereka yang ada dalam senarai menunggu ditawarkan tempat dalam rancangan-rancangan.

Pada masa ini kemampuan FELDA untuk membawa masuk peneroka-peneroka ke rancangan ialah lebih kurang 5,000 keluarga setahun dan dari pengalaman yang lepas didapati hanya 62% daripada mereka yang ditawarkan tempat menerima tawaran.

- (b) Sebagaimana telah berkali-kali dinyatakan dalam Dewan Yang Mulia ini FELDA tidak pernah menetapkan quota bagi mana-mana kaum. Siapa sahaja rakyat Malaysia boleh memohon apabila permohonan dibuka. Tawaran untuk memasuki rancangan dibuat mengikut

keputusan markah yang diperolehi dalam temuduga yang dijalankan oleh sebuah jawatankuasa di mana wakil Kerajaan negeri yang berkenaan ikut serta.

- (c) Matlamat Kementerian ialah sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru.

### JAWATAN KOSONG JABATAN PERUBATAN SABAH

**34. Tuan Stephen Robert Evans** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebabnya jawatan-jawatan kosong di Pejabat Membasmi Malaria Sabah, yang telah dicadang dan disokong untuk dimasukkan dalam anggaran belanjawan Pejabat Membasmi Malaria 1977 tidak dimasukkan dalam anggaran belanjawan tersebut.

(i) Pengawas Malaria, (dua jawatan kosong);

(ii) Pembantu Kanan Teknik Malaria, (Lapan jawatan kosong); dan

- (b) samada beliau sedar bahawa pengeluaran jawatan-jawatan kosong tersebut daripada anggaran belanjawan (1977) itu, tidak menyenangkan hati kakitangan-kakitangan Pejabat Membasmi Malaria, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelesaikan perkara ini.

**Tan Sri Lee Siok Yew:**

- (a) Dalam anggaran belanjawan (Budget Estimates) 1977, Jabatan Perubatan Sabah telah mencadangkan sejumlah 1,484 jawatan untuk dipertimbangkan oleh pihak yang berkenaan. Jumlah 1,484 itu termasuk 2 jawatan Penguasa Malaria dan 8 jawatan untuk Juruteknik Malaria Kanan. Dari jumlah 1,484 jawatan tersebut, pihak yang berkuasa telah meluluskan 535 jawatan baru untuk 1977. Jawatan-jawatan untuk Penguasa Malaria dan Juruteknik Malaria Kanan tidak termasuk dalam 535 jawatan baru ini.

Pada masa ini terdapat sebanyak 84 jawatan Juruteknik Malaria/Ketua Sektor dalam Jabatan Kawalan Malaria. Di samping itu terdapat juga sebanyak 8 jawatan Juruteknik Malaria Kanan dan 4 jawatan Penguasa Malaria. Ini

memberikan jumlah 12 jawatan kenaikan pangkat untuk 84 jawatan Juruteknik Malaria, bermakna nisbah (ratio) kenaikan pangkat bagi gred Juruteknik Malaria ialah satu jawatan kanan untuk 7 jawatan tingkatan biasa yang mana nisbah ini adalah dianggap satu nisbah kenaikan pangkat yang wajar dan sebab itulah dua jawatan Penguasa Malaria dan 8 jawatan Juruteknik Malaria Kanan tersebut telah tidak diluluskan.

- (b) Bagi menjawab soalan (b) sebenarnya saya sedar tentang keadaan itu dan Kementerian Kesihatan akan mengemukakan kembali 2 jawatan Penguasa Malaria dan 8 jawatan Juruteknik Malaria Kanan dalam Anggaran Belanjawan tahun 1978 untuk dipertimbangkan semula oleh pihak yang berkuasa di atas.

#### JURURAWAT PELATIH DI UNITED KINGDOM

**35. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang tertentu sedang diambil oleh Kementerian beliau untuk membantu jururawat-jururawat pelatih di United Kingdom yang telah terjejas dengan kesempitan ekonomi di Britain; dan
- (b) adakah Kerajaan akan merangka suatu skim khas untuk melatih pelatih-pelatih ini supaya mereka dapat menamatkan latihan jururawat mereka di Malaysia dan menyumbang khidmat mereka kepada negara.

**Tan Sri Lee Siok Yew:**

- (a) Kementerian saya sedang mengikuti dengan teliti keadaan yang terdapat pada masa ini di United Kingdom. Tidak ada langkah-langkah tertentu yang diambil pada masa ini.
- (b) Kementerian saya tidak ada cadangan untuk mengaturkan satu rancangan latihan khas bagi jururawat-jururawat pelatih yang terjejas disebabkan kesempitan ekonomi di Britain. Walau bagaimanapun, setakat mana yang boleh, Kementerian saya akan memudahkan penyerapan jururawat-jururawat pelatih ini ke dalam institusi-

institusi latihan tempatan sekiranya mereka memohon untuk memasuki institusi-institusi latihan ini.

#### SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CHINA)

**36. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar beliau bermaksud hendak menukarkan sistem pelajaran di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) kepada Sekolah Rendah Kebangsaan. Jika tidak, mengapa beliau tidak berusaha memansuhkan Artikel 21 (6) Akta Pelajaran 1961.

**Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):** Dalam Persidangan Keempat, Penggal Pertama Parlimen ini yang telah berlangsung dari 27hb Oktober, 1975 semasa menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan, saya telah dengan panjang lebar menyatakan bahawa Artikel 21 (ii) Akta Pelajaran 1961 telah diadakan sejak 16 tahun dahulu dan sejak tarikh itu Kerajaan yang sama telah memerintah, dan Kerajaan yang sama ini belum pernah melaksanakan Fasal itu. Oleh itu saya rasa tidak perlu saya mengulang penjelasan tersebut.

#### ABDULLAH AHMAD/ABDULLAH MAJID/TAN KWEE SHEN—TAHANAN

**37. Raja Nasron bin Raja Ishak** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan mengapa Abdullah Ahmad, Abdullah Majid dan Tan Kwee Shen sesudah mereka mengaku kesalahan dan kegiatan-kegiatan mereka bekerjasama dengan Kedutaan sebuah Negara Komunis, tindakan tidak diambil atas mereka atas tuduhan menjadi Pengkhianat Negara di bawah Akta Hasutan.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Kuasa saya ialah dari segi menahan mereka untuk mencegah daripada terlibat di dalam kegiatan-kegiatan yang mengancam keselamatan negara. Perkara membawa mereka ke mahkamah untuk di dakwa di bawah mana-mana undang-undang lain adalah di dalam pertimbangan.

#### PENAHANAN CHIAN HENG KAI/CHAN KOK KIT

**38. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa dua orang pemimpin DAP di bawah tahanan, Sdr Chan Kok Kit dan Y.B. Chian Heng Kai

(Ahli Parlimen Batu Gajah) tidak diberi peluang untuk membela diri atas dakwaan yang tidak berasas sekali yang dibuat oleh Ketua Polis Negara yang mengatakan mereka itu telah bersepakat dengan Barisan Bersatu Komunis dan jika boleh melalui satu sidang akhbar dengan liputan radio dan talivisyen.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Kedua-dua pemimpin Parti Tindakan Demokratik ini telah ditangkap setelah Kerajaan mempunyai maklumat bahawa kegiatan mereka nampak terlibat dalam usaha yang membantu Barisan Bersatu Kominis, dan setelah ditangkap mereka telah mengakui bahawa mereka sedar apa yang mereka lakukan boleh membantu kegiatan Barisan Bersatu Kominis Parti Kominis Malaya. Mereka telahpun diberi peluang untuk diwawancara oleh RTM sebagai yang diberi kepada orang-orang lain tetapi mereka telah enggan berbuat demikian kerana mereka masih ingin meneruskan lagi kegiatan politik mereka.

Orang yang ditangkap dan ditahan boleh membela diri terhadap tuduhan-tuduhan yang dibuat di atas penahanannya itu di hadapan Lembaga Penasihat, apabila Lembaga mendengar rayuannya.

## PENDUDUK ISLAM DI SEMENANJUNG

**39. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa peratus penduduk Islam di Semenanjung Malaysia kian merosot dari 54% yang dibanci pada tahun 1921 dari 3 juta penduduk berkurangan hingga 48% dari 10 juta penduduk pada tahun 1974; dan jika sedar:

- (a) apakah sebab kekurangan ini;
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk menambah lagi penduduk Islam di Negara ini; dan
- (c) berapakah jumlah dan peratus penduduk Islam di Negara ini pada tahun 1976.

### Perdana Menteri:

- (a) Banci Penduduk 1921 menunjukkan bahawa dari jumlah penduduk 3.0 juta orang, 54% daripadanya terdiri dari orang-orang Melayu dan mereka adalah dikira sebagai orang Islam. Selain dari itu, sejumlah 33,000 atau 1% penduduk orang-orang yang bukan Melayu juga

adalah orang Islam. Oleh yang demikian 55% dari penduduk Negara dianggarkan terdiri dari orang-orang Islam dalam tahun 1921.

Menurut Banci 1970, sejumlah 8.8 juta penduduk telah dihitung. Dari jumlah ini, 4.7 juta orang atau 54.0% melapurkan bahawa mereka mengamalkan ajaran Islam. Angka 4.7 juta ini termasuk juga seramai 71,000 orang beragama Islam yang bukan berketurunan Melayu.

Walaupun peratusan orang-orang Islam telah berkurangan di antara tahun 1921 dan 1970, jumlah sebenar telahpun bertambah dengan ramainya. Bilangan orang-orang Islam bukan Melayu telah bertambah lebih dua kali ganda.

- (b) Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, langkah-langkah yang telah diambil bagi maksud ini ialah dengan memperbaiki taraf kesihatan orang-orang Melayu terutama golongan-golongan yang miskin dan mengurangkan kadar kematian bayi-bayi. Selain daripada itu ialah dengan cara mengembangkan syiar Islam, semoga Ugama Islam ini menjadi pegangan dan amalan hidup setiap orang Islam.
- (c) Tiada perangkaan-perangkaan yang diperolehi berkenaan dengan ugama penduduk Semenanjung Malaysia bagi tahun-tahun selepas 1970 iaitu tahun Banci Penduduk yang terakhir.

## PERMOHONAN WARGANEGARA MALAYSIA

**40. Tuan Stephen Robert Evans** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah permohonan-permohonan Warganegara Malaysia yang telah diterima daripada Negeri Sabah, daripada tahun 1972 hingga tahun 1976;
- (b) jumlah permohonan-permohonan yang telah diluluskan daripada tahun 1972 hingga tahun 1976;
- (c) jumlah permohonan-permohonan yang ditolak, daripada tahun 1972 hingga tahun 1976. Nyatakan sebab-sebab penolakan permohonan-permohonan mereka; dan

- (d) jumlah permohonan-permohonan yang belum lagi diproses, daripada tahun 1972 hingga tahun 1976. Berikan sebab-sebab bagi kelambatan ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:**

- (a) Jumlah permohonan-permohonan yang diterima daripada Negeri Sabah daripada tahun 1972 sehingga akhir tahun 1976 ialah berjumlah 6,970;
- (b) Jumlah permohonan-permohonan yang telah diluluskan bagi tempoh yang sama ialah 7,069;
- (c) Jumlah permohonan-permohonan yang ditolak bagi tempoh yang sama ialah 977. Biasanya satu-satu permohonan itu ditolak kerana pemohon tidak berkelayakan;
- (d) Jumlah permohonan-permohonan yang masih berada dalam tindakan ialah 2,133.

Masaalah kelambatan memproses permohonan-permohonan kewarganegaraan seringkali dibangkitkan dalam Persidangan Dewan Rakyat dan jawapan terakhir mengenai perkara ini telah diberi dalam Dewan ini pada 9-7-75.

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG PERSARAAN PIHAKBERKUASA-PIHAKBERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menubuhkan suatu Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan dan bagi memberi faedah-faedah persaraan dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG ACARA KEWANGAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Acara Kewangan, 1957; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan

Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG PEKERJA-PEKEJA PELABUHAN (PERATURAN PEKERJAAN) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Pekerja-pekerja Pelabuhan (Peraturan Pekerjaan), 1965; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

## **USUL**

### **UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BANGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-berbanyak syukur dan menjunjung kasih Ke bawah Duli kerana Titah Ucapan Ke bawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keempat.” (23hb Mac, 1977).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau mengikut Jadual masa hanya tinggal hari ini dan esok sahaja lagi untuk Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian berbahas atau berucap dalam Usul Ucapan Terima Kasih ke atas Titah di-Raja itu. Oleh itu, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat tolonglah ringkaskan ucapan supaya seberapa ramai Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

3.38 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berucap berkenaan demokrasi tulen dan bebas.

Tuan Yang di-Pertua, satu di antara tujuan-tujuan yang patut dipuji dalam Titah Ucapan di-Raja seperti perpaduan kebangsaan, keadilan dan kemakmuran ialah pembinaan sebuah masyarakat demokratik, tetapi semua ini hendaklah dibuktikan dalam pelaksanaan atau implementasi, tujuan-tujuan tersebut atau dalam bahasa Inggeris the proof of the pudding is in the eating. Jika kita meninjau dan mengukur publisiti yang ditimbulkan oleh sebaran am, kita akan nampak demokrasi hanya diresapkan oleh Kerajaan Seri Paduka Baginda dengan tiada apa-apa pertimbangan pun untuk component demokrasi berparlimen yang lain yakni seperti Parti Pembangkang Seri Paduka Baginda (His Majesty's Opposition).

Jika ada kemahuan untuk memupuk dan membenarkan demokrasi berkembang maka benarkanlah suara pembangkang didengar kerana kita juga mewakili sebahagian besar rakyat dan kami di dalam parti DAP merasa terdapat banyak masalah-masalah dan kesulitan-kesulitan rakyat yang mesti dibangkitkan bukan sahaja di dalam Majlis yang mulia ini tetapi juga melalui surat-khabar-suratkhabar, radio, talivisyen dan lain-lain mass media.

Ahli-ahli Pembangkang kadangkala berucap panjang lebar, baik di Parlimen atau di Dewan Undangan Negeri, tetapi ucapan kita sentiasa displayed down dan surat-khabar-suratkhabar pun . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ucapan kita di-apakan?

**Dr Chen Man Hin:** Dalam bahasa Inggeris "played down."

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam Bahasa Kebangsaan, apa perkataannya?

**Dr Chen Man Hin:** "Dikurangkan".

**Tuan Yang di-Pertua:** Dikurangkan (played down). Terima kasih.

**Dr Chen Man Hin:** . . . dan surat-khabar-suratkhabar pun tidak memberi liputan yang sewajarnya kerana mereka menerima arahan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kenyataan-kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh pihak Pembangkang hampir selalu diblack out atau censored sungguhpun perkara-perkara yang terkandung dalam kenyataan tersebut mencerminkan pendapat-pendapat dan kesulitan-kesulitan rakyat. Kerajaan menuntut masyarakat kita ialah satu masyarakat yang bebas dan demokratik dan bukan satu masyarakat yang tertutup seperti dalam sebuah negara komunis. Sekiranya ini benar maka suara pembangkang hendaklah dibenarkan untuk didengar, suara pembangkang yang demokratik dan yang non-communist. Bukanlah memadai untuk berkata terdapat demokrasi di negara kita ini tetapi rakyat hendaklah melihat dan menengok Kerajaan mengamalkan demokrasi. Parti DAP memberi amaran kepada Kerajaan bahawa sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas pembangkang buat masa ini tidak akan menunjukkan hak demokrasi tetapi sebaliknya akan memaksa mereka yang telah putus asa dan tidak puashati memihak mereka yang berkehendakkan perubahan melalui kekerasan.

Kami menyeru Kerajaan supaya dengan menutup mulut dan menakutkan surat-surat khabar, sebab kita minta supaya peruntukan masa yang adil hendaklah diberi di radio dan TV supaya spectrum pendapat yang luas boleh didengar termasuk suara pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan-laporan surat-khabar seorang pemandu motosikal telah ditembak mati di Kodiang, Kedah dalam sekatan jalan pada hari Ahad 20hb Mac ini, sumber-sumber Polis berkata pemandu motosikal tersebut tidak berhenti di sekatan jalan tersebut dan akibat itu dia ditembak, juga pihak Polis telah menjumpai beberapa kertas judi haram (illegal character slips). Pihak Polis juga memberi amaran kepada orang ramai supaya mereka hendaklah berhenti di sekatan jalan dan jika mereka gagal berbuat demikian mereka akan ditembak.

Rakyat telah bereaksi dengan mengejut terhadap pembunuhan ini. Beberapa tanda soal telah timbul. Pemandu motosikal itu tidak membawa bersama-samanya apa-apa senjata tetapi cuma kertas judi haram sahaja. Orang malang yang ditembak mati itu dikatakan seorang operator loteri haram dan bukan seorang perompak yang bersenjata atau seorang gurila. Ini adalah satu kes di mana pihak Polis telah bertindak samada kerana mereka itu trigger happy

atau kerana nervousness ataupun kerana mereka percaya sesiapa yang tidak berhenti di mana-mana sekatan jalanraya ialah seorang penjenayah yang merbahaya ataupun seorang insurgent.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kes ini masih dalam siasatan. Kalau dalam siasatan, saya fikir tidak elok kita panjangkan dalam Dewan ini. Tetapi kalau dalam siasatan lagi . . . . .

**Dr Chen Man Hin:** Tetapi saya dapat banyak complaint.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ialah complaint tetapi kalau dalam siasatan lagi, saya ingat tidak baik sebab perkara ini dalam pandangan . . . . .

**Dr Chen Man Hin:** Tetapi ada satu principle, sebab itu . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan secara am tidak mengapalah, tetapi butir-butirnya tidak boleh disebut.

**Dr Chen Man Hin:** Ya, saya sebut am sahaja. Tuan Yang di-Pertua, apakah jika seorang tidak berhenti di sekatan jalan salah di sisi undang-undang? Apakah hukumannya ialah ditembak di situ juga? Jika ya, ini akan bermakna mana-mana pemandu yang melihatannya tidak begitu baik ataupun beliau telah sedikit mabuk selepas menghadiri satu jamuan makan ataupun sekiranya brake keretanya tidak mahu makan pada waktu itu adalah dalam bahaya kerana dia mungkin boleh ditembak kerana beliau tidak berhenti di sekatan jalan. Ini satu point.

Tuan Yang di-Pertua, juga beberapa sekatan jalan diadakan dengan tidak ada apa-apa lampu isyarat yang baik dan seorang pemandu yang mungkin sedang memandu kereta atau motosikalnya dengan laju tidak dapat memberhentikan keretanya atau motosikalnya, mungkin akan ditembak. Malahan dengan sekatan-sekatan jalan yang diadakan sekarang, seorang Ahli Parlimen pun boleh ditembak mati jika sekiranya brake keretanya tidak makan apabila dia hendak berhentikan keretanya.

Adalah nyata satu siasatan penuh hendaklah diadakan dalam incident yang telah berlaku di Kedah itu dan juga langkah-langkah

mencegah hendaklah diambil dalam masa yang akan datang supaya orang-orang yang tidak bersalah tidak akan ditembak.

Kami sedar pihak yang berkenaan mempunyai tugas untuk mencegah jenayah dan juga kini terdapat serang di antara pihak Polis dan perompak-perompak bersenjata tetapi pihak Polis juga mempunyai tanggungjawab untuk menentukan bahawa tiada apa-apa salahguna kuasa oleh mereka dan juga orang-orang yang tidak bersalah tidak ditembak. Jika sekiranya langkah-langkah mencegah yang sewajarnya dan kejadian-kejadian di mana kekerasan dikenakan ke atas orang ramai tidak dicegah maka rakyat akan diasingkan dan kerjasama mereka yang dikehendaki untuk memelihara undang-undang dan ketenteraman.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu point sahaja berkenaan dengan Akta Penyelarasan Perhubungan. Dalam sebuah negara yang mempunyai ekonomi free enterprise pelaburan di dalam bidang perkilangan (factories) dan lain-lain perusahaan adalah perlu untuk kemajuan ekonomi dan juga bagi memberi peluang pekerjaan. Jika kadar pelaburan tidak seimbang dengan bilangan pengangguran (unemployment) maka masaalah pengangguran yang besar akan timbul.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Terdapat banyak perangkaan yang menunjukkan bahawa pelaburan baru samada pelaburan tempatan atau asing telah kurang sejak beberapa tahun ini dan bagi tahun 1976 tahun pertama Rancangan Malaysia Ketiga kadar pelaburan itu telah mencapai 50 peratus dari matlamat bagi tahun tersebut di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Mungkin kita boleh salahkan kemelesetan ekonomi (recession) yang berlaku di merata tempat di dunia ini ataupun oleh kerana slow down atas ekonomi. Juga masaalah insurgency boleh dikatakan telah menjejaskan kadar pelaburan tetapi alasan yang besar atau sebab utama yang mengakibatkan kekurangan dalam kadar pelaburan ialah kerana Akta Penyelarasan Perhubungan. Akta tersebut telah memaksa beberapa orang pelabur tempatan dan asing menanggung rancangan mereka untuk melabur di negara kita. Akibat ini cuma beberapa perusahaan sahaja yang telah ditubuhkan di tahun ini, boleh pula disebabkan kurang peluang pekerjaan bagi pemuda-pemuda dan penganggur-penganggur kita.

Kemiskinan di bandar telah sebaliknya bertambah buruk dan keadaan ini juga diburukkan lagi oleh penghijrahan pemuda-pemuda dari luar bandar ke bandar untuk mencari kerja dan juga masa hadapan yang lebih cerah. Yang demikian sudah timbul masalah perselisihan sosial dan tidak puashati.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran saham juga di negara kita telah dijejaskan oleh Akta Penyelarasan Perhubungan dan telah mengurangkan lagi peluang pelaburan pelabur untuk memperolehi wang dari pasaran saham untuk membiayai projek perusahaan mereka yang pada akhirnya akan menjejaskan kedudukan pekerja. Sudah sampailah masanya bagi mereka yang telah mengubah Akta Penyelarasan Perhubungan untuk menimbang untuk menyimpan Akta tersebut dalam cold storage dan merangka langkah-langkah yang lebih realistic untuk mengatur dan menggalakkan perusahaan-perusahaan.

3.49 ptg.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus):** Tuan Yang di-Pertua, dalam Usul ucapan terima kasih kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini saya suka juga mengambil bahagian sedikit.

Yang pertama sekali, saya suka menyentuh apa yang terkandung di dalam Ucapan Titah ini ialah mengenai tawaran gaji Kerajaan ataupun tawaran gaji yang ditawarkan oleh pihak Kabinet. Walaupun kita semua mendengar kenyataan-kenyataan yang diberi bahawa hampir keseluruhan daripada kakitangan Kerajaan menerima baik tawaran Kerajaan ini dan saya ikut rasa sama bangga dengan pihak Kerajaan yang dapat membentuk satu tanggagaji yang boleh diterima oleh hampir keseluruhan pekerja yang ada di dalam negeri kita ini walaupun masih ada setengah-setengah daripadanya tidak berpuas hati.

Satu perkara yang saya minta daripada pihak Kerajaan kita, iaitu di samping ketenangan yang ada mengenai keributan tuntutan gaji ini maka satu pula keributan ataupun kegelisahan yang ada di pihak rakyat yang tidak bekerja makan gaji. Jadi sebagaimana setengah-setengah daripada kami ini yang mewakili kebanyakan daripada rakyat yang tidak bekerja makan gaji berbagai-bagai keraguan

yang timbul, yang mungkin berlaku akibat daripada pengumuman Kerajaan mengenai tawaran gaji baru ini.

Yang pertama, mengenai pendapatan mereka itu sendiri—pendapatan orang-orang kampung, penoreh getah, nelayan dan kaum petani. Dalam usaha ini saya memberi keyakinan kepada Kerajaan dalam usaha-usaha Kerajaan untuk menambah pendapatan petani-petani ataupun orang-orang yang tidak bekerja makan gaji ini. Tetapi sehingga ini kita sudah melalui Rancangan Malaysia Pertama. Kita telah melalui Rancangan Malaysia Kedua dan sekarang ini sudah masuk tahun kedua Rancangan Malaysia Ketiga. Usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan bagi kebanyakannya tidak dapat kita hendak banggakan. Walaupun mungkin statistics dapat menunjukkan bahawa pendapatan orang kampung itu bertambah daripada semasa sebelum Rancangan Malaysia Pertama ataupun Rancangan Malaysia Kedua, tetapi pertambahan ini tidak dapat mereka itu banggakan kerana keadaan taraf hidup yang ada pada masa ini juga ikut bertambah tidak seimbang dengan penambahan pendapatan mereka itu.

Dalam soal ini, saya amat tertarik hati benar dengan Titah Ucapan Baginda yang menyatakan bahawa pihak Kerajaan akan memulakan banci pertanian yang lengkap pada tahun ini. Walaupun saya tidak dapat menerima dengan sejelas-jelasnya bagaimana corak bancian ini yang akan dijalankan; bagaimanakah bancian-bancian ini akan dilaksanakan ataupun untuk apa bancian ini akan dijalankan. Tetapi saya dapat membayangkan bahawa sekiranya bancian ini dapat dijalankan dengan betul sebagaimana yang dihasratkan oleh Baginda ini, maka saya yakin dan percaya bahawa pihak Kerajaan akan mendapat kenyataan yang sejelas-jelasnya bahawa rakyat-rakyat di luar bandar sehingga sekarang ini baik daripada kaum tani, kaum nelayan, penoreh getah ataupun sebagainya bahawa mereka itu tidak mencapai angka per capita sebagaimana yang dikehendakki oleh Kerajaan. Maka saya yakin dan percaya bahawa di dalam usaha ini tentulah Kerajaan akan melipatgandakan bukan sahaja terbatas daripada Rancangan Malaysia Ketiga ini tetapi akan dapat melipatgandakan usahanya bagi menambahkan pendapatan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soal ini saya sedar bahawa memang payah dan memang rumit bagi Kerajaan hendak menambah pendapatan golongan ini tidak sebagaimana senangnya Kerajaan hendak menambah pendapatan orang makan gaji. Saya tahu dan saya sedar, tetapi saya nampak usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan selama ini tidak banyak memberi kesan kepada mereka itu. Contohnya, kalau penoreh getah yang bekerja menoreh getah sebelum Rancangan Malaysia Pertama dulu harga getah \$60 di kampung. Saya tidak kira harga getah sebagaimana dalam suratkhbar ataupun dalam radio—sebab harga getah itu tidak sampai kepada orang kampung. Harga getah itu di peringkat Kuala Lumpur ataupun peringkat kilang-kilang. Tetapi harga getah yang sebenarnya di peringkat orang kampung lebih kurang \$60 atau \$65 sepikul sekarang ini. Kalau sebelum Rancangan Malaysia Ketiga dahulu orang kampung dapat menjual harga getahnya dengan harga \$60 juga maka sekarang ini dengan harga itu juga orang kampung menjual getah mereka. Begitu juga masalah-masalah lain. Saya rasa amat susah hati benar jikalau masalah-masalah ini ditimbulkan dan masalah ini dibanggakan dari masa ke semasa. Dan saya mengakulah bahawa kalau Tuan Yang di-Pertua, menyatakan saya ini kerap kali menyebutkan perkara ini di dalam Dewan dan saya bercadang hendak menyebut perkara ini sehinggalah dapat kami Wakil-wakil Rakyat di luar bandar yang mewakili golongan-golongan ini dapat terbela dengan sebenar-benarnya. Dan saya menaruh harapan yang penuh di atas kenyataan ataupun di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ini dapat dilaksanakan dengan sepenuh-penuhnya.

Saya sedar bahawa sekarang ini Kerajaan telah memperuntukkan subsidi-subsidi kepada kaum tani, kaum nelayan dan sebagainya. Tetapi memanglah kita akui bahawa sebanyak mana sangat subsidi yang dapat diberi. Memang, kalau di Pantai Timur jumlah kaum nelayan sahaja 11,000 orang yang bekerja mencari nafkah dengan menangkap ikan. Ini sudah tentu 11,000 orang itu tidak akan dapat menerima subsidi yang akan disediakan oleh Kerajaan ini. Dalam usaha ini, saya mengharap apabila selesai banciaan ini dibuat dan didapati banyak kaum-kaum tani yang tidak mempunyai tanah walau seekar atau setengah ekar sekalipun sehingga

sekarang ini, dan saya berharap pihak Kerajaan akan dapat menyusun dan menimbangkan supaya kaum-kaum tani ini dapat diberi tanah kepada mereka itu dengan mengubah-suaikan polisi yang ada sekarang ini.

Kita sedar sekarang ini bahawa Kerajaan telah merancang dan membuka rancangan-rancangan seperti FELDA, FELCRA dan sebagainya tetapi di dalam rancangan ini juga masih banyak—kalau di Trengganu umpamanya masih ada 2,000 lebih yang sedang menunggu untuk masuk ke dalam rancangan FELDA sehingga sekarang ini dan permohonan baru tidak dibuka sejak dua tahun yang lepas. Jadi kalau rancangan-rancangan yang begini amat slow dan amat lambat sekali sehingga bila mereka itu akan menunggu? Umpamanya, kalau seseorang itu yang ingin hendak masuk ke rancangan peserta FELDA katakanlah umurnya sudah 34 tahun, saya fikir mereka ini sudah tentu tidak dapat memohon sebab permohonan sudah ditutup. Masalah-masalah yang seperti ini, yang saya nampak patut benar Kerajaan kita membuat pengkajian yang sehalus-halusnya dan dapat memberi guna kepada rakyat yang ramai.

Satu perkara yang saya rasa bercampur di antara gembira dan dukacita iaitu sewaktu Menteri-menteri kita pergi melawat ke luar-luar bandar; memanglah hampir keseluruhan Menteri-menteri kita apabila melawat di kawasan-kawasan luar bandar akan mengumumkan peruntukan yang banyak bahkan sekarang ini banyak yang mengatakan bahawa wang tidak menjadi masalah. Yang menjadi masalah ialah hendak menghabiskan wang ini. Inilah masalahnya. Ini yang kita dengar dalam suratkhbar dalam perjumpaan taklimat ataupun sebagainya—wang tidak menjadi masalah, yang menjadi masalahnya ialah hendak menghabiskan wang itu untuk rakyat. Ini pengumuman yang dibuat oleh Menteri-menteri. Saya suka mendengar pengumuman wang yang banyak ini, tetapi selepas kembalinya Menteri-menteri ini, kami Wakil-wakil Rakyat di tempat-tempat ini menerima tempelak daripada rakyat. Sebab katalah peruntukan untuk membaiki jalan samada jalan ini jalan Negeri, jalan Federal ataupun jalan Penghulu ataupun jalan D.O. maka jawapannya peruntukan tidak ada daripada jabatan yang berkenaan. Kita pernah mendengar ataupun kita pernah membaca dalam suratkhbar sehingga bas-bas pun tidak mahu melalui jalan itu, kerana

jalannya terlampau buruk, berlubang-lubang, kereta tidak boleh lalu, basikal patah ringnya, sebab berlubang-lubang. Bila kita kemukakan mengapa tidak dibaiki jalan ini? Jawabnya tidak ada peruntukan. Jadi, kami sebagai Wakil Rakyat juga mengalami akibat yang sama; saya tak tahulah . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tak usahlah kaitkan saya dalam perkara ini.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir:** Saya tidak kaitkan tetapi sebagai contoh sahaja. Masaalah ini yang menjadi serba salah. Kita terpaksa membela Kerajaan pada satu ketika dan terpaksa membela rakyat pada satu ketika. Sewaktu hendak menjawab peruntukan tidak ada, inilah satu perkara yang kadang-kadang kita akan menerima tempelak, Yang Berhormat bercakap bohong. Kami menuntut kepada Yang Berhormat, mengapa tidak sampaikan atau tidak dibawa kepada pihak yang berkenaan. Kalau kita jawab wang tidak ada, peruntukan tidak ada—bohong katanya. Kami baca suratkhbar baharu sehari dua ini Menteri kata duit banyak tidak habis hendak dibelanjakan. Ini bercanggah. Perkara seperti ini apa yang saya minta bukanlah saya hendak marah kepada Menteri-menteri, supaya diselaraskan dengan pengumuman ini serta sampaikanlah wang itu kepada tuntutan yang disampaikan oleh Wakil-wakil Rakyat. Moga-moga perkara seperti ini kita tidak terbaca dan tidak terdengar lagi tempelak-tempelak seperti ini.

Saya beri satu contoh lagi, umpamanya dalam kawasan saya sendiri, waktu persidangan Parlimen Belanjawan pada bulan Disember dahulu, saya di sini mengatakan bahawa bas di sana tidak boleh berjalan, kerana jalannya terlampau buruk, kita tidak boleh pergi; suratkhbar pun siarkan. Saya pun suka disiarkan menuntut kepada pihak yang berkenaan supaya diperbaiki. Penyudahnya jalan daripada jalan tar itu diperbaiki dengan membawa bulldozer dan buang tar itu, tinggallah tanah merah. Ini berlaku. Jadi, namanya dibaiki. Istilahnya baik. Kita minta supaya diperbaiki. Jawapannya peruntukan tidak ada. Menteri kata duit banyak. Desak juga jalan berlubang-lubang. Penyudahnya diperbaiki dengan membawa bulldozer dan buang minyak tar, tinggal debu seperti asal sedia kala. Jadi, inilah caranya yang sesuai dengan pengumuman dan sesuai dengan permintaan yang dibuat oleh Kerajaan. Ini

saya rasa amatlah dukacita dan saya minta kepada pihak yang bertanggungjawab Menteri-menteri yang berkenaan dapat menimbang, sebab sekarang ini bukan timbul masalah pilihanraya, mungkin pilihanraya tidak tahu bila masanya lagi tetapi problem hari-hari yang kita tanggung.

Selain daripada itu mengenai kaum nelayan juga. Apa yang kita selalu menerima pengaduan daripada golongan penangkap ikan ialah gangguan daripada nelayan-nelayan luar. Ini memang sudah lumrah benar—umum mengetahui bahawa gangguan ini terlampau banyak. Kalau orang di Kelantan gangguan daripada orang di sebelah sana. Apabila perkara ini dikemukakan kepada pihak yang berkenaan—pihak yang bertanggungjawab maka akan kita menerimalah jawapannya bahawa Marine tidak cukup, kakitangan tidak cukup. Ini jawapan biasa di mana-mana pun apabila tersangkak mengapa projek ini tidak buat pada tahun ini maka jawapannya kakitangan tidak cukup. Ini memanglah saya tahu, kalau Menteri tidak jawab pun, saya boleh jawab sekarang, kerana saya cukup faham jawapan ini. Apabila dikemukakan mengapa projek Rancangan Malaysia Kedua dahulu tidak selesai sampai sekarang. Jawabnya kakitangan tidak cukup, bukan duit tidak cukup. Sekarang tidak dijawab duit tidak cukup—tidak diterima jawapan seperti ini. Jawapan yang diterima, kakitangan tidak cukup, itu tidak apa. Tetapi masalaahnya yang saya hendak minta ini supaya pengawalan ini diberi walaupun tidak cukup, tetapi setakat yang ada itu minta supaya dikawal betul-betul kaum nelayan kita ini. Sebab kalau satu-satu gangguan itu dibuat bukan seribu dua ribu yang rugi kepada kaum-kaum nelayan bahkan berpuluh-puluh ribu mereka itu menanggung kerugian. Ini menjadi masaalah kepada mereka itu. Saya berharap kepada Menteri supaya dapat mengawasi hal-hal ini dan saya dengar bahawa pihak Marine akan menambahkan bot-bot mereka. Dan saya merayulah kepada pihak yang berkenaan dalam usaha menambah bot-bot ini, sebab kebetulan di Trengganu ada dockyard—tempat membuat bot-bot yang sekarang ini sudah meningkat maju sampai mereka itu berupaya membuat bot-bot daripada aluminium sedangkan bot-bot yang kita gunakan dahulu dibuat daripada besi mengikut apa yang diberi tahu kepada saya. Jadi, dalam usaha Kerajaan hendak menambah

bot-bot ini supaya dapatlah dipertimbangkan kepada pengusaha-pengusaha yang ada di Trengganu itu dan patutlah kita majukan sedikit, kalau dahulu kita amalkan mengikut sistem kita ini—buat bot-bot Marine ini daripada besi dan ternyata bahawa besi ini tidak tahan kepada air masin maka patutlah kita ubah-suaikan supaya bot-bot ini dibuat daripada aluminium. Sebab di negeri kita ini pun sudah berupaya untuk membuat bot-bot ini. Ini saya mengharapkan kepada pihak yang berkenaan supaya dapat menimbangkan, dapat mengubah-suaikan dalam usaha-usaha Kerajaan untuk memajukan, untuk memberi pertolongan yang lebih kepada kaum-kaum nelayan kita bagi menambah pendapatan dan menambah mata pencarian mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apabila saya berdiri di sini kalau saya tidak bercakap masalah petroleum ini, saya rasa semacam tidak sah. Sebab mungkin rakan-rakan saya yang ada di dalam Dewan ini tidak terasa sebagaimana kami di Trengganu merasai masalah ini, oleh kerana mungkin ini satu takdir bahawa di antara negeri-negeri yang ada dalam Malaysia ini, negeri Trengganulah yang dianggap sebuah negeri yang paling mundur. Ini bukan saya mengistilahkannya tetapi Menteri-menteri kita pun mengistilahkannya demikian. Maka saya pun terimalah istilah ini, bahawa negeri Trengganu ini di antara negeri-negeri yang paling mundur. Maka ditakdirkan bahawa laut di negeri Trengganu itu didapati mengandungi telaga-telaga minyak. Selepas diberitahu bahawa laut di Trengganu didapati telaga minyak, maka hebohlah orang miskin ini bunyi khabar katanya hendak kaya, hebohlah masalah telaga minyak yang dijumpa di Trengganu. Ternyata bahawa di dalam Dewan Undangan Negeri Trengganu sendiri bermesyuarat masalah petroleum ini sampai pukul 3.00 pagi membincangkannya bukan kerana apa, Tuan Yang di-Pertua, kerana diberitahu sebelumnya walaupun telaga-telaga minyak ini didapati di negeri Trengganu, tetapi usaha-usaha lain yang berkaitan dengan minyak ini tidak hendak dibuat di negeri Trengganu. Ini pada peringkat permulaannya yang diberitahu menyebabkan di dalam Dewan Undangan Negeri Trengganu itu menjadi heboh. Jadi, hak kami sudah didapati di sana, mengapa pula hendak dibawa ke tempat lain. Ini masalahnya.

Kemudian timbullah pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri sendiri dan kepada PETRONAS. Semua persoalan-persoalan yang dikemukakan ini menerima jawapan yang tidak tegas sehingga sekarang ini jawapannya tidak tegas tetapi dukacita soalan saya yang dikemukakan dalam Parlimen ini tidak sempat dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, saya baca suratkhbar kononnya jawapan dari saya telah diberi tetapi sehingga sekarang ini saya belum menerima lagi, adakah jawapan yang disiarkan dalam suratkhbar itu benar ataupun tidak benar, sebab saya belum menerima kenyataan hitam dan putihnya. Tetapi apa yang saya hendak sebutkan di sini jawapan yang diterima daripada pihak Jabatan Perdana Menteri sendiri samada dihantar oleh Umno Negeri, dihantar oleh PAS Negeri, dihantar oleh Dewan Undangan Negeri, tidak ada satu jawapan yang boleh kami berpegang sehingga sekarang ini.

Satu persoalannya, kenapakah jawapan-jawapan seperti ini tidak dapat diberi oleh pihak yang berkenaan. Kalau rakyat negeri Trengganu itu sendiri merasa amat keciwa pada masa lepas mengikut kajian bahawa pelabuhan yang dibuat di Pahang itu pada mulanya hendak dibuat di Trengganu tetapi buat di Pahang. Sudah kami terima, ini kenyataan. Rakyat di Trengganu sudah tahu, semua sekali sudah tahu hal ini, dahulu memang pelabuhan itu hendak dibuat di Trengganu, kemudian dipindah buat di Pahang. Bukan hendak dengki di antara Trengganu dengan Pahang, kita semua dalam Malaysia tetapi ini satu masalah juga. Tiba-tiba timbul masalah minyak. Ini pula kononnya tidak hendak buat pula di Trengganu. Ini satu persoalan. Kalau pemimpin-pemimpin kita hendak mempermainkan negeri macam ini, susahlah. Kalau orang ini jadi pihak yang berkuasa hendak tarik bawa ke negeri asalnya, orang ini pula jadi Menteri, hendak bawa ke negeri dia, apa hendak jadi kepada negeri kita ini. Masing-masing berebut hendak jadi Menteri-menteri susahlah. Kita mengharapkan apabila seseorang itu diberi kuasa, diberi tanggungjawab, bertanggungjawablah dia sebagai seorang pemimpin Malaysia yang memikirkan untuk kepentingan rakyat keseluruhan Malaysia. Kalau sudah kajian itu dibuat, consultant menunjukkan di sini menasabah, di sini

layak, kenapa menggunakan kuasa supaya kamu jangan buat di sini, kena buat di sana. Ini satu perkara yang mendukacitakan rakyat umumnya dan ini sudah menjadi rahsia umum. Timbul pula masalah minyak. Ini yang menjadi gempar kepada rakyat negeri Trengganu. Inilah masalaahnya, sebab sudah kena sekali. Mungkin kalau perkara ini belum berlaku sekali dahulu, mungkin tidak tahu—senyap tetapi sudah kena sekali kita harap tidak berlaku dua kali. Ini harapan saya di dalam Dewan yang mulia ini.

Satu perkara lagi yang saya suka sebutkan di sini oleh kerana saya menghormati benar Tuan Yang di-Pertua yang minta supaya tiap-tiap Ahli bercakap sehabis ringkas yang boleh, maka satu perkara lagi yang saya hendak sebutkan iaitu saya nampak di dalam Dewan kita yang mulia ini sudah ada di antara Ahli-ahli Dewan kita yang cuba menimbulkan masalah-masalah lama yang telah tidak timbul. Masalah chauvinist, masalah perkauman, masalah yang menyebabkan berlakunya Peristiwa 13 Mei dahulu, senyap selepas Peristiwa 13 Mei dahulu, tetapi sekarang ini, saya nampak sudah mula ditimbulkan kembali oleh Ahli-ahli Dewan kita ini sendiri. Saya tidak tahu samada perkara-perkara seperti ini bercanggah dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ataupun tidak, tetapi saya yakin dan percaya bahawa semua rakyat di dalam negeri ini, khususnya Ahli-ahli Dewan yang mulia ini tidak ingin Peristiwa 13 Mei berlaku kembali dalam negara kita.

Kalau semua rakyat di dalam negeri ini ataupun Ahli Dewan ini tidak ingin Peristiwa 13 Mei berlaku kembali dalam negeri kita, kenapakah masalah-masalah yang menyebabkan Peristiwa 13 Mei itu berlaku ditimbulkan kembali di dalam Dewan yang mulia ini. Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat kita yang menimbulkan masalah-masalah ini ingin supaya peristiwa ini kembali ataupun ingin peristiwa ini berlaku kali yang kedua. Ini satu persoalan dan satu tanda-tanya kepada saya, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang suka menimbulkan masalah-masalah ini. Inilah di antara perkara-perkara yang menjadi tanda-tanya kepada saya. Kalau masing-masing suka hendak menimbulkan masalah ini juga saya boleh menimbulkan perkara-perkara seperti ini dalam masalah ini, sebab pengkajian seluruhnya boleh dibuat kepada seluruh rakyat di dalam negeri ini, siapakah

yang lebih mempunyai harta yang banyak, golongan mana yang miskin, golongan mana yang kaya. Jadi kalau hendak dibangkitkan, bangkit seorang timbul masalah ini, mungkin saya rasa akan bertambah panaslah Dewan kita ini. Apabila bertambah panaslah Dewan kita ini, mungkin kepanasan ini akan merebak keluar Dewan. Apabila merebak keluar Dewan, saya bimbang keadaan yang kita hadapi sekarang ini, masalah kominis yang sedang kita hadapi maka akan timbul masalah-masalah ini.

Apa yang paling mendukacitakan saya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang menimbulkan masalah-masalah ini mengaitkan kepada penyokong-penyokong kominis oleh sebab tidak diberi benda ini, tidak diberi pelajaran, tidak diberi bahasa, tidak diberi masuk universiti, tidak diberi tanah, menyebabkan mereka ini lari menjadi kominis. Kalau hendak bercakap masalah ini bagaimana kita semua hendak bercakap, kerana tidak diberi benda ini, merajuk menjadi kominis. Maka timbulah persoalan, siapa yang ramai menjadi kominis di dalam negeri kita sekarang? Marah pula Yang Berhormat Tan Sri Ghazali apabila persoalan ini timbul.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Nama tidak usah disebut dalam Dewan ini.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir:** Saya tarik balik, Tuan Yang di-Pertua. Inilah masalah-masalah yang timbul. Masing-masing cuba pertimbangkan. Kenapa dalam TV tiap-tiap hari muka siapa yang dikemukakan sebagai orang yang dikehendaki sebagai kominis. Ini kami tidak pernah pertimbangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Kalau hendak pertimbangkan, berapa statistik yang ditangkap di seluruh negeri ini, daripada golongan mana, daripada siapa yang ditangkap, berapa jumlahnya, siapa pemimpinnya, berapa orang yang ditangkap, berapa orang yang membekalkan kepada kominis, siapa, golongan mana, orang kaya mana. Ini kalau hendak kita persoalkan semua, mungkin ini akan menaikkan darah kita semua sekali.

Saya bimbang keselamatan kita tidak akan terkawal dalam negeri yang kita cintai, tetapi kalau semua Ahli-ahli Dewan ini ataupun ada di antara Ahli-ahli Dewan ini inginkan perkara ini berlaku, saya yakin dan percaya

bahawa perkara ini akan berlaku. Saya mengharapkan perkara ini tidak akan berlaku lagi dan tidak akan berbuah dua kali dan saya berharap kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan yang bercakap masaalah ini tidak akan mengulangi cakap-cakap seperti ini di dalam persidangan Dewan yang akan datang, kalau tidak mahu golongan kami akan membangkitkan soal-soal yang sama di dalam Dewan ini. Kalau masing-masing hendak menuntut hak masing-masing, kami juga akan menuntut hak masing-masing. Jadi adakah kita hendak membiarkan masaalah ini ataupun ingin hendak membelah dua Malaysia ini? Saya percaya tidak. Kalau tidak, sudah tentu tidak akan menerima sepenuhnya tuntutan masing-masing. Saya percaya golongan bumiputra tidak dapat, banyak yang masih tidak puas hati, banyak yang hendak sepenuhnya tetapi tidak dapat, banyak benda yang kita minta tetapi tidak dapat diberi. Dan saya percaya juga golongan lain banyak yang mereka itu minta tetapi tidak dapat dipenuhi oleh Kerajaan. Kalau semua yang kita minta itu dapat dipenuhi, tiap-tiap orang yang mahu ini dapat diterima, ditunaikan semua sekali, tamatlah Dewan ini pun tidak ada. Semua yang kita hendak dapat. Apa lagi kita tidak ada yang hendak diperjuangkan. Inilah masalah yang patut tiap-tiap orang daripada kita ini dapat mengukur, dapat menimbang, sebagai seorang Wakil Rakyat, sebagai pemimpin, sebagai seorang yang dianggap pemimpin dalam negeri ini dapat mengukur, dapat menimbang mana yang patut dikemukakan dan mana yang tidak patut dikemukakan supaya kita dapat menjaga hati masing-masing, supaya kita dapat menjaga darah masing-masing supaya jangan orang lain naik darah. Jadi, ini satu perkara yang patut benar diambil perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka juga menarik perhatian sedikit dalam penghabisan Ucapan Titah Baginda mengenai keugamaan. Di sini ada seruan daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya menyampaikan ataupun menyempurnakan azam dan hasrat Kerajaan dalam hal ini. Saya sedar bahawa sekarang ini memang banyak badan-badan dakwah yang telah timbul, telah muncul dalam berbagai-bagai cara dan berbagai-bagai bentuk dan pihak Kerajaan sendiri pun telah mempunyai yaysan dakwahnya sendiri. Cuma apa yang saya difahamkan dan saya dapat tahu di dalam

memenuhi hasrat ini pihak Kerajaan masih lagi sehingga sekarang ini tidak memberi peruntukan yang secukupnya supaya badan-badan ini dapat bergerak sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan sebagaimana yang dikehendaki oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Jadi, saya menyerulah kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat menimbangkan, kalau perkara ini benar-benar ingin dapat dijalankan dengan sepenuhnya supaya dapat diberi peruntukan yang secukupnya bagi membolehkan badan-badan ini bergerak sebagaimana yang kita kehendaki. Terima kasih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sebelum saya minta seorang lagi Ahli berucap, kita ada dua hari lagi sampai esok. Dalam senarai yang saya catit, yang bangun tadi 13 orang Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap. Sekarang nampaknya bertambah lagi. Jadi, saya haraplah kalau dapat, selain daripada ingatan Tuan Yang di-Pertua tadi, cuba ringkaskan ucapan pada isi-isinya sahaja supaya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengambil bahagian. Ahli Yang Berhormat dari Jerlun-Langkawi.

4.24 ptg.

**Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin (Jerlun-Langkawi):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun juga turut mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan syukur dan menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia di atas Titah Ucapan Ke bawah Duli pada masa merasmikan Pembukaan Parlimen Penggal Ketiga ini.

Dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia satu perkara yang dianggap penting ialah bahagian pertanian di mana dalam catitan daripada Ucapan Titah itu disebutkan bahawa pertanian merupakan satu sektor yang agak penting sekali bagi meninggikan hasil keluaran dalam bidang pertanian. Tetapi dalam meninggikan mutu dan hasil keluaran ada satu lagi soalan yang agak penting yang seharusnya Kementerian dan Kerajaan Pusat akan beri penilaian dan usaha yang lebih giat iaitu masaalah kemiskinan orang-orang yang sedang berusaha giat dalam bidang bekalan padi dan beras kepada negara. Kerana saya tengok dalam ucapan yang dahulu semasa kita melancarkan buku Rancangan Malaysia Ketiga salah satu yang disebutkan dalam buku itu ialah satu masaalah yang agak penting yang boleh menakutkan kita ialah

masaalah kemiskinan rakyat yang duduk di negeri-negeri yang miskin, lebih-lebih lagi rakyat yang sedang berusaha dalam satu bidang yang specific iaitu mengusahakan keluaran padi dan beras iaitu masyarakat petani dan pesawah.

Dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga dalam muka surat 165 disebutkan bahawa incident poverty ialah lebih kurang 94% di kalangan masyarakat pesawah. Sebahagian besar industri ini ialah diusahakan oleh rakyat bumiputra dan boleh dikatakan sebilangan besar daripada usaha ini dijalankan di negeri-negeri yang agak miskin di utara. Namun begitu negeri-negeri ini dan rakyat yang sedang bertungkus-lumus dalam kawasan sawah ini walaupun dengan adanya sekatan kewangan dan tenaga yang lain, tetapi dapat membantu Kerajaan Pusat bagi menambahkan keluaran bekalan padi dan memproseskan beras untuk memuatkan barang keperluan rakyat di negara kita dan pada tiap-tiap tahun kedua-dua buah negeri yang miskin ini, walaupun dalam perusahaan padi mereka tidak menerima nikmat dari segi kewangan, tetapi dapat bekerja dengan rakyat untuk menyelamatkan wang negara tidak kurang daripada \$250 juta bagi tiap-tiap satu tahun.

Oleh kerana sekatan-sekatan yang dialami oleh kedua-dua negeri ini bermakna dalam usaha mereka bersama dengan rakyat mereka untuk menambahkan pendapatan bersih pesawah tidak dapat diatasi oleh kerana sekatan timbul dari kekurangan wang kerana kedua-dua negeri ini tidak menerima faedah dalam usaha ini dalam segi dan bentuk revenue, maka tidaklah dapat mereka menolong membantu rakyat dalam kawasan sawah ini dalam usaha menambahkan pendapatan mereka kerana soal-soal kenaikan harga barang-barang keperluan tidak boleh dikawal oleh kedua-dua buah negeri ini. Begitu juga barang-barang input yang terpaksa dibeli oleh pesawah-pesawah tidak boleh dikawal oleh kedua-dua negeri ini. Oleh hal yang demikian saya fikir Kerajaan Pusat mestilah berusaha lebih giat lagi dan lebih serius dalam usaha bagi mengurangkan tekanan kemiskinan ini dan bebanan yang sedang ditanggung oleh masyarakat luar bandar negeri ini yang sedang berusaha dalam kawasan padi. Kerana dari segi tambahan keluaran, kalau kita mengharapkan tambahan yield atau keluaran sahaja kemungkinan kekal tak akan kekal. Pesawah-pesawah mesti ada incentive kerana kalau usaha-usaha mereka itu bagi menambahkan keluaran segala hasil nikmat

semua diterima oleh Kerajaan Pusat sahaja dan orang-orang yang berusaha itu cuma diperhamba-abdikan sahaja tentu sekalilah orang-orang ini tidak akan melangsungkan usaha-usaha mereka bagi menambahkan keluaran padi dan juga beras kepada negara.

Selain daripada itu, saya tengok dalam usaha menambahkan pendapatan, kita tidak ada lagi usaha baru yang tertentu bagi membantukan pesawah-pesawah ini dalam masalah meringankan bebanan inflasi hasil daripada kenaikan harga-harga barang keperluan dan kenaikan harga-harga barang-barang racun serangga dan lain-lain yang sedang digunakan oleh pesawah-pesawah itu. Ini bercanggah pula dengan kenaikan expectation mereka hasil daripada usaha Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri untuk menjalankan rancangan-rancangan bagi menambahkan keluaran padi dan beras bagi negara setakat ini seperti mana yang saya katakan walaupun mereka telah berusaha begitu giat bagi menambahkan keluaran padi dan beras tetapi pendapatan bersih mereka itu masih kurang sangat kerana tidak seimbang dengan kenaikan harga barang-barang makanan dan harga barang-barang keperluan yang digunakan untuk tanaman padi. Dan ini amatlah sedih kerana kalau kita bandingkan dengan orang yang mengikuti rancangan FELDA dalam usaha getah, kalau kawasan yang sama kita dapati dalam FELDA seorang peneroka tanah di kawasan 8 ekar boleh dapat tidak kurang daripada \$338 sebulan pendapatan bersih, dalam rancangan kelapa sawit pula boleh dapat \$381 sebulan tetapi bagi petani di kawasan sawah, seluas kawasan yang sama mereka cuma menerima, kalau tinggi sekalipun hanya \$150 atau setengah kurang daripada kawasan yang sedang dibantu oleh Kerajaan Pusat bagi meninggikan taraf hidup orang-orang yang agak miskin. Maka masanya sudah tiba Kerajaan Pusat mesti memikirkan dan mencari jalan supaya price structure padi diberi kajian semula dan desakan dan rayuan Ahli Yang Berhormat dari Kangar patutlah diberi timbangan.

Selain daripada itu, Kerajaan Pusat patut juga mencari jalan memberi subsidi untuk mengurangkan ongkos output yang digunakan oleh pesawah di dalam kawasan padi dan beras. Saya terperanjat, kerana baru-baru ini cukai mesin yang digunakan oleh pelombong-pelombong telahpun dikurangkan oleh Kementerian Kewangan iaitu suatu industri yang diusahakan oleh orang-orang kaya, tetapi malangnya kerana apa pula cukai bagi

mesin-mesin yang digunakan oleh pesawah-pesawah, orang yang betul-betul miskin tidak pernah diberi pertimbangan yang sama dan kenapa pula industri yang sedang menjalankan usaha bagi mengadakan mesin-mesin agriculture yang murah, iaitu mesin-mesin "reconditioned".

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya sentuh tentang soal taraf hidup rakyat yang miskin. Satu masalah yang besar iaitu pengangguran yang masih tidak diberi ketegasan yang nyata, terutama sekali bagi mereka yang baru lepas sekolah. Sekiranya tidak diambil tindakan faktor demogratif akan menjadi satu ancaman yang akan menjadi lebih dahsyat akibatnya daripada dadah. Sebahagian daripada masalah ini ialah kerana pertamanya kita tidak ada dorongan yang cukup bagi memperkembangkan perusahaan yang sudah berjaya dalam negara ini sendiri.

Selain daripada itu rancangan di luar bandar masih lagi berjalan perlahan berbanding dengan keupayaan tenaga di tempat-tempat itu.

Ketiga, lepasan sekolah itu adalah tidak diimbangkan dan disesuaikan antara pengalaman yang diperlukan dengan pengetahuan yang diterima oleh pihak industri. Perhatian patutlah ditumpukan kepada masalah ini bagi menggalakkan industri supaya perkembangan akan berlebihan dan akan sendirinya memberi peluang yang lebih kepada pekerja-pekerja atau orang yang masih menunggu untuk menerima pekerjaan. Agaknya satu cara ialah dengan mengurangkan pada waktu ini, waktu slow growth ini, mengurangkan sedikit cukai cooperative profit. Ini akan mungkin membolehkan syarikat yang sedang maju untuk menggunakan sebahagian daripada keuntungannya yang dikecualikan daripada cukai untuk merancang tambahan usaha mereka di samping itu memberi peluang kepada rancangan yang berkaitan dengan keselamatan dan sosial hasil daripada tambahan pendapatan dan keuntungan yang dikecualikan atau dikurangkan cukai itu. Itu juga akan stimulate demand from consumers atau pembelian orang ramai. Di samping itu tax credit jenis ini akan mengurangkan harga buruh bagi majikan. Satu cara lain mungkin dengan pemberian subsidi dibayar kepada majikan yang mengambil penganggur itu untuk bekerja dengan syarikatnya terutama sekali orang-orang muda dalam lingkungan umur di antara 16-25 tahun. Dalam usaha

untuk mengatasi masalah structural employment ini juga kita harus membuat tanaman modal yang lebih besar lagi dalam gunatenaga dan rancangan latihan belia dan apabila perlu menambahkan public service job di mana private sector enggan menyertainya. Adalah perlu diperhebatkan juga rancangan yang diusahakan oleh agensi perkhidmatan belia untuk mengkaji keperluan pekerjaan (job needs) terutama sekali keperluan pekerjaan belia. Rancangan negara mengenai pembangunan belia seharusnya meliputi usaha menasihati pengalaman pekerjaan, latihan mahir dan pembentukan kerja tertentu untuk memudahkan peralihan dari sekolah ke tempat-tempat bekerja. Mungkin juga perlu dibentuk satu rancangan iaitu work-study programme di mana belia itu bekerja separuh masa dan belajar di separuh masa yang lain untuk memberi peluang mereka memilih kerja. Mungkin dalam hal ini credit incentive patut diberikan kepada pengusaha untuk mengadakan work-study opportunity untuk memberi peluang kerja kepada belia-belia yang sedang menganggur di kawasan yang berdekatan dengan industri yang sedang maju. Kerajaan juga patut menyediakan satu rancangan sebagai persediaan untuk mengatasi masalah pengangguran hasil daripada technological changes, terutama sekali di kawasan perindustrian di mana sebahagian besar daripada industri itu sedang mengusahakan industri letronik di mana kita dapati macam di Amerika mereka sudahpun berpindah kepada automotion dan kalau kita tidak ada persediaan mungkin bila automotion itu berjaya, rakyat kita akan mengalami banyak pengangguran di kawasan industri yang sedang menjalankan kemajuan perusahaan berkaitan dengan letronik. Dengan itu bukan sahaja boleh kira mengurangkan pengangguran belia malah boleh kita membantu juga orang-orang yang sehingga kini belum dapat peluang untuk bekerja terutama orang dewasa yang sedang berusaha dan masih menunggu giliran dalam labour Exchange untuk mendapat kerja. Usaha ini patut diberi pertimbangan kerana baharu-baharu ini juga kita dapati negara Singapura dan Philippines telahpun mengambil tindakan bagi mengurangkan cukai-cukai, corporate profits supaya perusahaan-perusahaan ini dapat menggunakan keuntungan kalau tidak diambil oleh Kerajaan itu boleh digunakan sendiri untuk menambahkan usaha-usaha mereka di mana dengan adanya tambahan-tambahan industri ini dapatlah orang-orang mereka bekerja. Satu contoh, di Singapura

dalam industri insuran sahaja cukai yang biasa 45% dikurangkan sampai 10% sebagai insentif. Begitu juga di Philippines, saya dapat tahu, cukai dikurangkan sehingga 5%. Ini satu cara untuk menarik perusahaan dalam negeri bagi menambahkan peluang-peluang kerja.

Akhir sekali, suka saya menyentuh tentang soal pelaksanaan. Kita telahpun mengadakan satu pelan yang begitu ambitious dalam bentuk Rancangan Malaysia Ketiga. Banyak rakan-rakan saya telah menyebutkan rasa keraguan mereka mungkin sebahagian daripada rancangan-rancangan ini tidak dapat dilaksanakan. Satu daripada faktor yang menyedihkan ialah soal bureaucracy. Kami masih dapati sebahagian daripada jabatan-jabatan walaupun sedar tentang Rancangan Malaysia Ketiga ini dan tujuan-tujuannya, tetapi masih menjalankan pekerjaan secara menolak file dari satu pejabat ke satu pejabat, dari satu bangku ke satu bangku. Ini adalah satu-satu cara yang boleh melambatkan pekerjaan yang seharusnya kita laksanakan.

Selain daripada itu satu lagi sekatan, saya fikir soal kekurangan pegawai-pegawai patutlah ditimbang dan Kerajaan patut menambahkan pegawai-pegawai yang betul-betul dedikasi untuk menolong Kerajaan kita dan Kerajaan Negeri bagi menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Akhirnya sekali tentang tenaga dalam bentuk jentera. Kebanyakkan daripada usah-usaha yang hendak dimajukan ialah dalam bentuk infrastruktur, tetapi malangnya bagi J.K.R. (Jabatan Kerja Raya) saya dapati banyak jentera-jentera yang tidak mencukupi diadakan di tempat-tempat yang seharusnya dimajukan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

4.43 ptg.

**Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani):** Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengambil bahagian bersama-sama Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan yang lain menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam mana telah menitik beratkan soal-soal pembangunan, meninggikan taraf hidup rakyat, masalah keselamatan, pelajaran, belia-belia, tempat kediaman pekerja serta berpegang teguh kepada agama dan bersatu padu untuk membina sebuah negara Malaysia yang aman, bahagia dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada masaalah-masaalah ini maka Wakil-wakil Rakyat yang dipilih ini kadang-kadang gelisah, kerana rakyat jelata yang menunggu pembangunan seperti jalan-jalan kampung iaitu punca segala mata pencarian amatlah mustahak. Saya katakan begitu kerana banyak jalan-jalan kampung belum dapat diperbaiki begitu juga bekalan air paip dan lampu elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kerajaan Pusat telah menguntukkan sekian-sekian juta ringgit untuk negeri-negeri, saya khuatir takut-takut wang itu ada tetapi jentera untuk menjalankan kerja tidak mencukupi. Saya harap Kerajaan akan dapat membekalkan lebih banyak pakar-pakar atau jurutera-jurutera yang mahir untuk mencepatkan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, sebab setahun telah berlalu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Dasar Ekonomi Baru, menyusun semula masyarakat berbilang kaum dan mengenalkan identiti Malaysia. Saya masih kurang faham meng-apakah ada lagi sungutan-sungutan terdengar bermacam-macam perkara yang tidak patut kita bersungut lagi. Kalau kita yang faham, masih buat tidak faham, apa lagi golongan-golongan muda yang memang mentah dalam hal-hal ini. Saya rasa apa yang hendak dicakapkan, patutlah difikirkan lebih dahulu sebelum dikeluarkan buah butirnya kerana pedih sangat telinga yang mendengar.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh beberapa Kementerian yang saya fikir perlu.

Yang pertama, Kementerian Pelajaran. Saya fikir patutlah dikaji semula masaalah biasiswa kepada anak-anak kita di luar negeri terutama kepada penuntut-penuntut yang telah belajar di Indonesia sebab keadaan hidup dan barang-barang yang melambung naik.

Yang kedua, Kementerian Kesihatan. Masih lagi kedengaran suara saya meminta agar Unit Pertolongan Rapi diberi kepada hospital di Daerah Sungai Petani dan Wad Kelas I diadakan serta wad-wad lagi ditambah memandang kepada bilangan penduduk bertambah dengan beberapa Pasukan-pasukan Keselamatan dan pekerja-pekerja di kilang-kilang yang baharu tumbuh.

Yang Ketiga, Kementerian Pertanian. Bantuan subsidi baja patutlah diteruskan dan pinjaman kredit seperti pembelian alat-alat pertanian moden dan nasihat-nasihat kepada

petani dan nelayan supaya mereka dapat menjadi pak tani dan nelayan yang kaya raya di dalam erti kata yang sebenarnya, bukanlah seperti hari ini bekerja dengan orang-orang yang hanya memerah tenaga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Jabatan Perdana Menteri dan kepada Menteri-menteri yang berkenaan seperti menjaga Rukun Tetangga. Saya syorkan orang-orang yang mempunyai kad pengenalan hijau perlu diberi tugas untuk bersama-sama mengawal dan meronda di dalam Rukun Tetangga ini. Kita yang kad biru dan merah sahaja yang menjaga keamanan. Yang kad pengenalan hijau dibiarkan tidur senang lenang. Patutlah perkara ini dikaji semula, kerana ia pun dapat nikmat di negeri ini dan bersenang-lenang di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan agar dilebihkan peruntukan untuk kesatuan-kesatuan belia di daerah-daerah seperti di kawasan saya Sungai Petani di Daerah Kuala Muda. Belia-belie di sana sungguh keciwa, sebab sungguhpun mereka diberi sedikit sebanyak alat-alat sukan, seperti sepak takraw, court badminton, tetapi yang perlu ialah padang bola. Mereka ini selalu membangkitkan perkara padang bola. Hendak pinjam padang-padang bola di sekolah tidak dibenarkan oleh pihak yang berkenaan, kerana padang-padang begini selalu ditempatkan di sekolah-sekolah berasrama penuh. Jadi sudah tentu terganggu dengan penuntut-penuntut di asrama terutama penuntut-penuntut di asrama itu terdiri dengan penuntut perempuan. Saya harap jika sekiranya boleh, Kementerian ini patutlah membekalkan sedikit peruntukan untuk padang bola di tempat-tempat yang difikirkan perlu supaya jika belia-belie ini diberi banyak cara untuk membuat sesuatu, atau diadakan bermain dan bertukar-tukar fikiran, tidaklah mereka digunakan oleh anasir-anasir jahat dan membuat sesuatu seperti menyalahgunakan dadah dan perkara-perkara yang tidak diingini.

Yang keenam, menyentuh kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Untuk maklumat Yang Berhormat Menteri banyak suri-suri rumah tangga bersungut tentang kenaikan harga barang-barang harian, seperti minyak kelapa, bawang-bawang dan kopi. Tidakkah ada satu jalan untuk menurunkan

harga barang-barang keperluan harian ini? Kalau orang yang bergaji besar tidak apalah. Ini yang bergaji kecil yang mempunyai anak banyak.

Tuan Yang di-Pertua, menarik perhatian Yang Berhormat Menteri dalam Negeri, saya sukalah memberi pandangan dan mengesyorkan iaitu sudah sampai masanya yang anggota Polis Wanita bukan lagi cara sekarang, iaitu berpakaian skirt tetapi eloklah berseluar panjang. Ini menyenangkan waktu menjalankan tugas, kerana pada masa dahulu wanita-wanita diambil menjadi mata-mata atau anggota Polis Wanita ialah sebagai perhiasan, membuat kerja-kerja seperti Setiausaha atau jurutaip atau menjadi pemeriksa bagi wanita-wanita yang ditangkap. Tetapi sekarang ia membuat kerja lelaki seperti menjaga lalu-lintas, menangkap penghisap-penghisap dadah dan pelacur-pelacur, dengan sebab itu tentulah susah masa hendak berlari ke sana-sini dan kadangkala kalaulah terjatuh anggota-anggota polis wanita ini habis terbuka skirt-nya. Saya ingin mencadangkan supaya ditukarlah dengan seberapa segera daripada skirt tadi kepada seluar panjang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya suka menegur atau menarik perhatian Kerajaan agar penghormatan diberi juga kepada suami Menteri wanita kerana nampak sangat diskriminasi di dalam jamuan makan malam baru-baru ini di mana suami kepada Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am tidak duduk bersama dengan isterinya. Kalau kita tengok isteri-isteri Menteri yang lain-lain dapat duduk dengan suaminya tetapi beliau tidak dapat duduk dengan isterinya, walhal taraf jawatan Menteri bukankah sama, Tuan Yang di-Pertua.

Setakat itulah sahaja sekali lagi saya menjunjung kasih kepada ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapannya.

4.52 ptg.

**Tuan Lim Kiam Hoon (Padang Serai):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut bersama menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang dibuat di Dewan baru-baru ini. Dalam Titah Ucapannya, Baginda telah menyatakan pada tahun ini Malaysia genap 20 tahun merdeka dalam tempoh masa

ini, banyak masalah-masalah yang rumit telah dapat diatasi. Sementara itu, kita juga mencapai banyak pembangunan-pembangunan di semua bidang.

Sebagai seorang warganegara Malaysia, saya berasa bangga terhadap kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh negara kita. Bila kita memandangkan sejarah yang gilang-gemilang yang lalu, kita akan menambah kepercayaan kita terhadap masa depan pembangunan negara kita.

Berhubung dengan pembangunan negara kita, selain dari kita mempunyai kepercayaan yang kuat itu, saya juga berharap anggota-anggota perkhidmatan awam dan rakyat jelata kita menumpukan tenaga mereka terhadap tugas, tanggungjawab dan kewajipan masing-masing dengan semangat jujur, dedikasi seperti yang dinyatakan dalam Titah Ucapan Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang saya ingin menyebut setengah-tengah masalah-masalah yang dihadapi oleh kita dalam proses pembangunan negara kita. Di moga-mogakan bahawa Kerajaan kita dan rakyat jelata akan mengatasi kerumitan-kerumitan itu dengan semangat jujur dan dedikasi. Mengikut statistik, kita sedar bahawa dalam tahun 1975, jumlah murid-murid darjah satu sekolah-sekolah rendah berbagai aliran adalah sebanyak 283,651 orang, tetapi dalam tahun 1976, jumlah murid-murid darjah satu sekolah-sekolah rendah berbagai aliran dikurangkan hingga 273,114 orang. Sebenarnya kekurangan murid-murid itu memanglah bukan diakibatkan oleh rancangan keluarga, kerana mengikut kiraan Kerajaan, kadar tambahan penduduk-penduduk negara kita masih mengekalkan 2.7%.

Kekurangan murid-murid darjah satu itu timbul di semua sekolah-sekolah rendah mengira alirannya. Memanglah tanpa hakikatnya bukanlah disebabkan pertukaran sekolah murid-murid itu.

Pada pendapat saya, kekurangan murid-murid itu mungkin disebabkan oleh kemiskinan ibubapa atau ketidak cukupan bangunan sekolah. Oleh sebab ini kita mendesak Kerajaan mengambil perhatian terhadap masalah kemiskinan rakyat jelata berbilang kaum dan mencari solusi-solusi kepadanya. Sementara itu, kami berharap bahawa kerajaan dapat membina lebih banyak bangunan-bangunan sekolah rendah itu.

Kami sedar bahawa keadaan kekurangan murid-murid itu lebih serious dalam darjah satu di sekolah-sekolah rendah China. Oleh yang demikian, kami mendesak bahawa Kerajaan dapat membina lebih banyak bangunan sekolah rendah China.

Segala usaha patut ditumpukan kepada kemajuan pelajaran yang dijadikan satu elemen yang terpenting dalam proses pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kami merasa bahawa ada sekumpulan orang, baik dalam negara kita atau di luar negeri, mengadakan satu impresi yang tidak sihat terhadap Akta Koordinasi Industri kita. Tentulah kami mengetahui bahawa Akta itu akan mengeluarkan banyak faedah kepada perkembangan industri kita, tetapi kami juga patut menimbangkan sambutan yang tidak memuaskan dikeluarkan oleh orang-orang tersebut itu.

Kerajaan kita telah membentuk sebuah Jawatankuasa dalam Kabinet kita untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihasilkan dari Akta Koordinasi Industri itu, dan kerajaan akan mengumumkan pindaan-pindaan terhadap Akta itu. Semua ini menunjukkan bahawa kerumitan-kerumitan telah ditimbulkan bila kita menguatkuasakan Akta itu. Oleh yang demikian, Kerajaan menetapkan di bawah Akta Koordinasi Industri itu, permohonan-permohonan permit akan dikemukakan selewat-selewat sebelum 30hb April tidaklah praktikal itu. Oleh yang demikian, kami berharap bahawa kerajaan patut menimbangkan menangguhkan tarikh tersebut, lebih baik dilaksanakan selepas kelulusan pindaan Akta Koordinasi Industri itu.

Sekianlah sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu, Yang Berhormat Menteri hendak membawa Usul.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, untuk

memberi lebih masa kepada Ahli-ahli Yang Berhormat peluang berucap di dalam Usul ini, saya mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

**Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 7.30 malam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang perbahasan akan disambung semula. Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru.

#### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

5.02 ptg.

**Tuan Ja'afar bin Hamzah (Johor Bahru):** Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta berucap dan membahaskan di dalam Dewan yang mulia ini bagi menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah menyentuh semua aspek kemajuan dan peranan yang mesti dimainkan oleh semua golongan pihak untuk melipat-gandakan usaha-usaha supaya matlamat dan cita-cita Kerajaan akan tercapai sepenuhnya lebih-lebih lagi di dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Menyentuh tentang Rancangan Malaysia Ketiga, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat semua sedia maklum bahawa matlamat Rancangan Malaysia Ketiga adalah merupakan lanjutan dari Rancangan Malaysia Kedua yang berdasarkan kepada dua matlamat yang besar iaitu melaksanakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan iaitu satu dasar sosio-ekonomi

yang telah dirangka bagi mencapai perpaduan negara dan mengatasi masalah kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat bagi membasmi penge-nalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi dan yang keduanya mengwujudkan perpaduan dan ketahanan rakyat dalam menghadapi penyusunan masyarakat, mengekalkan keamanan dan keadilan. Oleh yang demikian sekiranya dua matlamat yang besar ini dapat difahami oleh semua pihak dan golongan kaum yang ada di dalam negara Malaysia ini maka segala tidak puashati di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain tidak akan timbul sama sekali dan oleh itu segala rancangan akan dapat diteruskan dari masa ke semasa.

Walau bagaimanapun, matlamat rancangan tersebut tidak akan tercapai dengan sepenuhnya jika sekiranya tenaga penyeliaan dasar yang merupakan pihak Kerajaan, tenaga pelaksanaan dasar yang merupakan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan sebagai jentera pelaksana dan juga tenaga penerimaan dasar yang merupakan rakyat jelata tidak diperseimbangkan. Rancangan Malaysia Ketiga adalah begitu tersusun dan teratur mengikut jadual yang telah ditentukan. Oleh yang demikian, pada hemat saya, keraguan yang ditimbulkan oleh setengah-setengah pihak lebih-lebih lagi pihak pembangkang adalah tidak berasas dan merupakan political propaganda mereka itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi kelemahan dan kekurangan yang masih terdapat bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini Kerajaan hendaklah menitik-beratkan di antaranya pelaburan kewangan sektor awam hendaklah dipercepatkan bagi disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya Rancangan Malaysia Ketiga dapat terus berjalan dengan lancar dan licin mengikut jadual yang telah ditentukan.

Saya mengutarakan perkara ini, kerana terdapat peruntukan-peruntukan bagi satu-satu kawasan telah tidak dapat disalurkan terlebih awal yang mana kebiasaannya di-kirinkan hampir akhir-akhir tahun. Ini adalah menyulitkan bagi pihak yang melaksanakan rancangan-rancangan yang berkenaan itu dan dengan sebab itu banyak projek-projek Rancangan Malaysia Kedua yang sepatutnya diselesaikan telah tidak dapat di-jayakan dan dengan yang demikian terpaksa

dibawa dan dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang merupakan kerja-kerja yang bertindih-tindih.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Johor telah diperuntukkan sebanyak \$55 juta bagi Rancangan Malaysia Kedua untuk pembinaan rumah—rumah murah dan dari jumlah itu sebahagian besar yang berjumlah \$39.5 juta adalah untuk pembinaan rumah-rumah pangsa bagi kawasan pilihanraya saya sendiri yang telah tidak dapat dilaksanakan. Oleh itu, perlaksanaannya adalah dijangkakan akan dapat dilaksanakan di dalam tahun ini. Oleh yang demikian, pelaburan kewangan sektor awam perlu dan mustahak dipercepatkan bagi mengelakkan Rancangan Malaysia Ketiga ini tidak terjejas.

Tidak ketinggalan juga bagi menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga ini ialah penambahan gunatenaga yang mahir yang masih berkurangan di kalangan sektor-sektor awam yang tertentu hendaklah dipenuhi dengan seberapa segera supaya tidak melibatkan kekurangan tenaga pelaksana.

Dalam hal ini, bagi membolehkan jawatan-jawatan yang kosong atau menambahkan jawatan-jawatan baru, pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam perlulah mengkaji semula semua dasar-dasar ataupun peraturan-peraturan pengambilan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan supaya pengambilan dan pengisian yang segera dapat dilakukan. Pada kebiasaannya, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam terlalu lambat dan lech dan kadangkala hampir satu tahun lamanya untuk menghantar calon-calon yang diperlukan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Sebagai contoh, di Negeri Johor sekarang ini hampir 200 tenaga pekerja yang diperlukan dan belum lagi diisi sehingga hari ini. Ini semua adalah dengan sebab kelewatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mengemukakan nama-nama calon yang layak. Seperti di Jabatan Kerjaraya Negeri Johor terdapat lima jawatan Jurutera peringkat biasa, 10 jawatan Pembantu Teknik dan lima jawatan lagi iaitu Juruteknik Rendah yang masih kosong dan belum diisikan. Sedangkan Negeri Johor adalah merupakan satu negeri yang sedang pesat membangun. Oleh yang demikian, dasar-dasar ataupun peraturan-peraturan pengambilan kakitangan perlu dikaji dan diubah-suaikan dengan keadaan zaman sekarang ini, iaitu zaman sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh tentang penyertaan kaum bumiputra dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru. Kalau ditinjau dengan secara mendalam semenjak Kerajaan mengemukakan Dasar Ekonomi Baru serta hasratnya mahukan 30% bumiputra itu mengambil bahagian di dalam bidang perindustrian dan perdagangan maka pada pendapat saya harapan itu mungkin tidak akan tercapai di dalam tempoh yang diharap-harapkan. Saya bimbang harapan akan tinggal harapan sahaja. Hal yang sangat menyedihkan ini perlu diberi perhatian oleh pihak Kerajaan supaya perseimbangan di dalam bidang perindustrian dan perdagangan itu yang selama ini mempunyai satu gap yang jauh dapat diperbetulkan. Penglibatan semua kaum bumiputra dalam menjayakan Dasar Ekonomi Baru bagi mencapai 30% penyertaan itu hendaklah diambil berat. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dapat saksikan bahawa perkembangan bumiputra dalam perindustrian dan perdagangan itu memang ada, tetapi kemajuan dan peningkatannya tidak begitu berkembang maju. Kejayaan ini bolehlah dikatakan hanya dikalangan beberapa orang yang tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Dewan yang mulia ini, saya suka mencadangkan kepada Kerajaan bahawa satu cara yang mungkin berkesan untuk mendapatkan modal dari kaum bumiputra ialah dengan mengadakan satu skim yang boleh dipanggil sebagai re-investment scheme dengan cara potongan gaji mereka samada yang berkhidmat dengan Kerajaan ataupun dengan pihak swasta. Saya percaya dengan cara ini, saya fikir usaha-usaha Kerajaan untuk mengumpul modal kaum bumiputra untuk menyertai di dalam bidang perniagaan akan berhasil. Walau bagaimanapun cara potongan yang akan dibuat dan berapa peratuskah daripada pendapatan mereka itu dapat dikenakan, terpujanglah kepada Kerajaan mengikut atas budibicara yang difikirkan menasabah. Dengan keadaan begini adalah mengurangkan bebanan Kerajaan dan di samping itu dapatlah pihak yang berkenaan itu menyambut dan menyahut seruan Kerajaan bagi menjayakan Dasar Ekonomi Baru. Sekiranya sesuatu langkah tidak dapat dilakukan seperti yang saya cadangkan tadi, saya bimbang nasib kaum bumiputra akan terus tertinggal dan ini akan menimbulkan perasaan kurang senang di antara satu golongan dengan satu golongan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat dalam usaha-usaha hendak menolong bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian ini, Kerajaan perlu bertegas dan berterus terang kiranya mahu melihat bumiputra bersaing dengan kaum-kaum lain dalam bidang perindustrian dan perdagangan ini. Saya mendapat tahu masih banyak lagi jumlah—beratus-ratus juta ringgit saham yang diperuntukkan kepada bumiputra terutamanya di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian masih tersimpan di dalam Kementerian itu. Hal ini sangatlah menyedihkan dan pihak Kerajaan perlu mengkaji di mana letak kesilapan ini. Saya rasa kalau mengharapkan bumiputra untuk membelinya tentulah tidak akan berhasil melainkan modal-modal mereka dapat dikumpulkan dengan anjuran dari pihak Kerajaan sendiri. Penanaman modal bumiputra melalui potongan yang dikenakan kepada mereka untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru dengan penyertaan kaum bumiputra sebanyak 30% di dalam bidang perdagangan dan perindustrian merupakan satu cara yang barangkali dapat kita jayakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh pula dari segi pelajaran. Suka saya mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran supaya semua sekolah-sekolah dapat mengadakan perjumpaan pada tiap-tiap pagi sebelum murid-murid memasuki bilik darjah di mana guru-guru di sekolah-sekolah yang berkenaan dapat memberi ceramah yang boleh memberi perangsang ataupun menanamkan semangat cintakan tanahair kita. Hal ini saya telah perhatikan dan telahpun di peraktikkan oleh negara jiran kita iaitu Indonesia di mana tiap-tiap sekolah di negara itu pada tiap-tiap pagi mengadakan perhimpunan di mana tiap-tiap guru yang terlibat memberikan ceramah-ceramah daripada segi menanamkan semangat cintakan tanahair. Saya percaya kalau perkara ini dapat dilakukan di sekolah-sekolah di negara kita ini sudah tentu semangat jenerasi muda kita masa depan untuk cintakan tanahair serta semangat perpaduan di antara satu sama lain akan lebih kukuh dan kuat lagi. Saya juga yakin dengan semangat cintakan tanahair yang akan diberikan kepada anak-anak di sekolah-sekolah itu

dapat mereka menjauhkan diri mereka dari dipengaruhi oleh perkara-perkara yang tidak diingini seperti penyalahgunaan dadah dan anti-nasional dan lain-lain lagi.

Sejauh ini apa yang kita dapat lihat, sekolah-sekolah di negara kita hanya seminggu sekali ataupun dua minggu sekali berkumpul, menyanyikan lagu “Negara Ku” kemudian guru-guru memberikan syarahan tentang kebersihan diri. Saya rasa kebersihan diri itu tidak begitu perlu diperkatakan kerana setiap ibu-bapa ataupun penjaga memang mahu melihatkan anak-anaknya sentiasa bersih. Tetapi dalam hal keadaan negara sekarang yang kian membangun dan maju, maka perlu tiap-tiap warganegara terutama sekali kanak-kanak yang bakal mewarisi negara kita di masa akan datang mestilah ditanamkan dengan satu semangat benar-benar cintakan tanahair hingga sanggup menentang siapa sahaja yang cuba hendak mencemarkan nama baik negaranya sendiri. Tetapi, pada masa ini kita sendiri merasa amat dukacita melihat telatah dan sikap setengah-setengah pelajar kita yang menuntut di luar negeri sanggup mencemarkan nama baik negara mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Kementerian Pelajaran dapat menjalankan satu kajian sebab-sebab berlakunya kemerosotan peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran yang telah berlaku di sekolah-sekolah berasrama penuh bagi tahun 1976. Apa yang saya dapat tahu sebuah sekolah menengah yang terkenal di sini iaitu di Johor Bahru, Sekolah Tun Fatimah, peratusan kelulusan di dalam peperiksaan H.S.C. jatuh merosot daripada lebih 45% pada tahun 1975 hanya tinggal kira-kira 16% pada tahun ini. Begitu juga Sekolah Sains Kluang daripada 30 murid yang mengambil peperiksaan H.S.C. hanya 2 orang sahaja yang lulus. Kalau diperhatikan dengan keputusan ini sangatlah memeranjatkan kita semua pada hal sekolah-sekolah tersebut terdiri dari murid-murid pilihan seluruh negara. Saya mengharapkan Kementerian Pelajaran terutama Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberikan satu perhatian yang serious serta membuat kajian-kajian atas punca apakah berlakunya kelemahan bagaimana yang telah saya per-katakan tadi.

Mengenai keselamatan negara melalui Dewan yang mulia ini saya suka mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi

tahniah kepada angkatan tentera Malaysia dan negara Thailand yang mana telah dapat bekerjasama menjalankan gerakan memerangi penganas-penganas komunis di sempadan kedua-dua buah negeri iaitu Malaysia/Thai. Kita mengharapkan kerjasama yang terjalin antara kedua-dua Kerajaan ini terutama sekali dari segi ketenteraan menentang ancaman komunis hendaknya akan dapat diteruskan dari semasa ke semasa untuk menjamin keamanan, kesejahteraan dan kesetabilan bagi kedua-dua negara.

5.25 ptg.

**Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah (Silam):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada pembukaan mesyuarat Parlimen pada 21 haribulan Mac, 1977, di Dewan yang mulia ini, dan tidak ketinggalan juga saya turut menyokong segala rancangan-rancangan yang dilafazkan oleh Duli Yang Maha Mulia itu dan di samping itu saya juga ingin membuat sepatah dua dalam perbahasan Titah Ucapan di Raja ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya datang dari kawasan yang berjauhan dari bandar di Sabah, sungguhpun Sabah telah mencapai kemerdekaan 14 tahun melalui Malaysia tetapi banyak kepadatan kemajuan-kemajuan dalam aliran pembangunan terlalu jauh bezanya. Misal kata, seperti Dasar Ekonomi Baru, pada masa ini digembelangkan segala tenaga yang ada untuk mencapai matlamat yang dicita-citakan itu, tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya di Sabah, terutama sekali di daerah luar bandar tidak diambil berat langsung. Jadi banyaklah kesukaran dan kekurangan didapati oleh rakyat di luar bandar Sabah terutama sekali di Residensi sebelah pantai timur.

Di Semporna dan Lahad Datu, perkhidmatan doktor sangat-sangat dikehendaki daripada yang ada sekarang, kerana peredaran masa dan penambahan penduduk semula jadi dan juga penambahan penduduk yang terdiri dari orang-orang yang mendatang dengan secara mengejut atau tiba-tiba dengan banyaknya. Inilah masalah yang dihadapi tentang perkhidmatan kesihatan dibiarkan langsung sehingga ada kejadian kolera berlaku. Ada pula doktor yang dihantarnya, seorang yang

tidak faham berbahasa Malaysia. Jadi apalah gunanya kalau terpaksa rakyat menghubungi dengan cara signal tangan dan perasaan air muka untuk menunjukkan apa yang dihadapi oleh pesakit-pesakit yang datang untuk mendapat rawatan. Saya dapat tahu doktor yang ada di Semporna ini adalah doktor luar negeri, berkhidmat di Kajang sekejap dan terus dihantar ke luar bandar, ke Semporna, di mana terdapat orang-orangnya kurang sangat berbahasa Malaysia tetapi menggunakan bahasa ibundanya. Saya harap doktor-doktor yang hendak dihantar ke luar bandar, pendalaman, terutama sekali di daerah-daerah Sabah, hendaklah tahu sedikit-sebanyak Bahasa Kebangsaan yang kita mulia-muliakan itu.

Kelengkapan-kelengkapan hospital di luar bandar sangat jauh berkurangan dari kelengkapan-kelengkapan yang terdapat di hospital-hospital daerah di Semenanjung. Ada pula terdapat, tidak boleh dapat di hospital-hospital Kerajaan ubat-ubat yang dikehendaki itu, tetapi boleh dapat di klinik-klinik swasta dan ini menambahkan kurang keyakinan rakyat dengan perkhidmatan perubatan Kerajaan dan diharap Kerajaan melalui Menteri Yang Berhormat ini dapat memerhatikan supaya kejadian-kejadian kurang memuaskan di hospital-hospital, dari alat-alat kelengkapan, stock ubat, kemudahan-kemudahan, layanan-layanan hendaklah sentiasa memuaskan dan boleh memberi keyakinan rakyat tentang kemudahan-kemudahan yang Kerajaan sediakan.

Terdapat juga di Semporna ada rumah doktor tetapi doktor yang ditunggu-tunggu tidak kunjung tiba. Jadi tinggallah rumah doktor ini kesunyian, rindukan penghuninya. Saya pun tidak tahu mengapa Kementerian yang berkenaan, dengan adanya pegawai-pegawai yang berkelibar tinggi, merencana rumah ini, adakah Menteri Yang Berhormat sendiri kurang mengawasi pembangunan-pembangunan dari segi Kementerianya sehingga rumah doktor ini menjadi rumah hantu.

Tuan Yang di-Pertua, masalah keselamatan dalam negara kita ini boleh diakui "tip-top". Pergerakan pasukan-pasukan keselamatan kita sangat memuaskan dan patut diberi pujian yang tinggi. Di Daerah Pantai Timur Sabah apa yang saya dapati mereka ini masih menggunakan alat-alat senjata out-of-date, kerana kita dapati senjata modern sekarang telah berkeliaran di merata-rata

dunia tetapi pasukan keselamatan kita yang terdiri dari pasukan polis yang bertugas di Semporna menggunakan senjata senapang perang dunia kedua atau senjata yang modern sedikit daripada itu. Apa yang saya harapkan, mereka ini hendaklah dibekalkan dengan senjata modern seperti M16 yang dibekalkan kepada pasukan bersenjata kita di Semenanjung supaya dapat menaikkan morai perkhidmatan mereka kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, di tengah-tengah pekan Semporna baru-baru ini telah kejadian satu kes pembunuhan kejam, dan apa yang sangat menyesali, setelah beberapa lama perkara ini berlaku tidak seorang pun ada anggota polis mengetahui perkara ini dan perkara ini menaruh kebimbangan dan keraguan rakyat di sana tentang kurang kecekapan pasukan polis kita menjalankan tugasnya, sedangkan kejadian ini berlaku di hadapan hidung balai polis Semporna. Jadi saya anggap perkara yang seperti ini akan merugikan negara dan saya berharap tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil ke atas pegawai-pegawai yang berkenaan yang mengawasi keselamatan di daerah ini, kalau tidak, pekan Semporna akan menjadi pekan Cowboy.

Tuan Yang di-Pertua, ada sebuah balai polis dibina di Pulau Manampilik, dalam daerah Semporna, dibina dengan begitu indah dan bermutu, sudah bertahun-tahun balai polis ini rindukan penghuninya, tinggalkan ia kesepian, kesejukan di tengah-tengah lautan. Saya harap juga Kerajaan, melalui Dewan ini mengambil tindakan supaya bangunan ini tidak membazir begitu sahaja.

Di bidang pertanian pula, saya menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia, iaitu merupakan satu sektor yang penting dalam negara kita dan sepatutnya perkara ini dibuat dari awal-awal lagi supaya rakyat dapat mengatasi inflasi yang melanda negara kita, sehingga sekarang belum dapat kita kikis lagi dan masih ada tinggal bakinya. Dalam menjalankan seruan Seri Paduka Baginda ini jangan kita memikirkan banyak red tape apabila hendak mengambil pegawai-pegawai yang akan mengembangkan ilmunya itu ke luar bandar. Memang saya akui di Sabah dahagakan sangat ilmu pertanian ini dan dengan sebab itulah banyak tanah-tanah yang lapang tidak dikerjakan dengan sepenuhnya kerana incentivenya kurang diberi perhatian.

Masaalah pelabuhan, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menarik perhatian kepada Menteri yang berkenaan supaya meninjau pelabuhan Semporna. Kalau saya ceritakan tentu sekali Dewan ini tidak percaya iaitu ada pelabuhan yang dibina dengan begitu cantik tetapi tidak ada kapal berhenti untuk punggah-memunggah dan mengangkut barang-barang. Kalau di negeri orang putih dikatakan "ghost harbour" ataupun "pelabuhan berhantu", dan begitulah keadaan yang sebenarnya terjadi pelabuhan ini. Jadi saya harap dengan adanya Kerajaan beraksi ini dapat memulihkan pelabuhan ini supaya ianya menjadi benar-benar dalam erti-kata sebagai sebuah pelabuhan.

Masaalah pembangunan di Sabah terutama sekali di sebelah Pantai Timur sangat-sangat kurang kalau hendak diperhitungkan dari segi kemajuannya. Baik dari segi factory, tidak ada langsung, kalau adapun cuma boleh dikatakan back yard industry atau cottage industry. Perhubungan antara rakyat di Pantai Timur hanya dengan melalui udara sahaja tetapi lapanganterbangnya boleh digunakan, setelah 14 tahun merdeka, tidak ada bezanya, cuma boleh digunakan untuk waktu siang hari sahaja, sedangkan rakyat, oleh kerana hendak memajukan negeranya untuk berhubung ke sana ke mari, ketinggalan. Saya harap kiranya lapanganterbang Tawau ini dapat diperbaiki keadaannya dan membolehkan kegunaan sepanjang masa, kerana di lapanganterbang ini juga digunakan oleh TUDM kita, kiranya ada musuh hendak menyerang, mereka serang pada waktu malam hari kerana kelemahan lapanganterbang itu pada malam hari.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita sentiasa menyuarakan supaya negeri Sabah banyak mengimpor barang-barang dari Semenanjung dan ini telah disambut baik, tetapi sebaliknya pula apabila barang-barang buatan Malaysia ini sampai di Sabah terpaksa dicukai kalau tidak dapat menunjukkan bukti, sedang bukti yang cukup menunjukkan bahawa barang-barang itu datang dari Semenanjung kerana telah diendorse oleh Jabatan Kastam di sini. Kalau sekiranya barang-barang luar negeri yang dibeli di Semenanjung kemudian dihantar ke Sabah terpaksa pula pembeli menunjukkan kepada Kastam Sabah serta menyatakan barang-barang ini telah dibayar cukai apabila ia masuk ke Malaysia dahulu, dan pembeli dari Sabah kira, ini bukan kerjanya dan bukan

kelalaiannya dan apa yang mereka tahu, barang-barang yang dibeli di sini tidak dikenakan cukai lagi apabila sampai di Sabah. Saya harap kekeliruan atas kerja-kerja Jabatan Kastam ini hendaklah dibereskan supaya tidak menyesal sipembeli.

Perkara yang saya cakapkan ini, bukanlah kecil kerana banyak barang-barang tersadai di pelabuhan kerana tidak adanya sefahaman antara kerja-kerja Kastam di sini dengan Kastam di sana. Kalau sekiranya kita membeli barang-barang di kedai di Kuala Lumpur ini manalah ada masa pembeli dari Sabah ini hendak mengambil certificate of origin, MCT dan lain-lainnya. Saya fikir hormat-menghormati dan saling memahami kerja-kerja antara kedua Jabatan Kastam hendaklah diadakan, kalau tidak lebih baik orang-orang Sabah membeli barang-barang dari luar negeri yang memang sudah tentu kena bayar cukai apabila masuk Sabah dan kalau ini berlaku boleh menjejaskan kemerdekaan kita.

Lagi satu perkara tentang penghantaran barang-barang ke Sabah ini terpaksa pula pembeli melutut di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di Damansara untuk mendapatkan satu-satu perkara. Kita tahu kalau sekiranya pihak-pihak pengantar-pengantar barang-barang ini dua tiga hari belum dapat satu-satu keputusan tentulah akan mendatangkan frust tentang pentadbiran kita dan senang pula perkara-perkara yang tidak dingini berlaku dalam masa ini, kerana hendak mempercepatkan satu-satu permohonan itu. Jadi melalui Dewan ini saya berharap dapat Kerajaan membetulkan pentadbiran yang kurang menyenangkan terutama sekali dasar Jabatan Kastam ini.

Masaalah buah-buah tempatan adalah satu kegemaran orang ramai semenjak Kerajaan membuat kempen dahulu iaitu Makanlah Buah-buahan Tempatan. Dari semenjak kempen itu ramai rakyat kita telah ketagih hendak makan buah tempatan ini tetapi yang anih sekali, buah-buahan tempatan ini kurang benar didapati di pasar-pasar dan ini menjadi tanda tanya, kebanyakan buah-buahan yang di jual, hanya buah-buahan impot. Saya harap dalam kita membuat kempen, terutama sekali hendaklah kita merencanakan dahulu pengeluaran hasil itu atau kita kendurkan dahulu cukai impot buah-buahan luar negeri ini sehingga suatu masa yang ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan MAS boleh kita beri sekuntum Bunga Raya kerana kecekapannya membuat penerbangan dan menghubungkan rakyat Sabah dan Semenanjung. Tetapi baru-baru ini rakyat Sabah gelisah sedikit kerana tambang dalam negeri telah naik dan ini menjejaskan ekonomi mereka serta juga mereka berfikir dengan cara begini boleh mengurangkan kemesraan orang-orang kita antara Semenanjung dan Sabah. Apa yang saya dapati perhubungan MAS antara Semenanjung dengan Sabah mereka utamakan singgah di negeri orang yang tidak berapa ela jauhnya dari ibu negara kita. Ini menjadi satu pandangan yang tidak baik kerana MAS mengejar untung dalam segi perniagaan, dan tidak mengikuti aspirasi nasional kita yang sebenarnya. Sepatutnya MAS hendaklah membuat penerbangan direct Kuala Lumpur—Kota Kinabalu dan sebaliknya, kerana hendak memesrakan antara rakyat dalam negeri-negeri Malaysia. Dengan jalan yang ada sekarang ini bukan hendak mengalakkan rakyat Sabah mengunjungi negaranya terlebih dahulu dan ini boleh merenggangkan persaudaraan rakyat kita.

Kita semua hendak tahu mengapa tambang MAS dalam negeri naik, sedangkan untuk penerbangan luar negeri tidak naik. Kita ambil contoh yang dekat sekali iaitu tambang penerbangan ke Singapura tidak naik sedangkan tambang ke Penang naik, dan ini menjadi tanda tanya. Kalau sekiranya kerugian yang dialami oleh MAS oleh kerana dengan tidak dapat banyak landing rights, jadi kita ukurlah terlebih dahulu dari segi pembelian kapal-terbang dan pengambilan kakitangan, dan jangan pula dikenakan tambang untuk dalam negeri dinaikkan kerana hendak membiayai kerugian-kerugian di tempat lain. Saya harap Kumpulan Freemason tidak ada campur tangan atau menanamkan jarumnya dalam perhubungan MAS ini kerana MAS hanya satu jalan perhubungan antara negeri-negeri Malaysia di Pulau Borneo dan Semenanjung.

5.40 ptg.

**Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Di Raja Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada menyeru anggota Perkhidmatan Awam dan mengingatkan agar mereka mengenal kepada tugas dan tanggungjawabnya supaya dapat pelaksanaan dibuat dengan pesat.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, memang kita akui bahawa penyelarasan itu adalah di tangan pegawai-pegawai iaitu pegawai-pegawai yang di dalam Perkhidmatan Awam tetapi di samping itu kita mesti bersikap adil dan bertanya mengapa ada kadang-kalanya penyelarasan ini gagal atau lambat. Tidak boleh kita tumpukan segala-galanya kepada kelalaian ataupun kesalahan pegawai-pegawai di dalam Perkhidmatan Awam. Saya mengetahui bahawa di dalam kursus-kursus yang dianjurkan oleh INTAN (Institut Tadbiran Awam Negara) ada beberapa peserta-peserta menyebutkan bahawa campurtangan daripada pihak-pihak ahli Dewan Negeri atau campurtangan daripada ahli-ahli siasah menyebabkan pegawai-pegawai itu tidak dapat membuat satu-satu keputusan mengikut mana mereka patut membuat sebagai seorang Pegawai Daerah ataupun sebagai seorang Jurutera Jabatan Kerja Raya dan sebagainya.

Saya sendiri mengetahui bahawa ada campurtangan di antara anggota-anggota EXCO Negeri ataupun Ahli Undangan Negeri yang duduk menjadi ahli Jawatankuasa Tindakan Daerah, duduk dalam ahli Jawatankuasa menentukan samada tanah boleh diberi, rumah murah boleh diberi di dalam kawasan daerah. Ahli EXCO Negeri sebagaimana yang diketahui, jika di Sabah dan di Sarawak mereka ini dikenali dengan panggilan atau gelaran Menteri. Di negeri-negeri yang lain mereka ini dikenali dengan panggilan EXCO. Adakah lojik, adakah wajar di dalam pandangan kita, pendapat kita, seorang Menteri di dalam Negeri didudukkan pula menjadi ahli Jawatankuasa Tindakan Daerah di sebelah bawah dan saya berpendapat bahawa orang-orang ini, dengan campurtangan menggunakan kuasanya, kerana mereka sebagai Menteri di dalam Negeri, campurtangan di dalam pentadbiran membuat pegawai-pegawai kaku dan beberapa banyak penyelewengan telah didapati.

Saya membuat contoh di kawasan saya di mana pemberian tanah diberi kepada saudara mara, sepupu, bapa mertua daripada anggota-anggota EXCO yang menjadi ahli Jawatankuasa di daerah.

Selain daripada itu, keburukannya membenarkan ahli EXCO menjadi Jawatankuasa di Peringkat Daerah ini, adalah cara ini kelak

akan menurunkan mertabat mereka, mertabat mereka sebagai Menteri didudukkan di daerah. Saya berharap kerana sudah ada bukti-bukti penyelewengan ini, hendaklah pihak yang berkenaan jangan atau menghapuskan cara melantik ahli jawatankuasa ataupun melantik ahli-ahli EXCO menjadi ahli Jawatankuasa Peringkat Daerah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan Jabatan Pertanian. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda mengatakan bahawa sektor pertanian adalah satu sektor yang penting bagi menentukan kejayaan petani-petani. Ini memang benar juga. Pada satu masa dahulu Kementerian Pertanian, menerusi Jabatan Syarikat Kerjasamanya, telah pergi ke daerah-daerah, ke kawasan-kawasan luar bandar memanggil semua wakil-wakil daripada syarikat-syarikat kerjasama, menyampaikan kepada wakil-wakil ini bahawa Kerajaan hendak mengambil tindakan tegas menyatukan semua syarikat-syarikat kerjasama yang kecil-kecil ini supaya dapat menjadi satu badan yang besar, kerana dengan adanya ini maka cara-cara lama yang mendatangkan kerugian yang mendatangkan kesusahan kepada pemimpin syarikat-syarikat kerjasama ini dapat diatasi; dan dibuatlah lantikan-lantikan, siapa hendak jadi pengerusi, siapa hendak jadi naib Pengerusi, siapa hendak jadi pengurus besar dan sebagainya. Wakil-wakil syarikat-syarikat kerjasama yang datang itu memang mempunyai harapan besar kerana pada pendapat mereka dengan adanya percantuman ini maka dapatlah diperbaiki struktur administrasi syarikat-syarikat kerjasama. Tetapi apa sudah jadi kepada rancangan yang diheboh-hebohkan itu hingga sekarang pun saya tidak tengok bayangnya apa? Adakah bermakna bahawa kerana rancangan ini daripada pemikiran Yang Amat Berhormat Allahyarham bekas Perdana Menteri kita dahulu iaitu Tun Abdul Razak, sesudah beliau meninggal maka rancangan ini pun ditanam? Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjawab perkara ini dan menerangkan samada benar bahawa rancangan ini telah ditanam dan dilupakan.

Tuan Yang di-Pertua, soal pertanian saya lihat, saya dengar, kerana harga kopi mahal, di mana juga Menteri Pertanian pergi beliau

meminta, menyeru kepada petani-petani, "tanamlah kopi, banyakkannya kopi, harga kopi mahal." Kalau ubi mahal, di mana-mana Menteri pergi, "tanamlah ubi, banyakkannya ubi". Keladi mahal, begitu juga disuruhnya. Kopi mahal sekarang; besok, lusa barangkali murah. Apa jadi nanti? Petani-petani bila tengok seorang Menteri menyeru supaya menanam sesuatu pokok, sesuatu sayur, dinasihatkan oleh Menteri (pada orang-orang luar bandar Menteri ialah living God to Them); jadi mereka tanam banyak-banyak. Tanam ubi banyak, tanam keladi banyak, tanam betik banyak, tanam kopi banyak. Soalan yang utama yang telah ditugaskan kepada Kementerian ini, iaitu mengatasi soal pemasaran, tidak ada berjalan dengan baik. FAMA telah ditugaskan. Apa dibuat oleh FAMA? Telah berapa tahun FAMA berjalan, FAMA ditugaskan untuk mengatasi soal pasaran supaya petani-petani di luar bandar itu dapat menerima hasil titikpeluh mereka dengan harga yang sewajarnya. Tetapi FAMA tidak diberi senjata. FAMA diminta supaya menentang dan melawan orang tengah tetapi senjata tidak diberi. Orang tengah ini siap dengan senjata yang moden, tetapi FAMA diberi barangkali hanya parang buruk untuk melawan, misalnya. Contohnya iaitu wang tidak cukup diberi, Marketing—pusat pemasaran tidak ada, transport tidak ada. Orang-orang tengah ini siap di kampung-kampung; mereka mempunyai kedai-kedai. Pukul 12.00 malam pun, kalau petani-petani ketuk pintu kedai-kedai kecil itu, apa yang mereka hendak dapat. FAMA tidak ada. Pegawaiinya, nun, di pekan-pekan, hendak jumpa pun susah. Modal yang hendak diberi kepada orang yang disuruh membeli bahan-bahan keluaran kampung, tidak cukup; walhal kepada orang tengah kalau mereka itu hendak meminta tengah-tengah malam pun, wang sebagai pendahuluan, dapat diberi. Jadi, saya meminta kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan janganlah nasihatkan suruh tanam banyak itu, banyak ini. Lebihkanlah peruntukan kepada FAMA dan berilah pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan FAMA itu benar-benar orang yang tahu seluk-belok pemasaran tetapi jangan diberi pegawai muda, yang rupanya pun masih lembek lagi, yang tidak tahu apa dia problem pemasaran ini, terutama problem pemasaran hasil luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh berkenaan dengan kawalan perkembangan ekonomi yang disentuh oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya berpendapat bahawa sektor swasta, terutama daripada golongan pemodal besar itu, hendaklah benar-benar disampaikan kepada mereka dasar Kerajaan supaya mereka sedar apakah hasrat Kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru. Saya minta izin membaca sedikit kerana mengikut Peraturan Mesyuarat 35 (6) seseorang Ahli tidak boleh membaca ucapannya. Jadi di sini saya minta izin membaca sedikit.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat mana?

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Peraturan Mesyuarat 35 (6) menetapkan tak boleh membaca, tetapi saya minta izin membaca sedikit kerana ini menyentuh dasar, kalau silap nanti tak sah:

"Kerajaan telah menetapkan bahawa dalam jangka masa 20 tahun iaitu dari tahun 1971 sehingga tahun 1990, kaum Bumiputra hendaklah memiliki sekurang-kurangnya 30% dari semua kegiatan perdagangan dan perusahaan dalam semua jenis kegiatan dan peringkat perusahaan di negara ini."

Saya minta supaya apa yang saya sebutkan tadi ditulis dengan huruf besar oleh pihak yang berkenaan, umpamanya, Kementerian Kewangan dan diedarkan kepada semua kaum pemodal untuk ditaruh di depan meja, supaya apabila mereka datang bekerja waktu pagi dapat mengingatkan hasrat Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah sedar bahawa perkara yang selalu dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, iaitu saham-saham yang berjumlah berjuta-juta ringgit yang kononnya dikhaskan kepada bumiputra tidak ada sambutan, tidak dibeli oleh bumiputra kerana kekurangan kewangan. Kalau wang tak ada, dengan apa bumiputra hendak belikan saham-saham itu. Maka kerana kesedaran ini Kerajaan telah merancang hendak menubuhkan satu badan bernama Kumpulanwang Pelaburan Bumiputra. Sungguhpun rupa bentuk kumpulanwang ini belum lagi saya ketahui tetapi saya berharap

supaya badan ini benar-benar dapat menjalankan tugasnya. Pertama sekali membeli saham yang diperuntukkan kepada bumiputra. Saya mengetahui bahawa sejumlah \$200 juta telah dikhasakan untuk menjayakan rancangan ini. Saya berpendapat bahawa \$200 juta itu tak cukup. Eloklah ditambah barangkali 5 kali ganda untuk permulaannya, jangan takut kerana bumiputrahlah pihak yang selalu dipertakakan "the have-nots" 85% daripada the have-nots adalah golongan bumiputra biarlah parti pembangkang mengatakan apapun tetapi jika Kerajaan benar-benar jujur tambah \$200 juta ini kepada 5 kali ganda supaya dapat Kumpulanwang Pelaburan Bumiputra ini menjalankan tugasnya.

Kedua, saya berharap sesudah dibeli saham nanti, janganlah dibeli hanya untuk badan-badan tertentu sahaja seperti Syarikat Pemodalan Kebangsaan, Tabung Haji, syarikat-syarikat yang dipunyai oleh badan berkanun. Bila sudah sampai masanya syarikat bumiputra atau individu peniaga bumiputra mempunyai kemampuan membeli semula saham yang dibeli oleh Kumpulan ini, maka hendaklah dijual kepada bumiputra. Kumpulan Kewangan ini hendaklah mendesak supaya syarikat-syarikat public menjual saham mereka at par ataupun harga asal, ataupun harga yang mereka sudah declare kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Kalau dijual mengikut harga pasaran, maka tentu sahaja berharga \$4-\$5 satu yunit. Kita sudah tengok contoh-contoh pada satu masa dahulu. The New Straits Times membuka sahamnya; bumiputra memikirkan ini ada peluang untuk spekulasi, lalu dibeli. Sesudah dua-tiga hari habis, harganya turun. Kita tak mahu perkara ini terjadi lagi. Kalau hendak at par, jual kepada bumiputra dengan harga \$1 jangan sampai \$4-\$5, tetapi selepas seminggu dua, gugur kepada \$1.50.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan hendaklah mengawasi supaya pisang jangan berbuah dua kali di dalam menubuhkan Kumpulan Kewangan itu. Apa yang saya maksudkan ialah, saya tidak hendak melihat masalah Malay Reservation timbul sama dengan nasib Kumpulanwang itu. Contohnya begini; tanah Malay Reservation boleh dijual setakat \$5-\$6 ribu seekar, tetapi tanah yang bukan Malay Reservation milik bukan bumiputra boleh dijual \$50-\$60 ribu, yang hanya disebelah-menyebelah sahaja dengan Malay Reservation. Saya mengetahui bahawa Kumpulan Kewangan Bumiputra

ini akan mengenakan syarat bahawa saham-saham yang dibeli menerusi mereka tidak boleh dijual, hanya boleh dijual kepada bumiputra juga. Itu bagus untuk mengawal supaya saham ini nanti jangan di Ali-Babakan, iaitu dijual kepada kaum bukan bumiputra. Tidak ada makna bumiputra dikhasakan untuk mencapai matlamat 30% tetapi sesudah dua minggu dijual, sebagaimana cara-cara orang membuat spekulasi di dalam saham-saham yang kita tahu. Tuan Yang di-Pertua, kawalan yang itu patutlah ditentukan masanya; umpamanya 3, 4 atau 5 tahun maka boleh dibebaskan, boleh dijual. Kalau misalnya sentiasa dikawal, saya percaya problem "the second Malay Reservation" akan timbul.

Berkenaan dengan perumahan, saya memang suka melihat sekarang ini ada pihak swasta memberi kerjasama kepada pihak Kerajaan mendirikan rancangan perumahan dengan hebat dan pesat dan joint venture dengan badan berkanun seperti UDA dan sebagainya. Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada mereka. Tetapi apa yang dimaksudkan oleh Seri Paduka Baginda di dalam Titah ucapannya adalah menyentuh pihak yang berkenaan supaya dapat membuat rumah untuk golongan berpendapatan rendah. Jikalau pihak swasta, bersendirian ataupun joint venture dengan UDA, membuat rumah mengikut ukuran mereka berharga \$70,000 itu "low cost", tidaklah menasabah. Lihatlah sahaja di Taman Tun Dr Ismail, SEA Park, Damansara Utama, lihat sahajalah di mana-mana, sungguhpun UDA ada mempunyai equity share yang lebih di situ, tetapi rumah itu semurah-murahnya masih lagi berharga \$70,000 yang bererti "low cost" kepada mereka. Ini kerana apabila kaum pemodal ini membeli sebuah ladang getah (estate) dengan harga, barangkali, hanya \$5,000; \$6,000 satu ekar; dimintanya UDA joint venture kerana dengan adanya kuasa UDA, tanah ini dapat conversion daripada pertanian kepada housing dengan senang, kurang red tape, kurang formalitynya kerana Pengerusi UDA orang kuat; daripada Datuk sudah jadi Tan Sri, kuat orangnya. Begitu juga Timbalan Pengerusi, orang kuat, maka dapatlah conversion. Tetapi kaum pemodal ini, sesudah dapat sahaja conversion; kalau dahulu harga tanah itu \$5,000 satu ekar masa tarafnya sebagai taraf pertanian, sesudah conversion sahaja mereka menaikkan satu kaki persegi \$2. UDA

kalau hendak masuk, boleh masuk. Kira sahajalah. Dia kira hartanya sebagai modal. Daripada harga \$5,000 satu ekar sudah di-kira \$2 satu kaki persegi, sekian katanya; \$50 juta modalnya. UDA hendak masuk, masuklah. Kalau hendak 60% setakat modal, perkiraan 60% daripada \$50 juta. Beginilah caranya, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu juga harga pembangunannya, level-lingnya, bull-dozingnya, membuat jalan, membuat parit semuanya naik. Dipanggil pemborong, pemborong itu pemborong dia juga, untuk menebas, menebang; semua orang dia, harganya sudah jack up. Bagus hasrat UDA, kerana apa? Kalau dia tidak joint venture nanti Bumiputra tidak dapat tempat 30% daripada rancangan perumahan itu, yang kononnya dikhaskan untuk Bumiputra, tidak akan diberi oleh kaum pemodal ini kononnya. Tetapi dengan harga yang sudah jack up itu, elok-elok rumah itu kalau sudah siap harganya \$25,000 jadi \$70,000. Siapa yang kena bayar? Kita pembeli-pembeli yang kena membayar. Bukan kaum pemodal ini, bukan UDA. Kita yang kena. Jadi berapa orang Melayu, Bumiputra, berapa orang yang the have-nots daripada kaum China dan India, yang sanggup membeli rumah murah berharga \$70,000? Balik-balik orang kaya juga yang duduk di tempat yang saya katakan tadi. Kerajaan mesti hendak mengawasi, beritahu kepada UDA kalau hendak joint venture, kaji sedikit latar belakang orang itu. Jangan UDA dijadikan perkakas untuk mendapat keistimewaan. Saya juga tidak hendak melihat nanti hanya yang mempunyai kemampuan duduk dan membeli rumah-rumah itu daripada satu kaum sahaja, rancangan-rancangan perumahan yang indah ini makhluknya daripada satu kaum sahaja. Ini bertentangan dengan dasar Kerajaan iaitu to restructure society, orang Melayu di Gunung Tahan juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh berkenaan dengan keselamatan negara. Memang kena pada tempatnya apabila Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda mengucapkan tahniah kepada Pasukan Keselamatan yang telah menjalankan tugas mereka dengan begitu cemerlang mempertahankan negara daripada musuh-musuh tertentu kita iaitu kominis. Kalau tidak dengan pengorbanan mereka ini, barangkali kita tidak duduk dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi kita patut ingat, kita tidak boleh menyerah bulat-bulat sahaja tugas

mempertahankan negara ini kepada anggota tentera kita atau anggota Polis Di Raja kita. Kita sendiri sebagai warganegara Malaysia, hendaklah juga memberi sumbangan supaya dapat mereka ini mempertahankan dengan erti kata yang sebenar negara kita. Sumbangan yang patut kita beri adalah lapuran-laporan kalau, kita mengetahui, supaya dapat pihak yang berkuasa menangkap, mengambil tindakan ke atas orang-orang yang hendak menjahanamkan masyarakat kita, hendak menjahanamkan ugama kita, hendak menjahanamkan pegangan kita.

Saya sebagai seorang warganegara barangkali telah memberi sumbangan saya. Perkara yang saya fikir boleh menjahanamkan negara kita, selain daripada kominis, adalah pergerakan yang telah saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini, iaitu Freemasons. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri telah menjawab bahawa Freemasons ini adalah satu pergerakan tidak bertentangan dengan ajaran ugama, tidak bertentangan dengan ajaran Rukunegara, tidak mengancam keselamatan negara kita, tetapi bila saya soal beliau mengatakan bahawa siasatan akan diambil untuk menentukan apakah sebenarnya Freemasons. Tahniah kepada beliau.

Tuan Yang di-Pertua, argument yang dikemukakan ialah Freemasons ini adalah satu badan kebajikan dan sumpah-sumpahnya, diakui oleh Menteri sendiri, dibuat oleh ahli-ahlinya dengan cara rahsia. Apa yang menghairankan kita penafian ini saya berpendapat tidak dapat diterima kerana apabila perkara kominis saya bawa ke dalam Dewan yang mulia ini, begitu juga jawapan yang didapati bahawa tidak ada kebocoran, tidak ada kader-kader kominis dalam jabatan itu dan jabatan ini, semua orang yang bekerja di dalam jabatan itu dan jabatan ini sudah ditapis 100%. Tiada bukti ada kegiatan-kegiatan kominis. Begitu juga sekarang; Freemasons, tiada bukti. Kalau orang hendak mencuri rumah kita, takkan dia kata, "aku hendak mencuri, aku hendak mencuri". Ini perkara yang saya kata bodoh kalau dia buat. Dia memang buat kerja ini dengan cara senyap. Itu fasal rahsia semuanya. Di tempat-tempat "rumah hantunya" pun tiada bertanda apa-apa. Jangan hendak dibandingkan dengan Freemasons di Amerika, konon. Ada seorang ahli Freemasons, yang memang mengakui dirinya Freemasons, di dalam bertikam lidah dengan saya mengatakan: Oh! Freemasons

yang dimaksudkan oleh awak itu ialah Freemasons di Amerika. Kalau Freemasons di Amerika, apa yang saya katakan iaitu hendak menjahanamkan negara, apa bezanya Freemasons di Amerika dengan Freemasons di Malaysia? Di Malaysia ini, barangkali masanya belum sampai lagi untuk dia betul-betul mengganggang kita, dia bersembunyi-sembunyi. Saya hendak menekankan, saya bukan hendak mengatakan bahawa siapa juga rakyat Malaysia, siapa juga orang Melayu, siapa juga orang yang beragama Islam menjadi ahli Freemasons itu orang yang kita anggap musuh—tidak. Orang ini tidak berdosa. Orang ini tidak tahu sebenarnya bahawa Freemasons ini adalah satu pergerakan yang hendak menjahanamkan kita, atau adalah satu pergerakan yang dianjurkan oleh Yahudi; dia tidak tahu. Dia tidak tahu, bahawa dia dianggap oleh Freemasons iaitu the Grand Wizard sebagai "quam" yang dalam bahasa Yahudi bermakna kerbau (buffalo). Saya mengetahui kerana saya pun ada intelligence saya, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam rumah hantu dekat Kuala Lumpur ini letaknya tidak jauh daripada Bangunan Sulaiman, ada di sana satu rangka manusia (skeleton) tengkorak manusia. Tengkorak manusia ini entah dibuat daripada plastik ataupun sebagainya saya tidak tahulah, kerana saya lihat dari jauh menyamakan diri seperti tukang kebun dan sebagainya untuk melihat dan mencungkil rahsia-rahsia ini. Tetapi kalaulah benar-benar Kementerian yang berkenaan hendak mengetahui apalah salahnya suruh anggota polis masuk untuk menengok.

Freemason ini, Tuan Yang di-Pertua, mengatakan bahawa mereka tidak ada menentang agama, berbuat baik dan sebagainya. Mengapa maka memang diatur supaya mesyuarat-mesyuarat mereka diadakan pada lebih kurang 6.30 petang sehingga sampai pukul 2.00 pagi. Apa jadi kepada orang-orang Islam yang menjadi anggota Freemason itu pergi bermesyuarat di situ. Pukul 6.30 petang sembahyang magrib; tidak dapatlah bermagrib hingga sampai pukul 2.00 pagi. Ini terjadi, memang dibuat begitu. Dan saya ada bertanya kepada seorang yang terpengaruh, memang benar dikatakan dalam Dewan yang mulia ini semua ahli-ahli itu orang yang berpengaruh—memang saya akui. Boleh saya mengatakan terdiri dari Tan Sri-Tan Sri, Datuk orang yang menjadi Ketua Jabatan, orang yang menjadi Jeneral dan orang-orang yang menjadi pengarah-pengaruh,

pemimpin-pemimpin swasta, semuanya di situ. Saya hendak pecahkan rahsianya di sini, Tuan Yang di-Pertua. Freemason ini sebenarnya dia mencari siapa satu orang di antara kita yang pada congkak-congak mereka pada satu hari boleh menjadi pemimpin. Katalah saya, pada satu masa ketika kelak, saya mengikut congkak Freemason saya akan menjadi Perdana Menteri; datanglah jemputan, "Raja Nasron dijemput menjadi ahli Freemason." Saya berbesar hati, kerana Freemason ini exclusive club jika dibandingkan dengan Lake Club atau Royal Selangor Golf Club, is nothing, ini bukan international club. Saya ini, maklumlah orang kecil, suka hati sangatlah sudah sampai taraf saya international dan saya pergilah. Setelah pergi di situ dia mengatakan "kami sudah panggil awak kerana kami memikirkan awak memang sudah layak menjadi ahli dan setaraf dengan kami", kemudian ada minum sedikit begitu dan begini. Saya pun suka mengaku.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Detail sangat.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Saya cuma bercakap pendek, kalau hendak detail, tiga hari tiga malam. (*Ketawa*). Jadi saya pun mengaku untuk masuk dan diadakan sumpah-sumpah, sumpah ini adalah sumpah rahsia Ahli-ahli Freemason ini, Hakim ada, daripada Public Service Commission ada, Jeneral ada dan sebagainya. Kalau saya sekarang ini sebagai Kolonel dalam Army, dijemput masuk, dalam 6 bulan atau setahun, saya akan jadi Jeneral. Memanglah boleh kerana Ahli Jawatankuasa yang menaikkan pangkat itu orang dia, dan dapatlah jawatan Jeneral dan saya pun terhutang budi. Apa yang dikatakan oleh . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ini misal sahaja.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Misal. Saya pun kata tadi misal. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kominis hendak menakluki negara kita ini secara direct, iaitu dia gulingkan Kerajaan kita, dialah nanti menjadi Kerajaan, dialah nanti menjadi Perdana Menteri, Menteri Pertahanan dan dialah nanti menjadi Menteri itu dan ini. Akan tetapi Freemasons ini hendak menaluki negara kita, dan negara-negara yang lain, dengan cara indirect; iaitu jiwa raga pemimpin-pemimpin ini ditaklukannya dan menerusi merekalah negara kita

ditakluknya. Sekali lagi saya mengatakan kepada rakan-rakan saya yang telah ditipu oleh pergerakan Freemasons ini sedarlah dan kepada Kementerian, janganlah di ringan-ringan tuduhan saya ini. Kalaulah tuduhan saya, pada satu masa dahulu, berkenaan dengan kader-kader kominis, digelak ketawakan dan diperkecil-kecilkan, tetapi dengan takdir Allah sesudah 3-4 bulan dibuktikan bahawa tuduhan saya itu benar. Jadi begini juga sekali lagi; kalau hari ini saya berdiri mengatakan, dengan beberapa perkataan berkenaan dengan merbahayanya Freemason ini, insya Allah, Tuan Yang di-Pertua, di dalam 6-7 bulan akan dapat kita membuktikan bahawa Freemason ini lebih merbahaya lagi daripada kominis.

Jadi dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memintalah kepada pihak yang berkenaan agar dapat menyiasat sedalam-dalamnya supaya Freemasons ini diharamkan. Sudah disebutkan oleh beberapa orang pemimpin kita termasuk Ketua Menteri Sarawak, termasuk bekas Ketua Menteri Sabah, begitu juga telah disebutkan oleh Ketua Jabatan JUIS Negeri Selangor, serta Menteri Besar Selangor bahawa Freemasons ini memang satu pertubuhan yang merbahaya-merbahaya kepada negara dan agama. Kalau orang yang besar-besar ini berani dengan terang-terang (bukan kata di dalam Dewan ini, di sini di mana dia ada immunity) tetapi di dalam public, di dalam suratkhbar dengan terang-terang mengatakan begitu; kalaulah Kementerian yang berkenaan masih juga mengatakan bahawa Freemasons adalah pergerakan welfare, kita ini welfarehah besok; jadi peminta sedekah, Jabatan Kebajikan memberi kita makan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh satu perkara berkenaan dengan pentingnya kita dapat memelihara bangunan-bangunan lama di negara kita ini. Sungguhpun pembangunan mesti kita buat bentuk-bentuk baru dan ada kalanya di dalam kita hendak membuat bangunan bentuk-bentuk baru ini kita terpaksa meruntuhkan pula bangunan-bangunan yang mempunyai sejarah, bangunan-bangunan yang bentuknya hanya didapati di negara kita ini. Baru-baru ini saya terbaca di dalam akhbar satu tindakan akan diambil oleh pihak-pihak yang tertentu untuk merobohkan Hotel Majestic kerana kawasan itu hendak dibuat bangunan yang lain, bangunan yang moden. Saya berharap pihak-pihak yang

berkenaan, Kementerian yang berkenaan dapat melarang supaya historical buildings, bangunan-bangunan bersejarah di negara kita ini janganlah dirobuhkan. Membuat bangunan baru senang, tetapi untuk kita melihat bangunan-bangunan yang lama itu, bukan dalam keturunan kita, tetapi dalam keturunan 100 tahun atau 200 tahun lagi, di mana kita hendak cari kalau sekarang ini kita robuhkan. Jadi hendaklah diperhatikan supaya jangan kita rugi di hari kebelakangan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah saya bersama-sama dengan rakan-rakan saya menjunjung kasih dan setinggi-tinggi tahniah dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda.

6.18 ptg.

**Tuan Oo Gin Sun (Alor Setar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian berkaitan dengan Titah Di-Raja yang telah pun diperkenakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di pembukaan Persidangan Parlimen. Adalah mendukacitakan mendengar dalam Titah Di-Raja bahawa Kerajaan akan melaksanakan dasar-dasar dengan galaknya untuk meninggikan taraf hidup rakyat khususnya bagi mereka di lapisan bawahan masyarakat.

Sebagaimana yang kita di dalam Dewan ini sedia maklum bahawa pelancaran Rancangan Malaysia Ketiga baru-baru ini ialah untuk membasmi kemiskinan tiada peduli atau hiraukan bangsa atau kaum dan membentuk semula susunan masyarakat supaya pengenalan sesuatu kaum melalui pegangan atau fungsi ekonominya diperkerapkan. Juga tujuan Rancangan Malaysia Ketiga ialah bagi mengalakkan perkembangan ekonomi negara kita dan bersampingan ini pula pihak swasta samada dari dalam dan luar negeri, diharap memberi sumbangan untuk menolong Kerajaan membina ekonomi negeri ini. Kita semua tahu bahawa oleh sebab Kerajaan kita telah menggubalkan undang-undang baru-baru ini, misalnya, Akta Petroleum, kadar perkembangan ekonomi negara kita tidak memenuhi harapan kita, maka oleh yang demikian, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk meminda undang-undang ini dengan tujuan mempelawakan pelabur-pelabur asing, khususnya perusahaan minyak petrol, melaburkan

wang di negara kita, akan tetapi pelabur tempatan masih enggan mengambil bahagian, samada betul ataupun tiada betul, mereka merasai Kerajaan tiada pun mengambil sesuatu langkah untuk meminda Akta Penyelarasan Perindustrian (Industrial Coordination Act), walaupun Kerajaan telah menyatakan yang pihaknya telah melantik suatu Jawatankuasa Kabinet untuk menyemak perkara ini supaya dipinda peruntukan-peruntukan di bawah Akta tersebut yang pihak pelabur tempatan mendapati tiada sesuai. Saya harap Kerajaan kita akan mengambil langkah segera untuk memperbaikinya dan dengan itu melegakan perasaan kebimbangan pelabur-pelabur tempatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga membuat beberapa teguran atau komentar berkenaan dengan beberapa perkara seperti ASEAN. Kita semua tahu bahawa hasrat penubuhan ASEAN ialah untuk membina dasar ekonomi yang kukuh bagi golongan serantau sama seperti kaum Ekonomi Eropah (E.E.C.) sebagai dikata.

Hasrat negara ASEAN ialah untuk memberi ASEAN kepercayaan kepada diri sendiri dan bercakap dengan sepakat dan suatu suara di dalam pasaran dunia yang tidak dapat ditekan supaya harga bahan-bahan mentah dari negara-negara ASEAN tiada naik turun ikut sukahati negara-negara yang telah maju itu dan selain dari itu, kemajuan ekonomi boleh jadi suatu kunci untuk membuntukan timbulnya masalah-masalah yang besar menyusuli subversif atau pengkhianatan dan pemberontakan dalam negara kita. Kita semua tahu bahawa rakan perdagangan yang terbesar dalam negara-negara ASEAN ialah Jepun dan kedudukan baki pembayaran, samada dari Malaysia atau lain-lain negara ASEAN sentiasa baik bagi negeri Jepun, Perdagangan, sebagaimana yang kita semua tahu, ialah "Proses Dua Hala" dan ia tidak boleh cuma "Satu Hala". Saya berharap Kerajaan kita akan bekerja rapat dengan lain-lain negara ASEAN untuk menggalakkan kekukuhan serantau dan menjadikan ASEAN suatu badan serantau yang boleh hidup subur dan Jepun menarik balik quota impot ke atas negara-negara ASEAN dan sekiranya Jepun berdegil melaksanakan "Perdagangan Jalan Sehalu", Kerajaan kita patut bekerjasama dengan lain-lain negara ASEAN untuk menubuhkan suatu Katel Bahan (resources cartel) menghadapi atau menentang Jepun.

Yang kedua, berkenaan dengan MAS. Saya melihat dengan perasaan kehampaan dan terkejut mengenai peranan perkhidmatan penerbangan negara kita, MAS. Kita semua tahu akan riwayat yang pada masa itu M.S.A. atau Perkhidmatan Penerbangan Malaysia/Singapura. Perpisahan perkhidmatan penerbangan bersama ini ialah disebabkan oleh berlainannya tujuan-tujuan. Kita berhasrat menubuhkan perkhidmatan penerbangan kita sendiri untuk memajukan rangkaian tempatan sebagai suatu perusahaan dalam lapangan pembinaan negara (nation building) kita. Saya ingin menekankan bahawa rakyat kita tidak akan merasai keciwa tentang kunci kira-kira jika MAS betul-betul melaksanakan cita-citanya untuk menubuhkan rangkaian tempatannya, tetapi sebaliknya, kita tiada melihat apa-apa kebaikan kepada rangkaian tempatannya. Dalam negeri saya, iaitu Negeri Kedah, kami masih lagi mempunyai lapangan terbang itu juga dan MAS masih menggunakan kapalterbang jenis Fokker Friendship. Penumpang-penumpang dari Pantai Timur, misalnya, Kuala Trengganu dan penumpang-penumpang dari Alor Setar atau Ipoh ke Kuala Lumpur masih lagi bersungut tentang kelewatan dan tiada mendapat tempat duduk setelah ditetapkan adanya. Bagi memburukkan perkara ini lagi, betapakah terkejutnya mendengar bahawa kunci kira-kira perkhidmatan penerbangan negara kita MAS bagi tahun 1976, menunjukkan pendapatan bersih sebanyak \$29,546 net profit, padahal perkhidmatan penerbangan jiran kita menunjukkan keuntungan bersih sebanyak \$46 juta.

Saya berharap Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk memperbaiki kedudukan pertubuhan ini pada keseluruhannya supaya dapat diketahui rakyat bahawa wang yang dibelanjakan itu ialah dengan cara yang betul di samping itu membuktikan MAS bermakna Malaysian Airlines System dan bukan "Mesti Ada Silap" atau "Mana Ada Sistem" yang kita seringkali melihat dalam suratkhobar.

Yang ketiga, cukai pendapatan. Akhirnya, saya ingin menyatakan bahawa menurut aliran pemikiran rakyat kita, potongan sebanyak \$60 itu tiada mencukupi memandangkan kepada kenaikan harga barang-barang pada masa ini. Oleh sebab Kerajaan telah mengambil langkah untuk menambahkan gaji Pegawai-pegawai Kerajaan dalam setengah daripada setengah bahagian dengan cara menyerapkan Elaun Bantuan Khas ke dalam

gaji, saya berharap Kerajaan akan mengambil langkah untuk menambahkan pelepasan perseorangan yang boleh diberi kepada seorang pembayar cukai pendapatan daripada \$2,000 kepada \$4,000 dan pelepasan untuk isterinya daripada \$1,000 kepada \$3,000 dan pelepasan bagi anak yang pertama ditambah menjadi \$1,000 dan pelepasan-pelepasan bagi anak-anak kedua hingga kelima sebanyak \$750 pada tiap-tiap seorang.

6.29 *ptg.*

**Tuan Sanusi bin Junid (Jerai):** Tuan Yang di-Pertua, assalamualaikum-warahmatullah-wabarakathuh, dan kepada yang bukan Islam, saya ucapkan selamat bersidang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengucapkan tahniah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan yang singkat dan bernas, saya mengambil kesempatan untuk ikut ber-bahas pada hari ini.

Pada tahun 1976 saya tidak bercakap di dalam Dewan ini kerana sibuk berfikir. Pada tahun ini setelah lama berfikir maka ada beberapa perkara yang saya rasa perlu mendapat perhatian kawan-kawan yang ada.

Nampaknya dari tahun 1971 sampai hari ini kita telah melalui beberapa pasir-pasir ataupun peringkat-peringkat daripada penyelesaian ataupun menghadapi issue-issue. Dulu kita sering berbicara soal ekonomi, malah untuk satu dua tahun kita bicara soal ekonomi sehingga seolah-olah tidak ada persoalan lain di dunia ini yang lebih berat daripada masalah ekonomi, begitu media Kerajaan menggalakkan bumiputra untuk berniaga sehingga puluhan ribu bumiputra yang menjadi pegawai juga ikut untuk sama-sama berniaga dan menentang apa yang ada di dalam General Order. Selesai issue ekonomi pada 1972 hingga 1973, kita dengar masalah inflasi dan pada waktu itu kita dengar semua orang buka kedai runcit untuk menyelesaikan masalah inflasi. PERNAS buka kedai runcit, Perbadanan-perbadanan buka kedai runcit, semuanya untuk menyelesaikan masalah inflasi. Selesai masalah inflasi, timbul masalah rasuah. Begitu berat masalah rasuah hingga terlupa soal ekonomi dan hingga terlupa langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah inflasi yang masih belum selesai. Sehingga dalam menghadapi masalah rasuah, kita lihat pemimpin-pemimpin negara di perusuk ke dalam penjara. Setelah bebe-

rapa waktu tenggelam masalah rasuah, lahir masalah kominis, menjadi kecil soal rasuah, sampai kita dengar dosa rasuah sudah dapat diampun oleh masyarakat. Sehingga kita lihat ada anggota masyarakat yang mental mereka sudah begitu menurut sehingga sanggup berjuang untuk diampun seseorang yang sudah jelas dihakamkan sebagai rasuah. Ini merupakan problem dari segi pembangunan mental di dalam negara. Apabila lahir problem kominis, begitu sibuk kita dengar soal kominis seolah-olah sudah selesai soal ekonomi, sudah selesai soal inflasi, sudah lupa soal rasuah. Kita sibuk dengan kominis sehingga Menteri-menteri kita masuk ke dalam penjara kerana terlibat dengan kominis. Dan di belakang issue-issue besar ini, kita dengar issue dadah yang tidak punya kesempatan untuk dapat priority nombor satu.

Kita lihat banyak orang-orang ternama terlibat mengedar dadah. Dalam keadaan dadah menjadikan persoalan, lahir pula soal Ibrahim Ali, sehingga terkutuk nama hamba Allah itu disebut-sebut orang sedangkan beliau sebenarnya bukan begitu buruk orangnya.

Sekarang saya lihat tendency baru dari Ibrahim Ali sementara ada jengukan daripada issue-issue dadah, timbul pula issue Freemason. Semuanya ini, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hanya menggambarkan satu persoalan dan bukan banyak persoalan. Semuanya ini adalah persoalan rezeki.

Soal ekonomi juga merupakan soal rezeki. Soal inflasi juga merupakan soal rezeki. Soal rasuah juga merupakan soal rezeki. Soal kominis juga merupakan soal rezeki. Soal dadah juga merupakan soal rezeki. Soal Ibrahim Ali juga merupakan soal rezeki, dan soal Freemason juga adalah soal ingin menguasai dunia dan membahagi-bahagikan rezeki di antara yang sophisticated. Semua ini bererti kita menyelesaikan satu problem iaitu problem rezeki.

Terkenang saya zaman Imam Suffian apabila ada orang jahat yang kerjanya gali kubur orang Islam yang mati. Malam ini orang Islam ditanam, esok pagi beliau gali kubur. Setelah selesai 100 buah kubur umat Islam digalinya, dia lihat dari 100 umat Islam yang kuburnya digali; 98 daripadanya didapati menghadap ke matahari naik dan tidak menghadap ke Qiblat sebagaimana yang diaturkan waktu dimasukkan ke dalam kubur. Tanya si

jahat kepada Imam Suffian: "Ya Imam, kenapa umat Islam 98% mengadap ke matahari naik dan tidak mengadap ke Qiblat?" Jawab Imam Suffian: Ini ialah disebabkan 98% daripada umat Islam tidak mengharapkan rezeki dari Allah s.w.t." Maka lantaran memburu rezeki tidak dapat menyelesaikan dan menekan kehendak nafsu timbul inflasi, timbul rasuah, dan putus asa kerana tidak yakin kepada tenaga-tenaga yang diberi oleh Allah.

Berbalik kepada kominis meniadakan Tuhan sanggup mengurbankan anak-anak muda untuk mencari kekayaan dan kita dengar kekecohan begitu menghentam di sana sini mengenai issue Ibrahim Ali dan kita lihat bagaimana orang-orang yang sanggup mengangkat sumpah yang bertentang dengan iktikad semata-mata untuk mencari rezeki. Maka saya berseru di sini semoga semua orang-orang yang sudah punya kesempatan hatinya dibuka oleh Allah kembali kepada keyakinan bahawa rezeki itu sebenarnya di tangan Allah dan segala kekecewaan itu tidak akan timbul kalau sekiranya kita betul-betul yakin bahawa kita punya cukup tenaga untuk memperbaiki diri kita sendiri.

Ada satu buku, Tuan Yang di-Pertua, baru diterjemahkan daripada buku "Think and Grow Rich" karangan Napoleon Hill diterjemahkan ke Bahasa Malaysia bernama "Fatwa Jadi Kaya". Dalam buku ini dikatakan waktu Nabi besar Muhammad s.a.w. mahu meminang Siti Khatijah dan oleh kerana Siti Khatijah itu begitu kaya, maka bapa Siti Khatijah protes terhadap peminaan Nabi besar Muhammad s.a.w. Lantas buku itu berkata bahawa Nabi Muhammad telah memberi arak kepada bapa Siti Khatijah supaya waktu di akad nikah, bapa Siti Khatijah dalam keadaan mabuk dan bersetuju Nabi itu menjadi menantunya.

Saya mencadangkan buku "Fatwa Jadi Kaya" karangan Napoleon Hill yang diterjemahkan daripada Buku "Think and Grow Rich" ini diharamkan dari esok pagi.

Tuan Yang di-Pertua, sementara Lapuran Kabinet yang menyelesaikan masalah orang makan gaji, saya rasa sedih apabila menyelesaikan masalah petani. Untuk menyelesaikan masalah petani, saya cadangkan kita menaikkan harga padi. Kita basmi cukai ke atas mesin bajak dua roda, kerana mesin bajak yang empat roda di Malaysia tidak kena cukai sedangkan petani-petani yang miskin

tidak mampu membeli mesin pembajak empat roda. Mereka sanggup membeli yang dua roda tetapi yang dua roda dicukai oleh Kerajaan manakala yang empat roda tidak dicukai. Saya cadangkan supaya cukai atas mesin bajak dua roda itu dihapuskan, semoga harga mesin bajak di negara ini akan turun dari dua hingga 30%.

Di satu waktu dulu, saya telah menyatakan bahawa kita perlu mengadakan revolving fund \$40 juta untuk menyelesaikan masalah rural indebtedness di kalangan petani-petani. Lantaran inflasi saya sekarang mencadangkan ada satu revolving fund \$50 juta, iaitu \$10 juta dari seranan dua tahun dulu untuk menyelesaikan masalah penekanan orang tengah yang menjadi lintah darat yang mengenakan bunga atas pinjaman sampai 60% hingga 70% satu tahun. Saya juga mendapati bahawa petani-petani sekarang menghadapi masalah. Masalah padi rosak, masalah kemarau. Ada petani yang tidak pernah sembahyang sekarang sudah belajar sembahyang minta hujan, kerana sudah begitu terdesak maka oleh itu saya sarankan Kerajaan mengadakan insuran pertanian supaya kita dapat membela mereka yang padinya sudah rosak.

Menyentuh soal Dasar Ekonomi Baru, saya rasa sungguh gelisah. Sudah 574 tahun sejak Parameswara mendarat di Kota Melaka dan sudah 19 dan sekarang 20 tahun Malaysia merdeka, peratus harta bumiputra dalam ekonomi swasta di negara ini baru mencapai 7.3%. Apabila kita bertanya soal ini kepada Menteri sewaktu soal jawab, kita tidak perlu menerima jawapan yang logik. Sebab itu saya bertanya, bagaimanakah perasaan beliau. Tidakkah beliau rasa susah kerana saya rasa bahawa beliau tentu susah dan rasa gelisah untuk menjawab soalan yang sungguh susah untuk dipuaskan hati orang.

Kita mengharap petani tidak boleh untuk mengumpul modal bagi bumiputra. Apakah kita mahu mengharap pegawai yang baharu keluar dari universiti. Kalau pegawai yang baharu keluar dari universiti yang gajinya \$850—lihat, Tuan Yang di-Pertua, sewa rumah kalau berkongsi \$200 sebulan, instalment kereta \$250, makan \$100 sebulan, bayar instalment TV \$25, instalment peti sejuk \$25, petrol \$150, hantar kepada emak, road tax dan segala-galanya ini, tinggal nol. Dan tidak akan ada accumulation of capital pada bumiputra sampai kiamat, kecuali kita terus adakan institution dapat pinjaman Kerajaan

beri badan-badan itu berniaga, namanya menjadi kaya by proxy dan kita tidak akan rasa secara direct keuntungan daripada investment kita ataupun pelaburan sendiri. Saya cadangkan supaya ekonomi negara didasarkan kepada ekonomi consumer kerana bumiputra di negara ini lebih daripada 50% dan kesemuanya consumers. Saya percaya kalau dihidupkan balik jiwa koperasi di negara ini, maka dengan sendirinya semua perbelanjaan-perbelanjaan ini dapat disatukan dengan lahirnya semangat bekerjasama dan keuntungan daripada itu dapat dijadikan modal untuk bumiputra-bumiputra memiliki harta swasta di dalam negara ini.

Satu daripada perkara yang saya dengar tadi mengenai pembangunan rumah. Mana boleh bumiputra beli rumah bukan kerana harga mahal. Kalau harga kurang daripada \$70,000 pun sampai bilapun tidak boleh beli. Fasal apa, tidak ada down payment, Tuan Yang di-Pertua. Di Pahang saya dengar SCDC mempunyai masalah ada rumah bumiputra tidak ada down payment, di Kuala Lumpur ada rumah tidak ada down payment—bayaran pendahuluan. Di mana-mana di negeri ini peruntukan untuk bumiputra tidak dapat diambil kerana tidak ada down payment. Saya cadangkan ditubuhkan satu syarikat "Down Payment Sdn. Bhd." untuk menerima second mortgage ke atas semua rumah-rumah supaya pegawai-pegawai kita tadi yang sewa \$200, kita kata kepadanya tak perlu bayar sewa, terus masuk ke rumah dan bayar satu bulan \$400, insya Allah dalam masa 20 tahun rumah itu hak awak. Tidak ada perbezaan antara sewa dengan sewa itu dijadikan instalment. Yang menjadi masalah ialah down payment jadi selesai masalah rumah dalam masa 5 minit.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya begitu minat ialah soal dakwah. Saya lihat sekarang ini ada perkembangan baharu di mana pertubuhan-pertubuhan PERKIM, USIA, BINA dan sudah ada pertemuan antara Kerajaan dengan pihak ABIM untuk menjalankan dakwah bersama-sama. Mungkin Tuhan sudah buka hati semua kita untuk bekerjasama untuk menegakkan kalimat Illahi. Walau bagaimanapun, saya lihat ada satu problem baharu, problem kerana tidak senang melihat orang-orang pakai baju hijau, baju putih, pakai sereban dan sebagainya. Ini saya fikir perlu direntikan. Mengecam orang pakai baju hijau, baju putih dan pakai sereban apa ertinya itu? Apakah tidak ada

masaalah yang lebih besar daripada mengecam ini. Apakah kalau orang pakai sereban, simpan janggut, pakai baju putih, pakai baju hijau sudah buang dunia? Apakah Penolong Setiausaha di Parlimen ini sudah buang dunia? Beliau tidak buang dunia walaupun beliau bersereban dan mempunyai janggut. Saya tahu orang bersereban, orang mempunyai janggut, orang pakai baju hijau, pakai baju putih menjadi pensyarah di Universiti, menjadi engineer dan menjadi berbagai-bagai macam gaya kerja untuk mencari rezeki di bumi Allah menjalankan kerja-kerja dunia untuk mencari kerezaan Allah. Ini bukan buang dunia! Fitnah begini boleh memecah-belahkan masyarakat Islam di negara ini kerana kita sudah cukup bertelingkah. Soal rasuah kita pelusok Menteri dalam penjara, soal kominis Menteri masuk dalam penjara, soal Freemason nanti ada lagi mungkin masuk dalam penjara. Nah, nanti kita pecah lagi pimpinan dengan kita kutuk satu sama lain, dosanya—dosa pakai baju putih, pakai baju hijau. Apakah ini dosa namanya? Di mana ada Quran, di mana ada Hadith mendosakan orang-orang pakai putih, pakai hijau pakai sereban, pakai janggut, semua ini? Saya fikir sebagai pimpinan badan dakwah. Tuan Yang di-Pertua sendiri akan memainkan peranan untuk menghapuskan pertelingkahan ini kerana kita ada problem yang lebih besar. Di Vietnam Selatan padri-padri bunuh diri, bakar diri hanya menguntungkan kominis dan kita tidak boleh melihat di sini ulama-ulama menyakitkan sesama sendiri untuk nanti dikuasai oleh kominis.

Satu perkara yang anih yang saya dengar dalam suratkhbar ialah membawa tarian Melayu ke nightclub. Ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu penyelewengan mental yang susah difahami. Orang menari kebudayaan setengahnya tidak pernah masuk ke nightclub, jangan-jangan nanti Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mahu membawa anak-anak menari kebudayaan yang patut direnti ataupun dikurangkan sedikit daripada pergi menari di nightclub. Kerana yang menari di nightclub itu kerjanya melihat, nah ada calon baharu untuk diusik kerana bukan tempat itu dipamirkan anak-anak secara innocent memamirkan ataupun meningkatkan kebudayaan. Saya harap ada reverse gear dalam soal ini semoga jangan dimasukkan anak-anak yang menari tarian kebudayaan ini yang sebenarnya tidak begitu penting untuk dibawa ke nightclub walaupun

saya tidak tahu bagaimana suasana nightclub, tetapi saya percaya di situ banyak ada orang-orang yang kalau ada kesempatan mahu lihat anak-anak gadis yang masih bersih yang menari kebudayaan, han, di situ tempat ramai-ramai mereka akan pergi.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, sebagai murid tua Maktab Melayu Kuala Kangsar saya rasa gelisah melihat kemerosotan results baharu-baharu ini. Dahulu di tahun 1961 waktu saya di sekolah pernah daripada 40 dalam satu darjah 40 dapat A1 mathematics dan 38 mendapat A2 mathematics seluruh darjah. Hari ini kita lihat keputusan sudah jatuh dan sebagai murid tua saya rasa sedih dan sekarang waktu saya bicara ini saya lihat Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua juga murid tua. Saya harap ada satu penyelidikan kepada Maktab Melayu Kuala Kangsar kerana di sini juga sebagaimana kita lihat di sekolah Johor Bahru anak-anak Melayu yang terpilih yang pergi ke sana kenapa satu durjana menimpa sehingga jadi begini.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, perbahasan saya dan sama-samalah kita berdoa semoga soal penyelesaian rezki dapat di-seimbangkan dengan penekanan hawa nafsu yang menjadi-jadi. Saya cadangkan diharamkan buku fatua "Jadi Kaya" karangan Neopolan Niel yang menghina Nabi Besar Muhammad s.a.w.

Saya mencadangkan insuran pertanian untuk memberi bantuan kepada petani-petani yang menerima masalah apabila hasil-hasil pertanian mereka itu menjadi rusak. Saya cadangkan supaya cukai atas mesin pembajak dua roda dihapuskan kerana mesin pembajak yang lebih besar yang empat roda sudah tidak ada dan patut yang kecil dapat dibeli oleh petani juga dihapuskan. Saya cadangkan harga padi dinaikkan dari sekarang dan saya cadangkan revolving fund \$500 juta untuk menyelesaikan persoalan rural indebtedness.

6.49 ptg.

**Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris di samping Bahasa Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Diizinkan.

**Datuk Stephen Yong Kuet Tze:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda di Dewan yang mulia ini pada 21hb Mac. Saya juga bangun menyokong usul di atas nama Ahli Yang Berhormat dari Renggam. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Titah Ucapan Baginda telah menyatakan bahawa Kerajaan akan memulakan banci pertanian yang lengkap pada tahun ini sebagai satu langkah untuk memajukan sektor pertanian dengan lebih berkesan. Sambil menyambut cadangan ini saya ingin mengetahui samada tarikh telah ditetapkan untuk banci tersebut. Saya rasa bahawa kecuali satu tarikh ditetapkan kerja seumpama ini akan berjalan tahun demi tahun dengan tidak membawa apa-apa hasil.

(*Dengan izin*) While census is being carried out, I think the Government should lay down a policy with regard to the proportion between development of large estates and small holdings. Development of large estates may be easier to plan and control and small holdings rather unwieldy, but I feel small holdings should be encouraged because it conforms to the idea of property-owning democracy which will ensure loyalty and stability.

Saya telah menyatakan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini betapa mustahaknya mengadakan kajian tanah (soil survey, land utilisation and agricultural extension scheme). Saya merasa dukacita bahawa tidak banyak kerja yang dijalankan berkenaan perkara-perkara tersebut oleh Kerajaan untuk negeri Sarawak disebabkan kekurangan kewangan dan kakitangan Kerajaan. Saya meletakkan perkara-perkara ini sebagai keutamaan yang pertama dan menyeru bahawa kewangan-kewangan yang secukupnya diberikan dan pekerja-pekerja yang layak diambil.

I hope that the proposed census will examine the land shortage problem in Sarawak and will result in getting the State Government to open up more land for farmers in small holdings. Land is not an asset unless it is made productive. It can only be productive when cultivated by man.

Production means income—more production means more income not only for the toilers of the soil but also the Government in the form of tax and customs duty. I know of many pepper planters and vegetable growers in Sarawak using land without title. They have no security of tenure. Since they are earning a living honestly with toil and sweat, the Government should see to their not being forcibly displaced or evicted just because technically they have not complied with the Land Code. After all, they contribute to national wealth.

Tuan Yang di-Pertua, His Majesty mentioned about the determination of the Government to build a united, democratic, just and prosperous Malaysian nation. Unity and justice dictate that no State ought to be treated unequally. I therefore would again put forward the plea that people in Sarawak ought not be made to pay import duty on goods from Semenanjung Malaysia on which duty has already been paid. We were told that this anomaly could only be removed with the introduction of a Customs and Excise Harmonisation Act. This matter was brought up soon after Malaysia had come into being. Over 10 years have now passed and people are asking why this exercise should take so long and when will it be completed?

In this connection, may I mention the plight of pepper planters in Sarawak. Pepper is subject to export duty. For white pepper when the price is \$125 per pikul 5% duty is payable and the rate is progressively chargeable from 10% to 5% on the enhanced value. For black pepper the 5% duty is levied when the price is \$90 per pikul and the rate is also progressively chargeable from 10% to 5% on the increased price. The objections to this system of taxation are: firstly, the lower ceiling of \$125 and \$90 per pikul for white and black pepper respectively was fixed in 1961. Since then the costs of production—such as costs of fertiliser, insecticide, labour and transport charges—have gone up many times. It is estimated that it would cost a planter between \$150 and \$200 to produce a pikul of pepper. Levy of export duty on pepper when market price should fall below the economic price would impose hardship on the producers. Secondly, the value on which the duty is based is not on the market value in Sarawak but on that at Singapore, which of course

will always be higher. Thirdly, no such duty is levied on pepper grown in and exported from Semenanjung Malaysia. I would therefore, Mr Speaker Sir, appeal to the Government to consider sympathetically to either abolish the export duty on pepper or to impose a flat rate of 5% on value over and above the price of \$150 per pikul and that the duty should be based on the market price in Sarawak and not in Singapore.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang terdapat di Sarawak sahaja ialah sebilangan besar kanak-kanak yang dilahirkan di Brunei yang masih menunggu kelulusan permohonan kewarganegaraan dengan cara pendaftaran di bawah Perkara 15, Perlembagaan. Atas sebab-sebab sejarah, ilmu alam dan ekonomi ramai rakyat dari Sarawak bekerja di Brunei sebelum Hari Malaysia dan anak-anak mereka telah dilahirkan di sana. Tambahan juga pada masa penjajah tidak terdapatnya kemudahan-kemudahan hospital di Limbang dan ramai ibu di Limbang yang mengandung terpaksa pergi ke Brunei untuk bersalin. Dengan tidak mendapatkan kelulusan untuk permohonan-permohonan kewarganegaraan mereka, mereka ini akan menjadi orang yang tidak mempunyai negara (stateless). Mereka ini mempunyai kesusahan untuk mendaftar di mana-mana sekolah dan mendapatkan pekerjaan. Kesusahan ini adalah nyata. Saya percaya beberapa permohonan telahpun dimajukan kepada pihak-pihak berkenaan untuk diproseskan dan ini telah berlaku beberapa tahun dahulu. Apakah yang menyebabkan kelambatan ini? Saya ingin merayu kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya mengeluarkan satu arahan terhadap perkara ini. Jikalau beban kerja di Kementeriannya di sini adalah sangat berat, saya ingin mencadangkan bahawa kerja memproseskan permohonan-permohonan itu dijalankan oleh Jabatannya di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, the Chinese in Sarawak are greatly concerned with the recent press report on the notice served on the Management Board of a Chinese School in Kuala Lumpur with the intention of dissolving it. I remember in January last year when I and a delegation of Chinese School Boards of Management called on Yang Berhormat Minister of Education to submit a memorandum to his Cabinet Committee on review of the education system, he had stated that the power under Section 26A of the Education Act would not be exercised except

at the specific request of the Management itself. That Section of the Act was supposed to be an enabling provision, I trust that that policy has not changed. In this connection, may I enquire whether the Cabinet Committee has deliberated on the memoranda submitted to it and when will it make its recommendation to the Government.

Tuan Yang di-Pertua, we talk of property-owning democracy. It gives every citizen a stake in the country. It will generate a sense of belonging, patriotism and loyalty. But where do we begin to implement such an idea? I think there is nothing more concrete for a person to feel having a stake in the country than owning a house, a place of abode for his family. I, therefore, feel that low cost housing projects must be given top priority because housing has not only social also political significance. The necessary funds must therefore be found.

Low cost housing projects in Sarawak have made slow progress. I understand that the necessary funds were not available. There may be other limiting factors. I hope that the Ministry concerned would give the State Authority the necessary assistance by way of planning, designing and above all the adequate funds.

With such hopes in my heart, I support the motion.

7.02 *mlm.*

**Tuan Mak Hon Kam (Tanjong Malim):**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 21hb Mac, ini yang mana telah menyentuh usaha meninggikan taraf hidup serta masalah-masalah sosial yang kita hadapi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan sepatah dua mengenai masalah penyalahgunaan dadah. Sedikit masa dahulu, Dewan Rakyat ini telahpun meluluskan satu undang-undang untuk mengambil tindakan terhadap pembekal-pembekal, pengedar-pengedar dan penagih-penagih dadah.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya tindakan-tindakan tegas yang telah dan sedang diambil terhadap golongan tersebut tidak memadai untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penyalahgunaan dadah adalah serius khususnya di kalangan kaum belia. Menurut perangkaan pihak yang berkenaan, adalah dianggarkan bahawa kira-kira 80% dari mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah adalah di antara umur 15 tahun hingga 35 tahun. Perangkaan tersebut juga membongkar bahawa dalam masa lima tahun yang lalu, jumlah orang yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dalam masyarakat kita ialah lebih dari 15,000 orang sedangkan jumlah dadah yang terlibat bernilai lebih kurang \$30 juta. Mustahaklah kegiatan yang tidak sihat ini, yang berjalan sekarang dalam masyarakat kita dibentasi sebelum ia berkembang lebih lanjut dan seterusnya mencelakakan masyarakat kita.

Saya berharap pihak Kerajaan mengambil berat tentang hal ini dengan membukakan lebih banyak tanah kepada lebih banyak pembangunan negara. Ini adalah cara yang realistik sekali untuk mendatangkan lebih banyak peluang-peluang bagi para penganggur khususnya kaum belia, para pelajar yang tamat sekolah yang menghadapi masalah untuk mendapat pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, selalunya kita dapati orang yang menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan yang mempunyai perasaan tidak selamat di dalam masyarakat kita. Orang-orang inilah yang berasa terkeliru dan tersesat dan oleh kerana mereka terpaksa mencari makan pula mereka pun terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang tidak sihat seperti menjadi penagih atau pengedar dadah dan lain-lain.

Saya ingin menegaskan bahawa beribu-ribu orang penuntut setiap tahun yang tidak dapat melanjutkan pelajarannya terpaksa menghadapi masyarakat. Untuk menolong mereka itu saya menggesa pihak Kerajaan supaya membanyakkan kemudahan-kemudahan pelajaran untuk melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dalam berbagai-bagai bidang kemahiran dan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, sambil menyentuh soal pelajaran ini, saya menggesa pihak Kerajaan mengkaji masalah para penuntut yang gagal mendapat tempat belajar di Universiti-universiti tempatan tetapi berjaya mendapat tempat belajar di universiti-universiti luar negeri. Bagaimanapun kedutaan luar negeri itu di sini menolak permohonan mereka untuk mendapatkan visa.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, saya ingin mengambil peluang ini untuk menggesa pihak Kerajaan supaya memastikan perkhidmatan nasional (national service) kepada seluruh kaum belia. Ini akan memberi peluang kepada para pelajar yang tamat sekolah untuk mendisiplinkan diri mereka supaya bila mereka keluar untuk menyertai masyarakat mereka tidak dapat mudah terpengaruh oleh anasir-anasir yang tidak diingini. Sebagai golongan belia mereka mempunyai peranan penting dalam pembangunan negara dan masyarakat kita akan datang adalah terserah kepada mereka itu.

7.09 mlm.

**Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dan menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 21-3-1977 dan saya suka di sini bercakap dengan ringkas oleh kerana banyak Ahli-ahli dalam Dewan ini sudah menimbulkan banyak perkara-perkara yang penting kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali suka saya menyentuh berhubung dengan Bahagian Pinjaman Wang kepada rakyat. Oleh kerana di bawah Titah Ucapan Duli Tuanku ada berbunyi seperti berikut:

“Tempat-tempat kediaman untuk pekerja merupakan satu masaalah yang besar dan Kerajaan telah mengadakan kemudahan-kemudahan seperti pinjaman kadar faedah yang rendah untuk mengatasi masaalah ini.”

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memanglah disambut baik oleh rakyat di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga supaya janganlah berulang kali membuat rancangan demi rancangan, akan tetapi mestilah ditubuhkan kepada tiap-tiap negeri yang mengawali perumahan di negeri masing-masing, sebagaimana kita tahu di Semenanjung Malaysia bahawa meminjam wang kerana membeli rumah swasta adalah mengikut peruntukan yang ada dan kadangkala swasta sendiri meletakkan harga rumah yang agak tinggi. Bagi kami di negeri Sarawak, saya berpendapat banyak pegawai dan kaki-

tangan Kerajaan tidak mencukupi tempat kediaman dan banyak kakitangan Kerajaan di Sarawak terpaksa menyewa rumah tokeh. Oleh yang demikian, saya fikir Kerajaan patutlah menubuhkan satu badan penyiasatan supaya Kerajaan kita dapat tahu kesusahan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang tidak mempunyai tempat kediaman. Ini amatlah penting dan saya berharap kepada Menteri yang berkenaan akan dapat menimbangkan dan mengadakan kemudahan-kemudahan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun di Sarawak projek perumahan sudah ada dan sudah lama dijalankan iaitu oleh Borneo Housing dan Low Cost Housing dan ejensi-ejensi yang lain ini tidak dapat menghapuskan kekurangan rumah yang perlu kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan. Tetapi suka saya sebutkan di sini bahawa sekim pinjaman kepada negeri Sarawak patutlah ditubuhkan supaya dapat membantu Borneo Housing dan Low Cost Housing yang ada sekarang dan sekim pinjaman ini dapat memberi faedah kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan. Dan ini juga dapat memberi faedah yang lebih besar kepada rakyat dan akan dapat menolong kekurangan rumah yang diperlukan oleh seluruh rakyat khususnya di Sarawak.

Saya berharap Menteri Perumahan akan dapat mengambil berat dan memberi pertimbangan supaya rakyat yang memerlukan rumah dapat dijayakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit di sini mengenai keselamatan dalam negara Malaysia, walaupun keselamatan dianggapkan bertambah baik tetapi rakyat mestilah berawas-awas. Semalam kita dengar dalam radio atau baca dalam akhbar pagi ini, dua anggota polis kita telah terbunuh dan ini menunjukkan ancaman musuh dalam negeri ini masih berjalan terus dan rakyat dalam negeri ini patutlah berjaga-jaga dan bekerjasama dengan anggota pasukan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh di sini mengenai Border Scouts di Sarawak. Dalam bulan yang lepas kita tahu enam Border Scouts dari kawasan saya di Batang Lupar patrol ke Bahagian Pertama iaitu di kawasan Bau-Lundu dekat sempadan Malaysia/Indonesia, enam Border Scouts itu cukup cergas dan dia dapat merampas satu kem komunis tetapi oleh kerana keberanian

seorang dari enam orang itu terus mati ditembak oleh kominis. Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Menteri berkenaan supaya dapat membesarkan Border Scouts di Sarawak dan memberi senjata yang moden kepada mereka. Border Scouts ini tidak ada berlainan, ini bolehlah dianggapkan sama dengan askar Ranger ataupun Pasukan Polis Hutan kita. Border Scouts itu amatlah betul-betul bertanggungjawab kepada negara kita. Saya merayu kepada Menteri berkenaan supaya beliau dapat memikirkan dengan sedalam-dalamnya supaya Border Scouts ini diberi senjata dengan lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu suka juga saya menyentuh di sini mengenai tanggagaji Border Scouts. Saya sudah berapa kali diberitahu oleh Jabatan Border Scouts oleh kerana gaji Border Scouts itu tidak dinaikkan. Jadi gaji masa yang lepas sudah lebih 10 tahun iaitu masih menerima month-to-month salary. Border Scouts itu sudah ditubuhkan lebih kurang 10 tahun dahulu. Dengan yang demikian, saya dapat tahu banyak Border Scouts itu bimbang, sangat khuatir oleh kerana tidak puas hati gaji tidak dinaikkan. Saya di sini Tuan Yang di-Pertua, ingin juga bertanya adakah Kerajaan menimbangkan tanggagaji Border Scouts itu atau tidak dan mengapakah Kerajaan tidak dapat mengambil berat atas tanggagaji Border Scouts? Dalam pendapat, saya oleh kerana kenaikan harga barang di negara kita ini sudah berapa kali melambung tinggi, saya berharap tanggagaji Border Scouts itu patutlah diambil perhatian yang berat oleh Kerajaan.

7.17 *mlm.*

**Tuan Hashim bin Ghazali (Matang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda kerana Titah Ucapan Baginda pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keempat yang dikemukakan usul oleh Ahli dari Rengam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, satu ayat yang paling penting sekali. Saya minta izin membacanya :

“Pada tahun ini Malaysia genap 20 tahun merdeka . . . . .”

Oleh kerana ayat ini telah menjadi Titah Duli Yang Maha Mulia di dalam Dewan ini, dengan sendirinya patutlah kita mengingati

semula di atas sejarah negara kita sekurang-kurangnya 20 tahun yang lalu pada masa rakyat negara ini merebut supaya mencapai kemerdekaan. Apabila sahaja negara mencapai kemerdekaan kita patut sedar pula siapakah di antara rakyat ini yang begitu bersusah-payah sehingga tercapai kemerdekaan dan kemerdekaan itu terus kekal hingga saat ini selama 20 tahun. Daripada semenjak itu kita patut sedar pada masa negara di dalam keadaan darurat. Dan daripada negara dalam keadaan darurat telah beransur-ansur pulih dan apabila sampai kepada tempoh 20 tahun ini, keadaan telah menjadi satu keadaan yang kita tidak sangka sama sekali.

Sungguhpun begitu pihak Kerajaan pada masa itu Kerajaan Perikatan, yang memerintah negara ini telah bersusah-payah mengisi kemerdekaan yang telah tercapai dengan berbagai-bagai rancangan bagi rakyat baik ia daripada golongan orang-orang Melayu, orang-orang China, India atau sebagainya yang ada di dalam negara ini. Di dalam tempoh 20 tahun kita dapati tidak ada siapa boleh menafikan baik dari segi pelajaran yang begitu maju, dalam persekolahan universiti dan sebagainya, di dalam rancangan tanah, dalam rancangan ekonomi, perniagaan dan sebagainya bahawa Kerajaan Perikatan dan pada masa ini telah menjadi Kerajaan Barisan Nasional telah dapat memerintah negara ini (pada masa itu disebut Persekutuan Tanah Melayu) sehingga menjadi negara Malaysia yang mana Sarawak dan Sabah menjadi sebahagian daripadanya. Dengan kejayaan-kejayaan yang ada, dengan penyusunan-penyusunan yang telah ujud dalam negara kita, dengan sendirinya bukan sahaja diperintah melalui satu-satu golongan atau disokong oleh satu-satu kaum di dalam negara ini. Kalau ada cadangan-cadangan yang dikemukakan telah dipersetujui oleh semua kaum baik ia daripada orang-orang Melayu yang pada masa ini disebut bumiputra, orang-orang China, India atau sebagainya.

Misalnya, pada masa Dasar Pelajaran dilaksanakan, kita mendapat sokongan daripada semua pihak dan pada masa rancangan tanah, contohnya FELDA dirancarkan kita telah mendapat sokongan daripada semua pihak dan selain daripada itu bagaimanakah rakyat bumiputra boleh mencapai matlamat 30% ekonomi di dalam tempoh sehingga tahun 1990, itupun, mendapat sokongan daripada seluruh rakyat. Tetapi apa yang saya sebut di sini, apabila Titah Ucapan menyebut kita

sudah genap 20 tahun mencapai kemerdekaan ada terdapat Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini telah membangkit-bangkitkan perkara yang tidak patut dibangkitkan. Jika ahli-ahli Yang Berhormat ini mengengang kembali sejarah dalam negaranya sendiri, saya percaya tidak siapa boleh membangkitkan perkara ini bahkan kita meneruskan di atas rancangan-rancangan yang telah disusun.

Misalnya, di atas usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Renggam ada menyebut berkenaan dengan FELDA, rancangan tanah yang diberi kepada orang yang telah dipersetujui pada satu masa dahulu. Ini kerana FELDA yang telah didapati, yang telah diduduki oleh orang-orang Melayu yakni bumiputra yang ada pada masa ini kerana mereka ini telahpun diakui oleh kita, mereka terdiri daripada golongan yang miskin di dalam negaranya sendiri dan mereka hanya mempunyai ekonomi tidak sampai 10% sesudah 20 tahun kita mencapai kemerdekaan. Kalau rancangan FELDA ini kita tahan dan tidak beri peruntukan kepada bumiputra, saya bimbang keadaannya berlainan daripada cita-cita negara kita sendiri. Oleh sebab itu saya ingin menyeru balik kepada Ahli Yang Berhormat dari Renggam supaya mengkaji semula apakah yang telah kita catitkan dalam pelaksanaan negara dan kita harap supaya cita-cita kita bersama mendapat hasil. Kalau rancangan FELDA ini kita buka dengan begitu luas dan kita tidak sumbangkan bagi kaum dalam negara ini, saya percaya untuk mencapai taraf hidup orang-orang Melayu, orang-orang bumiputra yang baharu tidak sampai 10% ekonominya bagaimanakah kita dapat mencapai matlamatnya 30% pada tahun 1990?

Selain daripada itu, telah dibangkit-bangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga tentang masalah rancangan tanah ini dan kita tidak menyekat sesiapa pun bahkan menyokong juga sekiranya rakyat yang tidak

bertanah patut diberi tanah. Tetapi janganlah kita membuat atau mengubah pula di atas dasar-dasar atau rancangan-rancangan yang kita telah persetujui pada satu masa dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Ahli Yang Berhormat dari Renggam ini juga telah menyebutkan masalah pelajaran orang-orang China dalam negara ini. Bukan sahaja Ahli Yang Berhormat dari Renggam bahkan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Kepong dan beberapa orang yang lain telah membangkitkan di atas pelajaran orang-orang China dalam negara ini. Pada hal kita sedia maklum bagaimana pelaksanaan pelajaran di negara ini yang telah berjalan dengan begitu baik di atas persetujuan kita bersama, di atas pelaksanaan yang telah dipersetujui oleh rakyat di atas dasar pelajaran itu. Kalau kita menafikan seperti Ahli Yang Berhormat dari Renggam mengatakan kekurangan orang-orang China yang dapat melanjutkan pelajarannya di dalam negara ini, terpaksa keluar negeri. Ini bukan orang China sahaja, bahkan orang-orang bukan China pun ramai dikeluarkan daripada negara ini kerana menuntut di negara-negara lain bagi kepentingan negara kita juga. Kalau kita cuba menafikan di atas perlaksanaannya, saya bimbang kalau Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus tidak menyebut siapa Ahli-ahli Yang Berhormat itu, saya telah menyebut dengan terang supaya kita bersama-sama dapat mengkaji semula di atas apa yang telah dititah oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan bagaimana gembiranya baginda kerana negara kita sudah mencapai 20 tahun kemerdekaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, kalau ada lagi, boleh sambung esok. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, 25hb Mac, 1977.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.*